

## BAB KEDUA

### HADITH SEBAGAI SUMBER HUKUM

#### 2.1 KEDUDUKAN HADITH DALAM ISLAM

Hadith mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam Islam. Kedudukan itu dapat ditentukan dengan merujuk kepada Rasulullah (s.a.w.) dan autoritinya kerana hadith dan Rasulullah (s.a.w.) tidak dapat dipisahkan. Dengan mengetahui kedudukan Rasulullah (s.a.w.), dapat diketahui kedudukan hadith itu sendiri. Oleh kerana kedudukan Rasulullah (s.a.w.) telah ditentukan oleh Allah (S.W.T.), maka untuk mengetahuinya mestilah dirujuk kepada Al-Qur'an sebagai wahyu Allah.

Dengan merujuk kepada Al-Qur'an di dapati Rasulullah (s.a.w.) mempunyai kedudukan dan tugasnya yang tersendiri.

#### 1. Rasulullah (s.a.w.) sebagai pentafsir Al-Qur'an

Al-Qur'an adalah sumber dan asas syari'at yang utama dalam Islam. Ia merupakan perlembagaan yang mengatur seluruh sistem kehidupan umat Islam.

Manusia dengan ilmunya yang terbatas tidak mungkin dapat memahami keseluruhan kandungan Al-Qur'an tanpa merujuk kepada keterangan dan penjelasan yang diberikan oleh Rasulullah (s.a.w.) melalui ḥadīth-hadīthnya.<sup>1</sup> Dengan itu, salah satu dari tugas Rasulullah (s.a.w.) adalah menerang dan mentafsirkan Al-Qur'an seperti yang dikehendaki oleh Allah. Penjelasan lanjut akan disebut semasa menerangkan hubungan Hadith dengan al-Qur'an nanti.

## 2. Rasulullah (s.a.w.) wajib dita'ati

Seperti yang telah disebut di atas, Rasulullah (s.a.w.) adalah pentafsir dan penghurai kepada al-Qur'an melalui hadith-hadithnya. Setiap penjelasan itu mestilah dipatuhi dan diikuti, sebagaimana kepatuhan terhadap al-Qur'an. Tidak bermakna ketaatan dan kepatuhan tanpa mengikut sunnah dan ḥadīthnya. Dengan itu kepatuhan kepada Rasulullah (s.a.w.) itu adalah wajib.

Terdapat banyak nas-nas al-Qur'an yang menunjukkan Allah (S.W.T.) memerintahkan supaya mena'ati Rasulullah (s.a.w.) yang datang dalam beberapa bentuk yang boleh diperincikan seperti berikut:

i. Arahan supaya beriman kepada Rasul

Allah telah mengutuskan rasul-rasul kepada manusia dengan membawa syari'at-Nya untuk membimbing dan meyelamatkan mereka. Segala perintah dan tegahan mereka hendaklah dipatuhi. Perkara ini tidak akan berhasil tanpa beriman kepada mereka terlebih dahulu. Dari keimanan itulah lahirnya keta'atan.

Dalam beberapa firmanNya, Allah telah memerintahkan supaya beriman kepada Rasul-rasulnya.

Firman Allah:

وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّدِيقُونَ وَالشَّهِداءُ  
عِنْدَ رَبِّهِمْ لَهُمْ أَجْرٌ مِّنْ رَبِّهِمْ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَكْذَبُوا  
بِتَائِيْنَا أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَحِيرِ ﴿١٦﴾

"Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya, mereka itu orang-orang siddiqien dan orang-orang yang menjadi saksi di sisi Tuhan mereka. Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, mereka itulah penghuni-penghuni neraka"<sup>2</sup>

Firman Allah:

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَدْرِأَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا  
أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَقِّيْقَةٍ بَمِيزَ الْخَيْرَ مِنَ الْطَّيِّبِ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُطْلَعُكُمْ  
عَلَىٰ الْعَيْنِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مِنْ رُسُلِهِ مَنْ يَشَاءُ فَإِنَّمَا يُنْهَا إِلَيْهِ  
وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَسْتَعْوِدُوْ فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧﴾

"Allah sekali-kali tidak akan membiarkan orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang ini sehingga Dia menyisihkan yang buruk (munafiq) dari yang baik (mu'min). Dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan kepada kamu hal-hal yang ghaib, akan tetapi Allah akan memilih sesiapa yang dikehendakiNya di antara Rasul-rasuINya, dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka bagimu pahala yang besar"<sup>3</sup>

Firman Allah:

يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَعْلُو فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا  
عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمٍ رَسُولٌ  
اللَّهُ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَيْنَا مَرْيَمٌ وَرُوحٌ مِنْهُ فَعَامَّوْا بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ

"Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu dan janganlah kamu mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya Al-Masih, Isa putera Maryam itu adalah utusan Allah dan (yang diciptakan dengan) kalimahNya yang disampaikan kepada Maryam dan (dengan tiupan) roh dariNya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya"<sup>4</sup>

Rasulullah (s.a.w.) adalah termasuk di kalangan rasul-rasul tersebut, menta'atinya juga adalah wajib sebagaimana mentaati rasul-rasul yang

lain. Difahami juga dari perintah supaya beriman terhadap mereka adalah keta'atan kepadanya kerana tanpa beriman, ketaatan tidak wujud.

- ii. Perintah beriman terhadap Rasul digabungkan dengan perintah beriman kepada Allah

Bukti kepatuhan terhadap Rasulullah (s.a.w.) adalah wajib apabila Allah (S.W.T.) telah menggabungkan perintah supaya beriman terhadap Rasul dan beriman kepada-Nya. Di sini jelas menunjukkan yang rasul juga mesti ditaati sebagaimana mentaati Allah.

Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مُعَمَّلاً  
عَلَىٰ أَمْرٍ حَاجِمٍ لَمْ يَذْهَبُوْهُ حَقَّنَ بِسْتَدِيْنَوْهُ

"Sesungguhnya yang sebenar-benar orang mu'min ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah dalam sesuatu urusan yang memerlukan pertemuan, mereka tidak meninggal (Rasulullah) sebelum meminta izin kepadanya"<sup>5</sup>

Firman Allah:

يَكَاهُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ  
عَلَىٰ رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ

"Wahai orang-orang yang beriman! tetaplah beriman kepada Allah dan RasulNya dan kepada Kitab yang Allah turunkan kepada RasulNya, serta Kitab yang Allah turunkan sebelumnya"<sup>6</sup>

4

Firman Allah:

فَنَّا مِنْهُ أَيْلَهُ وَرَسُولُهُ النَّبِيُّ الْأُمِّيُّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللهِ  
وَكَلِمَتِهِ، وَأَتَّیْعُهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٨﴾

"Maka berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimatNya (Kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu mendapat pertunjuk"<sup>7</sup>

Firman Allah:

فَنَّا مِنْهُ أَيْلَهُ وَرَسُولُهُ، وَالنُّورُ الَّذِي أَنْزَلْنَا وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَيْرٌ ﴿١٩﴾

"Maka berimanlah kamu kepada Allah dan rasulNya dan kepada cahaya (al-Qur'an) yang kami turunkan. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan"<sup>8</sup>

Imam al-Syāfi'ī<sup>9</sup> berkata:

8

"Allah telah menjadikan permulaan kesempurnaan iman itu dengan beriman kepada Allah dan kemudiannya kepada RasulNya. Andainya seseorang itu beriman kepada Allah tetapi tidak beriman kepada RasulNya, belum terlaksana kesempurnaan iman itu samasekali, sehinggalah ia beriman kepada Rasul. Inilah langkah yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w.) terhadap sesiapa yang mahu diuji keimanannya"<sup>10</sup>

Lalu diperturunkan satu hadith:

"Umar bin al-Hakām berkata, saya datang menemui Rasulullah (s.a.w.) bersama-sama dengan seorang sahaya perempuan, lalu saya berkata: Wahai Rasulullah! Saya memiliki sahaya lelaki, apakah boleh saya memerdekaannya? Lalu Rasulullah (s.a.w.) bertanya kepada sahaya perempuan itu: " Dimana Allah? Jawabnya: Dilangit. Baginda bertanya lagi: Siapa saya? Jawabnya: Tuan adalah Rasul Allah. Lalu Rasulullah (s.a.w.) bersabda: Merdekaanlah ia"<sup>11</sup>

Allah telah memfardukan keatas manusia supaya mengikut wahyuNya dan sunnah RasulNya.<sup>12</sup> Jelaslah dengan digabungkan perintah supaya beriman kepada Rasul dan beriman kepada Allah adalah salah satu bentuk wajibnya menta'ati Rasul.

- iii. Wajibnya menta'ati Rasul bererti wajibnya menta'ati Rasulullah (s.a.w.)

Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطْكِنَ بِإِذْنِ اللَّهِ

"Dan kami tidak mengutus seseorang Rasul melainkan untuk dita'ati dengan izin Allah"<sup>13</sup>

Dalam ayat di atas, Allah (S.W.T.) menjelaskan yang tujuan dari perutusan rasul-rasul untuk dipatuhi dan dita'ati perintah-perintah yang dibawa, sentiasa akur dan tunduk kepada apa sahaja yang disampaikan oleh mereka. Sesiapa sahaja yang enggan dan berpaling dari hukum dan perintah mereka, dikira telah menderhakai Allah.

Rasulullah (s.a.w.) adalah termasuk dalam kalangan rasul-rasul itu. Malah perintah untuk menta'atinya lebih ditekankan kerana risalah yang

dibawanya adalah penyudah segala syari'at dan baginda adalah penyudah sekalian nabi. Kitab yang diturunkan kepada baginda juga merangkumkan semua kitab samawi yang lain, malah ajarannya ditujukan kepada semua dan berbentuk universal.

Perintah menta'ati mereka tidak terhenti kepada apa yang disampaikan dari al-Qur'an sahaja, malah merangkumi semua perkara yang disampaikan kepada umat kerana Allah menyebut dalam ayat tersebut (نِطْيَاعٌ) yakni untuk ditaati. Kalau lah yang wajib ditaati itu terbatas kepada kitab yang dibawanya sahaja, bagaimanalah pula keadaan rasul dan nabi yang tidak membawa bersama mereka kitab? Dalam perkara apakah umat mereka wajib menta'ati mereka? Tidak lain dari kata-kata mereka.

- iv. Digabungkan di antara perintah menta'ati rasul dengan menta'ati Allah

Terdapat banyak ayat-ayat di mana Allah telah memerintahkan supaya mentaati Rasulullah (s.a.w.) yang dikembarkan dengan menta'ati-Nya.

Firman Allah:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ  
١٢٣

"Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan RasulNya supaya kamu diberi rahmat"<sup>14</sup>

Firman Allah:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا إِنْ تَوَلَّنَا فَعَلَمْوَا<sup>١٤</sup>  
أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا أَلْبَلَغُ الْمُؤْمِنُونَ

"Dan ta'atlah kamu kepada Allah serta ta'atlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (jangan sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang di perintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata"<sup>15</sup>

Firman Allah:

يَتَأْمِنُ الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَوَلَّوْا عَنْهُ  
وَأَنْتُمْ تَسْمَعُونَ<sup>١٥</sup>

"Wahai orang yang beriman! Ta'atilah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berpaling daripadanya, sedang kamu mendengar (al-Qur'an yang mewajibkan menta'atinya)"<sup>16</sup>

٤

Firman Allah:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِنْ تَوْلُوا فَإِنَّمَا عَنْهُمْ مَا حِلَّ  
وَعَلَيْكُمْ مَا حِلَّتْمُ

"Katakanlah (wahai Muhammad): " Ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul Allah. Kemudian jika kamu berpaling ingkar, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajipan kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu"<sup>17</sup>

Firman Allah:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوْلُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ  
الْكُفَّارَ

(٢٣)

"Katakanlah: "Ta'atilah Allah dan RasulNya, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir"<sup>18</sup>

Firman Allah:

وَمَنْ يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٢١﴾

٤

"Dan sesiapa yang mendurhakai Allah dan RasulNya maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata"<sup>19</sup>

Inilah beberapa ayat yang disebut sebagai contoh. Namun terdapat banyak lagi ayat-ayat yang menggabungkan perintah supaya menta'ati Allah dengan perintah menta'ati Rasulullah (s.a.w.). Malah setiap perintah menta'ati Allah disertakan sama dengan keta'atan kepada Rasul di mana digabungkan dengan *wau al-'atf* atau *wau 'atf* dengan diulang perintah supaya menta'ati itu untuk lebih menguatkan lagi perintah tersebut. Begitu juga, setiap amaran dan ancaman supaya jangan menderhakai Allah disertakan juga Rasulullah (s.a.w.).<sup>20</sup>

وَإِنَّ رَبَّكَ

Menurut al-Syātibīy:<sup>21</sup> "Keta'atan kepada Rasul ini sudah tentu dalam perkara yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an kerana apa yang terdapat dalam al-Qur'an sudah terangkum dalam perintah ta'at kepada Allah.<sup>22</sup>

v. Perintah supaya menta'ati Rasul secara khusus:

Perintah menta'ati Rasulullah (s.a.w.) ini di samping digandingkan dengan keta'atan kepada Allah. Ada juga yang datang secara khusus iaitu dengan menyebut Rasulullah (s.a.w.) bersendirian tanpa digabungkan dengan Allah. Banyak ayat-ayat yang datang dalam bentuk ini.

Di bawah ini diperturunkan beberapa ayat daripadanya:

Firman Allah:

فَلَا وَرِبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ  
حَقَّ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بِنَهْمَةٍ لَا يَحِدُّونَ  
فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجٌ مَّا قَضَيْتَ وَيُسِّلِّمُوا تَسْلِيْمًا

"Maka demi Tuhanmu<sup>23</sup> Mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima sepenuhnya<sup>23</sup>

Firman Allah:

فَلَيَحْدِّرَ الَّذِينَ يَخْالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ  
أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ تُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

"Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasul takut akan ditimpa cobaan atau ditimpa azab yang pedih"<sup>24</sup>

4

Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مُعَذَّبَةً  
عَلَىٰ أَمْرِ جَمِيعٍ لَمْ يَذْهَبُوا حَقِّيَّةً يَسْتَدِّنُو

"Sesungguhnya yang sebenar-benar orang mu'min ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah dalam sesuatu urusan yang memerlukan pertemuan, mereka tidak meninggalkan (Rasulullah) sebelum meminta izin kepadanya"<sup>25</sup>

Firman Allah:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُجْبِيْنَ اللَّهَ فَلَا يَعْلَمُونِي بِعِيْبِكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ  
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝

"Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"<sup>26</sup>

Firman Allah:

مَنْ يُطِعَ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ  
عَلَيْهِمْ حَفِظًا ﴿٨﴾

"Barangsiapa yang menta'ati Rasul itu, sesungguhnya ia telah menta'ati Allah, dan barangsiapa yang berpaling (dari keta'atan itu), maka kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka"<sup>27</sup>

Firman Allah:

وَمَا أَنْتُمْ بِرَسُولِيَّةِ الرَّسُولِ فَخُذُوهُ وَمَا  
بِنَحْنُ عَنْهُ فَانْهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

"Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah, dan bertaqwa lah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumanNya"<sup>28</sup>

Ayat-ayat yang tersebut di atas dengan jelas menyebut bahawa ta'atkan Rasulullah (s.a.w.), mengikutnya dan mengambil apa yang dibawanya serta menerima sepenuh hukum hakamnya adalah wajib. Dengan menggunakan metod *targhib* bagi mendorong supaya mengikut dan mentaati Rasulullah (s.a.w.) dan juga *tarhib* dengan berbagai amaran dan ancaman bagi mereka yang mengingkari Rasulullah (s.a.w.), tidak mengikut perintahnya dan enggan menerima hukum hakamnya.

Dalam ayat yang pertama, Allah (S.W.T.) telah bersumpah dengan diriNya yang Suci lagi Mulia, betapa seseorang itu tidak dikira beriman sehingga mereka sanggup berhakimkan kepada Rasulullah (s.a.w.) dalam apa perkara sekalipun, di mana hukum dan keputusan baginda itu diterima pula dengan rela tanpa sebarang keraguan dan bantahan.<sup>29</sup>

Ini dikuatkan pula dengan satu hadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam satu hadīth yang panjang, sabdanya:

فَمَنِ اطَّاعَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَدْ اطَّاعَ اللَّهَ  
وَمَنِ عَصَى مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

"Sesiapa yang menta'ati Muḥammad, maka ia juga mentaati Allah dan sesiapa yang menderhakai Muḥammad ia juga telah menderhakai Allah"<sup>30</sup>

Dalam satu hadīth yang lain, Abū Musā al-Asy'arī berkata: Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«إِنَّمَا مَثَلِي وَمَثَلُ مَا بَعَثْنِي اللَّهُ بِهِ، كَمَثَلِ رَجُلٍ أَتَى قَوْمًا فَقَالَ: يَا قَوْمَ إِنِّي رَأَيْتُ الْجَيْشَ يَعْبَثُ وَإِنِّي أَنَا النَّذِيرُ لِعَرِيَانٍ، فَالْجَاهَ، فَاطَّاعَهُ طَائِفَةً مِّنْ قَوْمِهِ فَأَذْلَجُوا فَأَنْظَلُوكُوا عَلَى مَهَابِّهِمْ فَنَجَوْا، وَكَذَّبَتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ فَاصْبَحُوا مَكَانَهُمْ فَصَبَّحُوهُمُ الْجَيْشُ فَأَهْلَكُوهُمْ وَاجْتَاهُوهُمْ، فَذِلِّكَ مَثَلُ مَنْ أَطَاغَنِي فَاتَّبَعَ مَا جِئْتُ بِهِ، وَمَثَلُ مَنْ عَصَانِي وَكَذَّبَ بِمَا جِئْتُ بِهِ مِنَ الْحَقِّ».

*"Perbandingan aku dan apa yang diutuskan oleh Allah untuk membawanya, laksana seorang lelaki yang datang kepada satu kaum dan berkata: Wahai kaum! Saya melihat bala tentera dengan mata saya sendiri dan saya mengingatkan kamu semua supaya segera menyelamatkan diri, maka satu golongan dari kaum tersebut mematuhi arahannya dan mereka selamat, sedang satu golongan lagi mendustakannya dan terus berada di tempat mereka dan mereka diserang oleh tentera itu keesokannya, lalu mereka dihancurkan. Begitulah bandingan mereka yang mematuhiku lalu diikuti apa yang aku bawa dan bandingan mereka yang menderhakaiku dan ajaran yang aku bawa mengenai kebenaran.<sup>31</sup>*

Dalam ayat yang kedua pula, Allah (S.W.T.) telah memberi amaran terhadap mereka yang mengingkari perintah Rasulullah (s.a.w.), malah menurut al-Syatibiy, ingkar terhadap perintahnya dikira di antara perkara

yang boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar dari iman. Rasulullah (s.a.w.) juga dikhkususkan untuk dita'ati.<sup>32</sup>

\*

Dalam ayat yang ketiga pula, menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah:<sup>33</sup> Apabila Allah (S.W.T.) menetapkan di antara tuntutan dan keperluan iman bagi mereka yang ada bersama-sama Rasulullah (s.a.w.), apabila hendak berpergian mestilah dengan keizinan daripada baginda, dengan itu adalah lebih wajar dan utama apabila hendak mengikut mana-mana pendapat dan pandangan, hendaklah dengan keizinan baginda juga.<sup>34</sup>

Mengenai ayat keempat, al-Mubārakfūriy dalam ulasannya berkata: "Allah telah memerintahkan dalam ayat ini setiap orang yang mendakwa mengasihiNya supaya mengikut Muhammad (s.a.w.), dan tidak bermakna mengikutNya kecuali dengan mengikut baginda (s.a.w.) dalam seluruh perkataan, perbuatan, keadaan dan hidayatnya yang semua ini adalah hadith Nabi. Sudah nyata, bahawa sesiapa yang tidak mengikut hadith Nabi dan tidak berpendapat yang berpegang dengannya adalah wajib, maka dakwaan kecintaannya kepada Allah adalah dusta, sesiapa yang dakwaannya dalam perkara ini dusta, maka dakwaan keimanannya kepada Allah juga dusta tanpa sebarang keraguan lagi."<sup>35</sup>

Dalam ayat yang kelima pula Allah (S.W.T.) menjelaskan ta'at kepada Allah kerana Rasulullah (s.a.w.) tidak akan memerintahkan sesuatu kecuali apa yang diperintahkan oleh Allah, begitu juga baginda (s.a.w.) tidak melarang kecuali perkara yang dilarang oleh Allah. Sebaliknya sesiapa yang derhaka kepada Rasulullah (s.a.w.), dia juga telah menderhakai Allah.<sup>36</sup>

Dalam ayat keenam, secara jelas merangkumkan semua perkara yang datangnya dari Rasulullah (s.a.w.) samada perintah atau larangan, perkataan atau perbuatan hendaklah diterima. Sebabnya tidak lain kerana setiap yang diperintahkan oleh Allah kepadanya semuanya disampaikan kepada umatnya. Semua perkara baik yang diperintah dalam al-Qur'an atau di dalam ḥadithnya wajib ke atas umatnya menghayatinya, begitu juga segala bentuk larangan hendaklah dijalankan.

Diriwayatkan oleh Ibn Abd al-Bar:<sup>37</sup> Abd al-Rahman bin Yazid melihat seorang yang dalam keadaan berihram memakai pakaian yang berjahit lalu dilarangnya dari berbuat demikian, lelaki itu membantah dan berkata: "Bawakan kepada saya mana-mana ayat dari al-Qur'an, saya akan membuang pakaian saya ini". Lalu Abd al-Rahman membacakan ayat 7 dari surah al-Hasyr.<sup>38</sup>

- vi. Wajib ta'at kepada Rasulullah (s.a.w.) semasa hidup dan selepas wafatnya.

Keta'atan kepada Rasulullah (s.a.w.) itu tidak terbatas hanya semasa hayat Rasulullah (s.a.w.) malah ia berterusan, walaupun Rasulullah (s.a.w.) sudah wafat.

Firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُفْلِي  
الْأَمْرٌ مِنْكُمْ فَإِن نَنْزَعُنَّمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُودُهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul (Nya), dan uli al-amr di antara Ramu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah ia kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya"<sup>39</sup>

Menurut al-Tabārī:<sup>40</sup> Terdapat perselisihan di kalangan ulama dalam mentafsirkan ayat ini, setengah mereka berpendapat: ia merupakan perintah dari Allah supaya mengikut sunnahnya. Kalangan lain pula

berpendapat: ia merupakan perintah Allah supaya menta'ati Rasul semasa hayat mereka. Pendapat yang tepatnya ialah ia merupakan perintah Allah supaya mentaati RasulNya semasa mereka hidup dengan melaksanakan semua perintah dan menjauhi larangannya, dan selepas wafatnya dengan mengikut sunnahnya. Naṣ-naṣ yang memerintahkan supaya mentaati Rasulullah (s.a.w.) adalah berbentuk umum dan tidak terbatas semasa hidupnya sahaja. Perintah tersebut tidak dikhususkan kepada para sahabat Rasulullah (s.a.w.) sahaja.<sup>41</sup>

vii. Engkar terhadap sunnah dikira kufur dengan Rasulullah (s.a.w.)

Berdasarkan kepada ayat-ayat yang telah disebutkan sebelum ini, dapatlah disimpulkan yang ketia'atan kepada Rasulullah (s.a.w.) adalah satu kefarduan, menderhakainya adalah haram. Semasa mentafsirkan firman Allah:

وَمَا أَخْلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ وَّقَدْ كُنْتُ إِلَيْهِ  
الله

"Tentang suatu apapun yang kamu berselisih maka keputusannya (terserah) kepada Allah"<sup>42</sup>

Ibn Ḥazm<sup>43</sup> berkata: "Tidak ada ruang langsung bagi seorang Muslim yang berikrar dengan tauhid untuk merujuk semasa timbul perselisihan kepada selain dari Al-Qur'ān dan hadith Rasulullah (s.a.w.). Sesiapa yang melakukannya sesudah jelas dan nyata segala keterangan, ia akan tergolong ke dalam golongan yang fasiq. Sebaliknya, sesiapa yang melakukan dengan menghalalkan tindakannya keluar dari kepatuhan kepada kedua-duanya untuk patuh kepada selain keduanya, ia adalah kafir tanpa sebarang keraguan lagi."<sup>44</sup>

Ibn Ḥazm disamping itu telah juga memperturunkan ayat-ayat yang telah pun disebut di atas sebagai memperkuatkan pendapatnya itu. Beliau juga menyatakan ia tidak bersendirian dalam pandangannya itu kerana sudah ada di kalangan ulama sebelumnya berpendapat demikian, antaranya Ishāk bin Rahawayh.<sup>45</sup>

### 3. Rasulullah (s.a.w.) adalah penggubal peraturan dan undang-undang

Rasulullah (s.a.w.) selain diutuskan untuk menyampaikan, mentafsir dan melaksana syari'at Allah lagi menta'ati dan mematuhi segala yang disampaikannya. Baginda juga diberi autoriti untuk menggubal peraturan dan undang-undang dalam batas yang ditentukan oleh Allah.

Firman Allah:

الَّذِينَ يَتَّقُونَ  
الرَّسُولُ الَّذِي أَمَرَكَمْ بِإِيمَانِهِ مَكْنُوبًا عَنْ دُهُمْ  
فِي التَّوْرِيدَةِ وَإِلَيْهِ نَحِيلُ يَا مُرْهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا هُمْ  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحَلِّ لَهُمُ الظَّبَابَتِ وَيُخْرِمُ عَنْهُمْ  
الْخَبَبَتِ وَيَضْعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَلَ الَّتِي كَانَتْ  
عَلَيْهِمْ

"Mereka yang mengikut Rasulullah (Muhammad (s.a.w.) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifatnya) didalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji, dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk, dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka"<sup>46</sup>

#### 4. Rasulullah (s.a.w.) adalah teladan dan ikutan

Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُشْوَارٌ  
حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرُ وَذِكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿٦﴾

"Demi sesungguhnya adalah pada diri Rasulullah itu contoh yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah, dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak"<sup>47</sup>

Rasulullah (s.a.w.) adalah menjadi contoh dan ikutan di segenap segi, 'aqidah, ibadat, akhlak, muamalat dan lain-lain lagi, termasuk urusan dan pergaulan di rumahnya bersama isteri dan keluarganya. Atas dasar inilah Allah telah memerintahkan isteri-isterinya menjelaskan ehwal Rasulullah bersama mereka dan apa yang dipelajari dari baginda.

Firman Allah:

وَأَذْكُرْ مَا يُتْلَى فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ  
إِيمَانِ اللَّهِ وَآتِيَّةً كَمَّا إِنَّ اللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَيْرًا  
(٢٦)

Surah Al-Kahf

"Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumahmu dari ayat-ayat Allah dan hikmah (sunnah Nabimu). Sesungguhnya Allah adalah Maha Lembut lagi Maha Mengetahui"<sup>48</sup>

Itulah kedudukan Rasulullah (s.a.w.) dan autoritinya menurut Al-Qur'an. Begitu jugalah kedudukan hadithnya iaitu sumber kedua terpenting sesudah al-Qur'an. Satu kedudukan yang telah disepakati dahulu dan

sekarang, kedudukan ini tidak pernah diingkari kecuali oleh golongan yang menyeleweng dari kalangan umat Islam, yang sepatutnya tidak layak untuk mendakwa diri mereka sebagai seorang Islam.

Kedudukan ḥadīth sebagai sumber hukum selepas al-Qur'ān dan kewajipan berpegang dengannya terdapat juga dalam ḥadīth-ḥadīth Rasulullah (s.a.w.):

- i. Ḥadīth yang paling terkenal diriwayatkan mengenai kewajipan berpegang dengan hadith ini, iaitu ḥadīth yang diriwayatkan oleh Imam Mālik: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya: Kitab Allah dan Sunnah RasulNya.<sup>49</sup>
- ii. Irbād bin Sāriyah r.a<sup>50</sup> katanya:

"Kami bersolat pada suatu hari bersama-sama Rasulullah (s.a.w.), kemudian beliau berpaling mukanya ke arah kami dan menyampaikan pesanan yang sangat mendalam, yang menyebabkan air mata kami berlinangan, gementar hati-hati kami lalu kami berkata: Seakan-akan ini merupakan nasihat terakhir, berikanlah pesananmu untuk kami. Makar ia bersabda: Saya berpesan kepada kamu semua supaya bertaqwa kepada

Allah Azza Wa Jallā, dan supaya kamu dengar dan patuh, kalaupun kamu dipimpin oleh seorang hamba, sesungguhnya sesiapa yang masih hidup di kalangan kamu, akan melihat perselisihan yang besar, hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah *Khulafā' al-Rāsyidīn* yang mendapat petunjuk, gigitlah ia dengan gigi geraham kamu, dan jauhilah kamu dari perkara-perkara baru yang direka-reka, maka sesungguhnya setiap *bid'ah* itu adalah sesat".<sup>51</sup>

iii. Abu Hurāyrah r.a dari Rasulullah (s.a.w.) sabdanya:

كُلُّ أَمْتَى يُدْخِلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبَى قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبَى؟

قال : من أطاعنى دخل الجنة ومن عصانى فقد أبى

"Setiap umatku akan masuk syurga kecuali yang enggan. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah! Siapakah yang enggan itu? Sabdanya: "Sesiapa yang mentaatiku akan masuk syurga dan sesiapa yang menderhakaiku, sesungguhnya mereka yang enggan"<sup>52</sup>

Hadīth ini menunjukkan sesiapa yang menunjukkan komitmen yang sepenuhnya kepada ḥadīth Rasulullah (s.a.w.) dan menjadikannya panduan dalam memahami dan melaksanakan hukum Al-Qur'ān sesungguhnya ia akan masuk syurga, sebaliknya sesiapa yang berpaling dari sunnah, sesungguhnya dia telah meninggalkan banyak hukum-hukum al-Qur'ān. Dengan itu ia dimasukkan ke dalam neraka.

iv. Hadīth Miqdām bin Ma'dikarb dari Rasulullah (s.a.w.):

وَلَا إِنِي أُورِتَتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ، وَلَا يُوْشِكُ رَجُلٌ  
شَبَّاعٌ عَلَى أَرْبِكَتِهِ يَقُولُ: عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْقُرْآنِ، فَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ  
مِنْ حَلَالٍ فَأَحْلُوهُ، وَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَرَامٍ فَحَرِمْهُ

Digitized by Google

"Ketahuilah sesungguhnya aku dikurniakan al-Kitab dan yang seumpamanya bersama-sama, sesungguhnya seorang lelaki yang kekenyangan diatas katilnya berkata: "Hendaklah kamu berpegang dengan al-Qur'ān, apa sahaja yang dihalalkan padanya, maka halalkanlah, apa sahaja yang diharamkan, maka haramkanlah"<sup>53</sup>

Menurut al-Syāfiīy hadith ini menthabitkan sesuatu yang datang dari Rasulullah (s.a.w.) dan maklumannya hendaklah diikuti sekiranya tidak terdapat nas mengeḥai perkara tersebut dalam Kitab Allah.<sup>54</sup>

Al-Khatabiy<sup>55</sup> berkata terdapat dua andaian dari hadith tersebut:

Pertama: Rasulullah (s.a.w.) didatangi wahyu batin yang bukannya ditilawahkan (*ghāyr matlūw*) di samping wahyu yang zahir dan ditilawahkan.

Kedua: Rasulullah (s.a.w.) dikurniakan *al-Kitab* sebagai wahyu yang ditilawahkan dan dikurniakan juga keterangan-keterangan seumpamanya, iaitu diizinkan baginya untuk menjelas dan menerangkan apa yang terdapat dalam *al-Kitāb*, umum dan khusus, tambahan, *huraian* apa yang terdapat dalam *al-Kitāb*, keterangan dan penjelasan ini wajibnya menerima yang zahir.<sup>56</sup>

v. **Abdullah bin Mas'ud berkata: saya mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda:** "Allah akan memuliakan orang yang mendengar sesuatu dari kami lalu disampaikan seperti yang didengarnya,

beberapa ramai orang yang menyampainya lebih faham dari orang yang mendengar".<sup>57</sup>

\*

Dalam ulasannya mengenai ḥadīth di atas, al-Syāfi'iyy berkata: Apabila Rasulullah (s.a.w.) menggalakkan supaya mendengar sabdanya kemudian menghafal dan memeliharanya dan menyampaikan kepada orang lain. menunjukkan baginda tidak memerintahkan supaya disampaikan sabdanya itu kecuali perkara yang menjadi keterangan kepada orang yang menerimanya, kerana perkara yang disampaikan itu merupakan perkara halal yang mesti dikerjakan, yang haram yang mesti dijauhi, ḥudūd yang mahu dilaksanakan, harta yang diberi dan diterima serta nasihat dalam urusan agama dan dunia.<sup>58</sup>

Al-Bayhaqī<sup>59</sup> berkata kalau lah tidak thābit berhujjah dengan ḥadīth sudah tentu baginda (s.a.w.) tidak akan memerintahkan di hujung ḥadīth tersebut: "Hendaklah yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir, berapa ramai orang yang disampaikan lebih faham dari yang mendengar".<sup>60</sup>

Al-Qur'ān dan ḥadīth merupakan dua sumber utama dalam Islam. Seseorang tidak akan dapat memahami syari'at Islam hanya dengan merujuk kepada Al-Qur'ān sahaja tanpa merujuk kepada ḥadīth, merujuk kepada kedua-dua adalah wajib bagi mengetahui ajaran Islam yang

sebenar. Hadith adalah tafsiran secara amali dan pelengkap bagi Al-Qur'an.<sup>61</sup>

\*

Amalan para sahabat menjelaskan lagi kedudukan Hadith disamping al-Qur'an. Di mana mereka merujuk kepada Hadith Rasulullah (s.a.w.) sesudah Al-Qur'an untuk mengetahui perkara-perkara yang disyari'atkan oleh Allah (S.W.T.) dalam semua bidang jika perkara tersebut tidak terdapat dalam al-Qur'an. Mereka juga berpegang teguh dengan hadith atau sunnah Rasulullah (s.a.w.) beramal dengan apa yang mereka lihat Rasulullah (s.a.w.) mengerjakannya kerana apa yang dibawa baginda adalah syari'at yang mesti dilaksanakan.

Bukti mengenai perkara ini cukup banyak:

- i. Abū Bakr (r.a) semasa menjadi khalifah telah didatangi oleh seorang nenek bertanyakan bahagiannya dari harta pesaka peninggalan cucunya. Abu Bakr berkata: Saya tidak mendapati sedikitpun bahagian puan di dalam al-Qur'an, saya tidak tahu pula adakah Rasulullah (s.a.w.) menyebut mengenainya atau tidak. Lalu beliau bertanya kepada orang ramai, lalu bangunlah al-Mughīrah bin Syu'bah dan berkata; "Saya ada mendengar yang Rasulullāh (s.a.w.) memberinya satu perenam. Abū Bakr bertanya lagi:

Adakah terdapat orang lain yang turut mendengarnya? Lalu Muhammad bin Maslamah menjadi saksinya. Lalu Abū Bakr pun melaksanakan seperti yang didengar itu.<sup>62</sup>

- \*
- ii. Umar bin al-Khattāb berdiri di penjuru Bāytillah dan di hadapan Hajar al-Aswād seraya berkata: " Saya tahu kamu adalah batu, kalaualah saya tidak melihat kekasihku Rasulullah (s.a.w.) mengucupi dan melambaimu, sekali-kali saya tidak akan melambai dan mengucupmu".<sup>63</sup>
  - iii. Sa'īd bin al-Musayyib berkata: Saya melihat 'Uthmān duduk di tempat duduknya dan meminta makanan yang dimasak dengan api, kemudian ia bangun untuk solat dan bersolat. 'Uthmān berkata: "Saya duduk di tempat duduk Rasulullah (s.a.w.), memakan makanan Rasulullah (s.a.w.) dan aku bersolat sebagaimana solat Rasulullah (s.a.w.)".<sup>64</sup>
  - iv. 'Ali berkata: Saya berpendapat tapak kaki lebih wajar disapu dari bahagian atasnya sehingga saya melihat Rasulullah (s.a.w.) menyapu bahagian atasnya.<sup>65</sup>

- v. Beliau juga berkata: Kami melihat Rasulullah (s.a.w.) berdiri maka kami berdiri, dan baginda duduk maka kami duduk.<sup>66</sup>
- \*
- vi. Abd Allāh bin Mas'ūd didatangi oleh seorang perempuan dan berkata: Saya diberitahu yang tuan melarang dari menyambung rambut ? Jawabnya: Ya! Beliau bertanya lagi: Adakah sesuatu yang tuan dapati dalam Kitāb Allāh atau tuan mendengar dari Rasulullah (s.a.w.)? Jawabnya: Saya dapati dari Kitāb Allāh dan dari Rasulullah (s.a.w.). Wanita itu berkata: Saya membuka satu persatu *mashaf*, saya tidak temui apa yang tuan katakan. Beliau berkata: Adalah kamu dapati padanya;
- وَمَا أَنْتُمُ الرِّسُولُ فَحَذَرُوهُ وَمَا تَهْنَمُ عَنْهُ فَانْهَرُوا*
- Jawabnya; Ya ! Beliau berkata lagi: Saya mendengar Rasulullah (s.a.w.) melarang dari mengandam muka, mengikir gigi dan menyambung rambut..".<sup>67</sup>
- vii. Dikatakan kepada Abd Allāh bin 'Umar: Kami tidak dapati mengenai solat dalam perjalanan disebut dalam Al-Qur'ān? Beliau pun berkata: " Sesungguhnya Allah telah mengutuskan kepada kami Muhammad (s.a.w.) sedangkan kami tidak mengetahui sesuatupun, sesungguhnya kami mengerjakan sebagaimana kami melihat Rasulullah (s.a.w.) melakukannya.

Dalam riwayat lain:

*"Kami berada dalam kesesatan lalu kami mendapat hidayat dengannya, dan dengannya ikutan kami"*<sup>68</sup>

- viii. Apabila 'Umrān bin Ḥuṣāyn menyebut mengenai syafa'ah, seorang lelaki berkata kepadanya: "Wahai Abū Nujāyd! Sesungguhnya kamu menyebutkan kepada kami hadith-hadith yang tidak langsung asalnya dalam al-Qur'ān. 'Umrān sangat marah dan berkata kepada lelaki tersebut: Adakah kamu membaca al-Qur'ān semuanya ? Katanya: Ya ! Beliau bertanya lagi: Adakah kamu dapati di dalamnya solat Isya' empat rekaat, solat Maghrib tiga rekaat, Subuh dua rekaat, Dhohr empat rekaat dan 'Asar empat rekaat? lelaki itu menjawab: Tidak ! 'Umrān bertanya lagi: Dari mana kamu dapat semua itu? <sup>69</sup> Bukankah dari kami dan kami menerimanya dari Rasulullah (s.a.w.)? Beliau menambah: Adakah kamu dapati dalam Al-Qur'ān dari 40 ekor kambing itu dikeluarkan zakat seekor kambing? Dalam setiap unta begini? Bagi setiap Dirham begini ?...<sup>69</sup>

Contoh-contoh yang disebut di atas, menjelaskan kedudukan hadith, di mana para sahabat merujuk kepada hadith Rasulullah (s.a.w.) sebagai

sumber agama dan asas perundangan dalam Islam selepas al-Qur'an. Mereka membantah keras sikap golongan yang enggan menerima hadith Rasulullah (s.a.w.). Beginilah juga sikap para *tabi'in* selepas mereka.

Hadith mempunyai kedudukan yang tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan al-Qur'an kerana kedua-duanya dari sumber yang sama, kedua-duanya adalah wahyu.

## HADITH ADALAH WAHYU

Hadith, seperti yang telah disebut sebelum ini, adalah keterangan dan penjelasan terhadap Al-Qur'an. Rasulullah (s.a.w.) dalam penjelasan dan keterangannya itu tidaklah mengikut nafsunya sendiri, sebaliknya ia adalah dari Allah yang diwahyukan kepadanya.

Firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْمَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

"Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemahuan nafsunya. Ucapannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)"<sup>70</sup>

Jelaslah apa yang dikatakan oleh Rasulullah (s.a.w.) adalah dengan perintah Allah dan wahyu dariNya. Para ulama telah membahagikan wahyu itu kepada dua bahagian dengan menggunakan berbagai nama.

Al-Suyūṭī,<sup>71</sup> umpamanya membahagikan kepada wahyu yang diriwayatkan dengan lafaz iaitu al-Qur'ān dan wahyu yang diriwayatkan dengan makna iaitu hadith, semua ini adalah untuk meringankan ummah.<sup>72</sup> Ibn Ḥazm pula menyebutnya dengan wahyu yakni wahyu yang dibaca iaitu al-Qur'ān, dimana susunannya adalah mu'jizat dan wahyu *marwiyy*, yakni wahyu yang diriwayatkan dan dipindahkan, susunannya bukan mu'jizat dan bukan *matlūw* tetapi *maqrū'* (dibaca).<sup>73</sup>

Ada juga ulama yang membahagikan wahyu kepada wahyu *i'lāmiy* iaitu wahyu yang disampaikan melalui cara-cara yang tertentu dan wahyu *iqrāriy* di mana dalam sesuatu perkara Nabi (s.a.w.) berijtihad dengan pengawasan wahyu, apabila ijtihad itu tepat diperakukannya, andainya silap diperingatkan.<sup>74</sup>

Terdapat ayat-ayat dan ḥadīth-ḥadīth yang menjelaskan yang ḥadīth adalah wahyu.

Firman Allah:

وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

"Dan Allah telah menurunkan al-Kitab dan al-hikmah kepada mu"<sup>75</sup>

Kebanyakan ulama berpendapat yang *al-Hikmah* adalah sesuatu yang lain dan bukannya al-Qur'an, ia adalah satu perkara yang diturunkan oleh Allah bagi menjelaskan rahsia-rahsia dan hukum hakam syariatNya.<sup>76</sup> Kalangan ulama berpendapat yang *al-hikmah* yang disebut di dalam ayat diatas adalah *al-sunnah* atau *al-hadīth*. Al-Syāfi'iyy setelah memperturunkan ayat-ayat yang menyebut perkataan *al-kitāb wa al-Hikmah*<sup>77</sup> telah membuat kesimpulan yang *al-Hikmah* dalam ayat tersebut adalah sunnah atau ḥadīth.<sup>78</sup> Beliau tidaklah orang pertama yang mentafsirkan demikian, malah Qatādah<sup>79</sup> dan Ḥassan al-Baṣrī<sup>80</sup> sebelumnya juga berpendapat demikian.<sup>81</sup> Fakhr al-Dīn al-Razī<sup>82</sup> hasil dari analisisnya tentang perkataan *al-Hikmah* menyebut yang di antara makna perkataan tersebut adalah *al-sunnah* atau *al-hadīth*.<sup>83</sup> Ibn Abd al-Barr setelah menyebut ayat 3 dari Surah al-Aḥzāb, menyebut perkataan *al-Hikmah* dalam ayat tersebut adalah *al-Sunnah*.<sup>84</sup> Ibn Kathir, al-Syāukāniy, Al-Khāzin, al-Nasāfiy dalam tafsir masing-masing juga menyebut

demikian.<sup>85</sup> Tafsiran *al-Hikmah* dengan *al-Sunnah* oleh para *salaf al-ṣāliḥ* telah disebut dengan terperinci oleh al-Lalākā'iyy dan Ibn Taymiyyah.<sup>86</sup>

\*

Al-Qur'an tidak pernah menyandarkan perkataan *al-hikmah* kepada *al-Kitab*, begitu juga sebaliknya. Al-Qur'an disebut sebagai *al-Kitab* dengan maksud Kalam Allah yang merupakan mu'jizat dan disifatkan dengan *al-Hakim* bukannya *al-Hikmah* bagi menunjukkan di dalamnya ada hikmah dan dikehendaki dari hikmah itu adalah kefahaman yang melayakkan seseorang untuk mengenali hakikat yang sebenar dan memilih jalan yang lugus dalam berfikir dan beramal. Kefahaman ini mungkin terdapat di dalam *al-Kitab* dan mungkin juga diluarinya. *Al-Hikmah* sama sekali tidak ditujukan kepada *al-Kitab* itu sendiri, sebagaimana ia tidak menunjukkan yang hikmah itu hanya terdapat dalam *al-Kitab* sahaja dan tidak wujud di luarnya.



Kesimpulannya *al-Hikmah* dikurniakan kepada Rasulullah (s.a.w.) untuk membantu dalam memahami *al-Kitab* dan melaksanakannya dalam kehidupan seharian.

Disini diperturunkan beberapa fakta untuk membuktikan yang Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu selain al-Qur'an.

i. Peristiwa perubahan Qiblat dari Masjid al- Aqṣā ke Masjid al-Haram:

Firman Allah:

وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَنْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَابُ إِلَيْنَا رَسُولٌ  
وَمَنْ يَنْقُلِبُ عَلَى عَقِبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى أَذْدِينِ  
هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ إِنْ شَاءَ  
رَءُوفٌ بِرَحِيمٌ ﴿١٢﴾ قَدْ رَأَى تَقْلِبَ وَجْهِكَ فِي السَّعَاءِ  
فَلَنُوَيْسِنَكَ قِبْلَةً تَرْضَهَا فَوْلَ وَجْهَكَ شَطَرَ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ وَحِيثُ مَا كُنْتُ فَوْلًا وَجُوهُكُمْ شَطَرٌ.

"Dan kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sesungguhnya (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, dan Allah tidak akan mensia-sikan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang kepada manusia. Sesungguhnya Kami (sering) melihat mukamu menengadah ke langit, maka sesungguhnya Kami akan memalingkan kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, palingkanlah mukamu kearahnya"<sup>87</sup>

Ayat di atas menunjukkan yang Rasulullah (s.a.w) dan umat Islam mempunyai kiblat yang lain sebelum diarahkan berkiblat kepada Kaabah

al-Musyarrrafah, semuanya adalah dengan perintah Allah (S.W.T). Namun begitu kita tidak terdapat di dalam al-Qur'an yang mengarahkan supaya menghala ke sana sebelum ia berlaku. Ini menunjukkan yang Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu dalam bentuk lain, yang menjadikan *Bāyt al-Maqdis* sebagai kiblat yang pertama.<sup>88</sup>

ii. Mimpi Rasulullah (s.a.w) dan Perjanjian Hudāybiyyah:

Semasa Nabi (s.a.w.) berada di Madinah, sebelum baginda dan umat Islam berangkat ke Hudāybiyyah, Nabi (s.a.w.) bermimpi yang baginda bersama-sama para sahabat memasuki Masjid al-Haram, mengambil kunci Ka'bah, tawaf dan berumrah, setengah dari kalangan sahabat mencukur kepala mereka dan setengah yang lain hanya mengguntingnya.



Rasulullah (s.a.w.) memberitahu mimpi ini kepada para sahabat, mereka sungguh bergembira kerana menyangka yang mereka akan dapat memasuki Mekah pada tahun itu juga. Kemudiannya Rasulullah (s.a.w.) memaklumkan yang ia ingin menunaikan 'umrah, lalu para sahabat bersiap sedia dan mereka berangkat bersama-sama Rasulullah (s.a.w.). Apabila sampai di Hudāybiyyah, mereka dihalang dari memasuki Mekah. Keadaan itu telah menghairankan setengah-setengah sahabat, lalu mereka

bertanya: Wahai Rasulullah! Tidakkah tuan yang memberitahu yang kita akan memasuki Mekah? Rasulullah menjawab: Apakah saya ada mengatakan yang kita memasukkan kali ini? Lalu Allah menurunkan firmanNya:

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولُهُ أَرْجُو أَنْ يَأْتِيَنِي لِتَدْخُلَ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ أَمِنْتُ مُحَلَّقِينَ رُؤُسَكُ وَمُفَصِّرِينَ  
لَا تَخَافُونَ فَعِلِّمْ مَا لَمْ تَعْلَمْ وَاجْعَلْ مِنْ دُونِ ذَلِكَ

فَتَحَافَّ بِيَ

"Sesungguhnya Allah akan membuktikan kepada RasulNya tentang kebenaran mimpiinya dengan sebenarnya (iaitu) bahawa sesungguhnya kamu pasti akan memasuki Masjid al-Haram, insya Allah dalam keadaan aman, dengan mencukur rambut kepala dan menguntingnya, sedang kamu tidak merasa takut. Maka Allah mengetahui apa yang tidak kamu ketahui dan Dia memberikan sebelum itu kemenangan yang dekat"<sup>89</sup>

Jelas yang Rasulullah (s.a.w.) diwahyukan melalui mimpi bahawa dia ke Mekah, lalu dihalang oleh golongan kuffar, hasilnya termeterai Perjanjian Hudaybiyyah yang membolehkan umat Islam mengerjakan 'Umrah pada tahun berikutnya, juga sebagai pembuka jalan kepada pembebasan lebih luas wilayah-wilayah yang lain. Ini membuktikan yang Nabi (s.a.w.) diturunkan wahyu selain dari al-Qur'an.<sup>90</sup>

iii. Perbincangan antara Rasulullah (s.a.w.) dan isterinya bocor:

Firman Allah:

وَإِذَا سَرَّ النَّبِيُّ إِلَى بَعْضِ أَزْوَاجِهِ حَدَّثَهُ  
فَلَمَّا نَبَأَتْ بِهِ وَأَظْهَرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ عَرَفَ بَعْضُهُ وَأَغْرَضَ عَنْ بَعْضِ  
فَلَمَّا بَأَتَهَا يَهِيَّهُ قَالَ مَنْ أَبْنَاكَ هَذَا قَالَ بَنَانِي الْعَلِيمُ الْحَيُّ

"Dan ingatlah ketika Nabi membicarakan secara rahsia kepada salah seorang dari isteri-isterinya suatu peristiwa, dan kemudian isterinya itu menceritakan peristiwa itu (kepada seorang madunya) dan Allah memberitahu sebahagian dan menyembunyikan sebahagian yang lain. Setelah Nabi memberitahu perkara tersebut kepada isterinya, isterinya bertanya: "Siapakah yang telah memberitahukan hal ini kepadamu?", Nabi menjawab: Telah diberitahukan kepadaku oleh Allah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam PengetahuanNya"<sup>91</sup>

Adakah terdapat dalam al-Qur'an suatu yang Allah memberitahu Rasulullah (s.a.w.) yang isterinya telah memberitahu rahsia kepada yang lain?<sup>92</sup>

- iv. Perkahwinan Rasulullah (s.a.w.) dengan Zainab binti Jahsy:

Peristiwa perceraian antara Zāyd bin Harithah dengan isterinya, Zainab binti Jahsy yang kemudiannya dikahwini oleh Rasulullah (s.a.w.) telah dijadikan senjata oleh musuh-musuh Islam untuk menjatuhkan nama baik Rasulullah (s.a.w.) dengan melontarkan berbagai-bagai tuduhan. Segala tuduhan itu dijawab oleh Allah dan menegaskan yang perkahwinan itu dilangsungkan dengan izin dan perintahNya.

FirmanNya:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرَأَ عَذَابٌٰ كَمَا لَمْ يَكُونُ عَلَىٰ  
الْمُؤْمِنِينَ حَجَّٰ فِي أَزْوَاجٍ أَدْعَيْا بِهِمْ إِذَا قَضُوا مِنْهُنَّ وَطَرَأَ

"Maka tatkala Zāyd telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (mencerikannya), Kami kahwinkan kamu dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang mu'min untuk (mengahwini) isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya daripada isterinya"<sup>93</sup>

Ayat di atas menerangkan yang Rasulullah (s.a.w.) mengahwini Zainab dengan izin dari Allah tetapi keizinan itu tidak disebut di dalam al-

Qur'ān, yang ada hanyalah pemberitahuan yang perkahwinan itu dilangsungkan dengan izin Allah (S.W.T).

Ibn Kathīr menyebut perkahwinan itu dilangsungkan sendiri oleh Allah tanpa kehadiran wali, 'aqad, mas kahwin dan saksi dari kalangan manusia.<sup>94</sup>

v. Peristiwa pengepungan Bani al-Nadīr:

Bani al-Nadīr telah mengadakan perjanjian dengan Rasulullah (s.a.w.), tetapi mereka telah melanggar perjanjian itu beberapa kali, malah mereka telah merancang untuk membunuh Rasulullah (s.a.w.) sewaktu baginda datang ke perkampungan mereka untuk menyelesaikan suatu urusan. Rasulullah (s.a.w.) bertindak menyerang mereka. Mereka bertahan didalam kubu mereka ~~dan~~ memaksa Rasulullah (s.a.w.) mengepung mereka. Rasulullah (s.a.w.) telah bertindak menebang pokok-pokok khurma di kebun mereka dan membakarnya sehingga mereka menyerah kalah. Tindakan Rasulullah (s.a.w.) itu telah menimbulkan tanda tanya dikalangan umat Islam.

Semua terjawab dengan turunnya firman Allah:

مَاقْطَعْتُمْ مِنْ لِسَنَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَائِمَةً عَلَى أَصْوَلِهَا فَإِذْنُ اللَّهِ

"Apa sahaja yang kamu tebang dari pohon khurma (kepunyaan musuh) atau kamu biarkan tegak seperti keadaannya yang asal, maka semuanya adalah dengan izin Allah"<sup>95</sup>

Keizinan ini tidak tercatat dalam al-Qur'an. Dengan itu tetaplah yang Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu selain al-Qur'an.<sup>96</sup>

Terdapat juga ḥadīth-ḥadīth yang secara jelas menthabitkan yang Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu selain dari al-Qur'an.

i. Miqdam bin Ma'dikarb<sup>97</sup> dari Rasulullah (s.a.w.) sabdanya:

أَلَا إِنِّي قَدْ أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

"Ketahui bahawa Aku dikurniakan al-Kitab dan yang seumpamanya bersamanya..."<sup>98</sup>

ii. Hissān bin 'Atiyyah<sup>99</sup> berkata: Jibril a.s. turun menemui Rasulullah (s.a.w.) dengan membawa sunnah, sebagaimana

ia turun membawa al-Qur'an, ia mengajarkan Rasulullah (s.a.w.) *al-sunnah* sebagaimana ia mengajar al-Qur'an".<sup>100</sup>

- iii. Abu 'Umāmah mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda: "Akan masuk Syurga dengan syafa'at seorang lelaki yang bukannya seorang Nabi laksana dua kampung, atau seperti salah satu kampung Rabi'ah dan Mud'ar", berkata seorang lelaki: Bukankah Rabi'ah itu dari Mud'ar? Jawab baginda: Sesungguhnya saya berkata apa yang diperintah saya katakan".<sup>101</sup>

Hadīth-hadīth dan *athār-athār* diatas, jelas menunjukkan yang Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu dari Allah dan baginda (s.a.w.) tidak berkata mengikut kemahuan dan nafsunya.

Ini dikuatkan lagi dengan reaksi Rasulullah (s.a.w.) apabila ditanya mengenai sesuatu perkara tidak terus menjawab kecuali setelah turunnya wahyu.

Imam Mālik berkata: Rasulullah (s.a.w.) ditanya mengenai sesuatu, tidak dijawabnya sehingga datang kepadanya wahyu dari langit.

Dari Jubāyr bin Muṭ'īm, seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah! Apakah tempat yang paling disukai oleh Allah dan apa pula tempat yang paling dibenci oleh Allah? Jawabnya: saya tidak tahu sehingga saya bertanya Jibril, lalu Jibril mendatanginya dan menjelaskan tempat yang paling disukai oleh Allah adalah masjid dan yang paling dibencinya adalah pasar.<sup>102</sup>

Rasulullah (s.a.w.) akan menjawab: " Saya tidak tahu" atau tidak menjawab soalan-soalan sehingga diturunkan kepadanya wahyu.<sup>103</sup>

Kesimpulannya, Rasulullah (s.a.w.) tidak membuat sebarang perkara mengikut kemahuannya sendiri akan tetapi berdasarkan perintah Allah dan wahyuNya.

### 2.1.1 HUBUNGAN HADITH DENGAN AL-QUR'ĀN

Para ulama telah sekata yang al-Qur'ān dan ḥadīth adalah sumber utama dalam pengambilan hukum dalam Islam. Namun begitu, Al-Qur'ān lebih utama dari ḥadīth Rasulullah (s.a.w.) walaupun kedua-duanya adalah wahyu kerana lafaz, susunan dan makna al-Qur'ān adalah dari Allah, tilawah al-Qur'ān adalah ibadat, ia adalah mu'jizat dan berbentuk qat'iy

kerana sampai kepada kita secara mutawatir.<sup>104</sup> Ciri-ciri ini tidak terdapat sepenuhnya pada ḥadīth Rasulullah (s.a.w.).

Namun al-Qur'ān dan ḥadīth mempunyai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain kerana ḥadīth adalah merupakan penjelasan terhadap al-Qur'ān. Al-Syāfi'iyy menjelaskan yang hubungan al-Qur'ān dengan ḥadīth adalah untuk memperkuatkan hukum yang telah didatangkan oleh al-Qur'ān, menerang atau menghuraikan maksud al-Qur'ān, dalil atau petunjuk nāsikh dan mansūkh, mewujudkan hukum yang tidak disebutkan oleh al-Qur'ān.<sup>105</sup> Empat perkara di atas telah dijadikan asas bagi hubungan al-Qur'ān dan ḥadīth, walaupun ulama selepas beliau telah menambahkan beberapa perkara lagi tetapi ia boleh di ringkas kepada tiga perkara seperti berikut:

#### **1. MEMPERKUATKAN DAN MEMPERKUKUHKAN HUKUM YANG TERDAPAT DALAM AL-QUR'ĀN**

Al-Qur'ān yang diturunkan dari Allah membawa perintah, larangan, hukum hukam dalam semua aspek kehidupan manusia. Bermula dengan 'aqidah, seterusnya ibadat, akhlak, muamalat, jenayah, kekeluargaan, kenegaraan dan sebagainya. Kemudiannya datang pula ḥadīth yang menyebut mengenai perkara yang sama. Dalam keadaan begini, fungsi

hadith adalah untuk memperkuat dan memperkuuhkan lagi apa yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an.

Contohnya: Sabda Rasulullah (s.a.w.):

لَا يَقْبِلُ اللَّهُ صَلَاتُهُ مِنْ أَحَدٍ ثَمَّ حَتَّىٰ يَتَوَضَّأَ

"Allah tidak menerima solat orang yang berhadath sehingga ia berwudu"<sup>106</sup>

Hadith ini adalah untuk menguatkan lagi hukum berwudu' yang ditetapkan oleh al-Qur'an.

Firman Allah:

يَتَأْكِلُهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا  
وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ إِلَى الْمَرَاقِقِ وَامْسَحُوا بُرُؤْهُ وَسِكْمُ  
وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُباً فَاطَّهِرُوا

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadath kecil), maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian kepala, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali, dan jika kamu berjunub (berhadath besar) maka bersucilah dengan mandi wajib"<sup>107</sup>

Mengenai solat umpamanya banyak ayat al-Qur'an menyebut mengenainya dalam bentuk perintahan mengerjakannya, menjelaskan ketinggian kedudukannya, memberi amaran supaya jangan memandang ringan dengan bermalas-malas dan meninggalkannya. Malah ia disebut sebanyak 99 kali dalam al-Qur'an, satu-satu perkara yang paling banyak disebut oleh al-Qur'an.

Mengenai kefarduannya Allah (S.W.T) telah berfirman:

١٣٧ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman"<sup>108</sup>

Tuntutan supaya dikerjakan dengan khusuk dijelaskan dalam firmanNya:

١٤٠ قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ الْمُؤْمِنَينَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ

"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (laitu) orang-orang yang khusuk dalam solat mereka"<sup>109</sup>

Allah (S.W.T.) juga menjanjikan bagi mereka yang menjaga kewajipan solat tadi dengan baik, akan mendapat penghormatan dan pemberian yang kekal abadi di akhirat.

FirmanNya:

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٢٦﴾ أُولَئِكَ فِي جَنَّتِ مُكَرَّمَةٍ ﴿٢٧﴾

"Dan orang yang memelihara solatnya.  
Mereka itu (kekal) di syurga lagi dimuliakan"<sup>110</sup>

Malah mereka yang mencuaikannya diberi amaran keras dengan ancaman neraka, begitu juga dengan mereka yang tidak mengerjakannya.

Firman Allah:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّيَنَ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ

"Maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang bersolat. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya"<sup>111</sup>

Firman Allah lagi:

مَالَكَ كُنْتَ فِي سَقَرَ (٤٥) قَالُوا تَرَكْتُ مِنَ الْمُصَلِّينَ (٤٦)

"Apakah yang memasukkan kamu kedalam (neraka) Saqar? Mereka menjawab: "Kami dahulu tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat".<sup>112</sup>

Perintah yang terdapat dalam ayat-ayat di atas, dikuatkan lagi dengan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah (s.a.w).

Sabdanya:

بَنِي إِلَاسْلَامْ عَلَى خَمْسْ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

وَتَقِيمُ الصَّلَاةَ وَتَؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَحْجُجُ الْبَيْتَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ

"Islam itu dibina di atas lima perkara: Penyaksian yang tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad (s.a.w.) adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Bāytullāh dan puasa di bulan Ramadhan"<sup>113</sup>

Abd Allah bin Mas'ud r.a. katanya: saya bertanya Rasulullah (s.a.w.) apakah amalan yang paling utama? sabdanya: "Solat di dalam waktunya", saya bertanya lagi: Selepas itu apa lagi? Sabdanya: "Berbakti kepada

kedua ibu bapa". Saya bertanya lagi: Selepas itu apa pula? Sabdanya: "Jihad di jalan Allah".<sup>114</sup>

Sabda Rasulullah (s.a.w.): " Sesungguhnya perbedaan yang menentukan keimanan seseorang itu dengan kafir dan syirik ialah meninggalkan solat".<sup>115</sup>

Malah Rasulullah (s.a.w.) dalam hadith Ummu Salāmah, berpesan mengenai solat ini hingga ke saat baginda menghembuskan nafas yang terakhir dengan menyebut; Solat! Solat!...<sup>116</sup>

Mengenai puasa pula, firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى  
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧﴾

"Wahai orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu puasa, sebagaimana orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa"<sup>117</sup>

Firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى  
 لِلنَّاسِ وَبَيِّنَتِ الرُّحْمَةُ وَالنُّعْمَانُ فَمَنْ شَهَدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ  
 فَإِيمَانُهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةُ مِنْ  
 آيَاتٍ أُخْرَى

*"Bulan Ramadhan yang diturunkan pada al-Qur'an menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbedaan antara yang benar dan yang salah. Oleh itu sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain"*<sup>118</sup>

Disamping ayat-ayat di atas, terdapat pula hadith-hadith mengenai puasa yang menjelaskan kepentingan, hukum, kesan-kesan, manfa'at puasa dan lain-lain. Semua ini adalah untuk menguatkan lagi apa yang telah disebut oleh al-Qur'an. Antaranya Hadith Abu Hurayrah r.a di mana Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«صُوموا لِرُؤيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤيَتِهِ، إِنْ غَبَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا  
 عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ» .

*"Puasalah apabila kamu melihatnya (anak bulan Ramadhan) dan berbukalah bila kamu melihatnya. Jika tertutup (dari pandangan) maka sempurnakanlah bilangan Sya'bān tiga puluh hari"*<sup>119</sup>

'Aisyah r.a berkata: Bahawa Hamzah bin Amr al-Aslamiy<sup>120</sup> berkata kepada Rasulullah (s.a.w.): Apakah wajib bagi saya berpuasa semasa bermusafir? Beliau seorang yang rajin berpuasa. Sabda Rasulullah (s.a.w.): Kalau kamu mahu maka berpuasalah, kalau tidak mahu maka berbukalah.<sup>121</sup>

Mengenai haji, Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

أَيُّهُ الظَّاهِرُ أَقْدَمَ فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَعْجُوا « قَالَ رَجُلٌ : أَكُلُّ عَامٍ ؟ يَا رَسُولَ اللَّهِ ! فَسَكَتَ . حَتَّىٰ قَالَهَا نَلَمًا . قَالَ رَسُولُ اللَّهِ بَيْنَتَهُ « لَوْ قُلْتُ نَعَمْ . أَوْجَبْتَ . وَلَمَّا بَسْطَعْتُمْ » .

*"Wahai sekalian manusia! sesungguhnya Allah telah memfardukan ke atas kamu ibadat haji, oleh itu berhajilah kamu". Lalu seorang lelaki bertanya: Adakah pada setiap tahun wahai Rasulullah? Nabi (s.a.w.) diam sehingga ia bertanya sebanyak tiga kali, setelah itu Nabi bersabda: "Kalau saya berkata: ya! Nescaya ia wajib dikerjakan dan kamu tidak akan mampu mengerjakannya".*<sup>122</sup>

Hadith ini adalah untuk menguatkan lagi kefarduan haji yang telah thabit dengan firman Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baytullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai ke sana"<sup>123</sup>

Dalam perkara yang bukan termasuk dalam ibadat khusus pula, terdapat banyak perintah-perintah Allah yang ditujukan kepada hambaNya, antaranya perintah supaya sentiasa berada di atas jalan Islam, seperti yang disebutkan dalam firman Allah:

وَأَنَّ هَذَا صَرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَنْتَهِيُوا أَسْبُلَ  
فَنَفَرَّ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعْلَّكُمْ تَنَقُّونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalanKu yang lurus, maka ikutilah ia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain, kerana jalan-jalan itu mencerai beraikan kamu dari jalanNya, yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertaqwah"<sup>124</sup>

Perintah tersebut dikuatkan lagi dengan hadith Abd Allāh bin 'Umar r.a katanya:

Rasulullah (s.a.w.) telah mengariskan bagi kami satu garis lurus kemudian baginda bersabda: Inilah jalan Allah. Kemudian baginda mengariskan beberapa garisan di kanan dan di kiri (garis lurus) tersebut dan bersabda: Inilah jalan-jalan yang banyak, di mana disetiap jalan ada Syaitan yang mengajak kepadanya. Lalu baginda membaca ayat:

وَإِنْ هَذَا إِلَّا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَنْبِغِيُوا أَلْسُبُلَ  
فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (Islam) yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya, dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan beraikan kamu dari jalanNya"<sup>125</sup>

Begitulah seterusnya dalam perkara-perkara lain, walaupun telah disebut oleh al-Qur'ān, namun Rasulullah (s.a.w.) masih menguatkan lagi dengan ḥadīth-ḥadīthnya.

## 2. MENGADAKAN HUKUM YANG TIDAK DISEBUT OLEH AL-QUR'ĀN

\*

Hadīth di samping memperkuat dan memperkuatkan hukum yang telah ditetapkan oleh al-Qur'ān. Ia juga menetapkan beberapa hukum yang tidak disebut dalam al-Qur'ān samada dalam perkara ibadat, muamalat, kekeluargaan atau selainnya.

Dalam perkara ini ada beberapa pandangan dikalangan ulama; Jumhur ulama berpendapat hukum yang dikeluarkan itu memang asalnya bermula dari Rasulullah (s.a.w.), ia wajib dita'ati , bahkan tidak boleh sama sekali diberhakai. Tindakan ini bukanlah mendahului hadith dari Allah, akan tetapi sebagai melaksanakan perintah Allah supaya menta'ati RasulNya. Sekiranya Rasulullah (s.a.w.) tidak perlu dita'ati dalam hukum-hukum tambahan yang datang darinya tetapi hanya dita'ati dalam perkara yang bertepatan dengan al-Qur'ān sahaja, maka kepatuhan terhadap Rasulullah (s.a.w.) itu tidak membawa apa-apa makna kerana tidak ada keta'atan yang khusus terhadapnya.<sup>126</sup>

Al-Shaṭībiy berpendapat hadith tidak mendatangkan sesuatu yang tidak ada sandarannya dalam *al-Kitāb*, ḥadīth-ḥadīth yang dikatakan

tambahan dari al-Qur'an itu semuanya ada sandarannya samada secara terang atau tersembunyi.<sup>127</sup>

Di segi lahirnya memang terdapat perbezaan diantara dua pendapat di atas, namun kedua-duanya mengakui yang hadith telah menetapkan hukum-hukum yang tidak terdapat dalam al-Qur'an. Mereka hanya berselisih dalam menentukan status hukum tersebut, samada ia tambahan yang berdiri sendiri atau berkaitan dengan al-Qur'an juga.

Di sini penulis bersetuju dengan Syeikh Mustafa al-Siba'i yang mengatakan perselisihan tersebut merupakan perselisihan lafdhi sahaja, di mana semuanya mengakui terdapat hukum yang ditetapkan oleh hadith.<sup>128</sup>

Terdapat beberapa contoh hukum yang tidak disebut oleh al-Qur'an sebaliknya ditetapkan oleh hadith, antaranya;

- i. Haram mengahwini seorang wanita bersama dengan ibu saudaranya, samada sebelah bapa atau ibu dalam satu masa.

Abu Hurayrah r.a berkata; Rasulullah (s.a.w.) melarang mengahwini seorang wanita bersama-sama dengan ibu saudaranya.<sup>129</sup>

\*

- ii. Haram dari sebab susuan sama dengan nasab keturunan.
- iii. Haram memakan burung yang berkuku panjang dan binatang buas yang bertaring.
- iv. Tegahan terhadap wanita yang berhāyd menunaikan solat.
- v. Wajibnya membayar kaffarah ke atas lelaki yang bersetubuh di waktu siang bulan Ramadhan.
- vi. Pengharaman memakai emas dan sutera bagi lelaki.
- vii. Sunat *rawātib* bersama-sama solat fard u, sunat Duhā, qiam Ramadān, solat *istikhārah*, solat minta hujan dan gerhana, solat jenazah dan lain-lain.

### 3. MENERANG, MENTAFSIR DAN MENGHURAIKAN MAKSUD AL-QUR'ĀN.

Di samping mengukuh dan memantapkan hukum yang sudah terdapat dalam al-Qur'ān, ḥadīth juga berfungsi sebagai penjelasan, huraian dan tafsiran kepada al-Qur'ān kerana dalam setengah keadaan al-Qur'ān hanya menjelaskan soal-soal asas sahaja tanpa penditilan, ini memerlukan hadīth Rasulullah (s.a.w.) bagi menjelaskan maksud sebenarnya. Dalam kata lain, al-Qur'ān adalah asas atau pokok, sedang ḥadīth pula adalah huraianya. Semua yang terdapat di dalam ḥadīth adalah merujuk kepada al-Qur'ān.<sup>130</sup>

Tidak semua ayat-ayat al-Qur'ān diketahui maknanya, walaupun di kalangan orang-orang 'Arab sendiri. Oleh itu, bukanlah satu perkara yang luar biasa apabila kita dapati para sahabat bertanya kepada Rasulullah (s.a.w.) mengenai makna ayat-ayat al-Qur'ān dan apa yang dimaksudkan dengannya. Tanpa ḥadīth sudah tentu banyak nas-nas dan ayat-ayat al-Qur'ān sukar difahami dan tidak diketahui maksudnya yang sebenar.

Firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ أَذْكُر لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ إِلَيْهِمْ  
وَلَعَلَّهُمْ يَنفَكِرُونَ .

"Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Zikr supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya"<sup>131</sup>

\*

Jelas dari ayat di atas, Rasulullah (s.a.w.) melalui hadithnya ditugaskan untuk menerang, menjelaskan dan mentafsirkan al-Qur'an kepada umat manusia. Penerangan yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah dua perkara:

a. Menyampaikan al-Qur'an itu kepada ummah

Rasulullah (s.a.w.) samasekali tidak menyembunyikan al-Qur'an dari pengetahuan umat, semuanya disampaikan sebagaimana yang diturunkan kepadanya, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepadanya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah:

يَأَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ  
مِن رَّبِّكَ وَإِن لَّتَقْعُلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ  
مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ الْكَفِرِينَ ١٧

*"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya, dan Allah jualah akan memeliharamu dari kejahatan (manusia). Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir"<sup>132</sup>*

'Aisyah r.a. berkata: "Siapakah yang berkata kepadamu yang Muhammad (s.a.w.) menyembunyikan sesuatu yang diperintahkan supaya disampaikan ? Terlalu besar angkaranya kepada Allah ! Beliau kemudian membacakan ayat di atas.

Dalam riwayat Muslim: "Kalaualah Rasulullah (s.a.w.) menyembunyikan sesuatu yang diperintahkan supaya disampaikan, nescaya baginda akan menyembunyikan firman Allah:

وَإِذْنَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمَتْ عَلَيْهِ  
أَمْسِكَ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَأَنْقَلَ اللَّهُ وَتَخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا أَنْهَى  
مُبْدِيهِ وَتَخْشِي النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَى

"Dan (ingatlah Wahai Muḥammad) ketika engkau berkata kepada orang yang dikurniakan oleh Allah (dengan ni'mat Islam) dan engkau juga telah berbuat baik kepadanya: " Janganlah ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah". Sambil engkau menyembunyikan di dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya, dan engkau pula takut kepada (caci) manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti (melanggar perintahNya)..."<sup>133</sup>

b. Menerangkan makna kalimah, ungkapan dan ayat;

Terdapat kalimah, ungkapan atau ayat yang memerlukan kepada penjelasan. Sebagai seorang rasul, baginda (s.a.w.) adalah orang yang paling berautoriti bagi menjelaskan maksudnya yang sebenar.

Diperturunkan di bawah ini beberapa contoh:

i. Firman Allah:

الَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا وَلَمْ يُلْتَسِرُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَكْثَرُ  
وَهُمْ مُهَمَّدُونَ (82)

"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman, mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk"<sup>134</sup>

Apabila ayat ini turun timbul tanda tanya di kalangan para sahabat kerana pada fahaman mereka perkataan *zulm* itu merangkumi semua golongan, lalu meréka bertanya Rasulullah (s.a.w.); Wahai Rasulullah (s.a.w.) siapakah dikalangan kami ini orang yang tidak mencampur adukkan keimanan dengan kezaliman? Rasulullah (s.a.w.) bersabda; Bukan begitu ! Ia tidak bermaksud seperti yang kamu sangkakan, apakah kamu tidak mendengar apa yang dikatakan oleh seorang hamba yang soleh (Luqmān al-Hakīm):

يَبْنَىٰ لَا شَرِيفٌ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِيكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣٥

"Wahai anakku! Janganlah kamu mensyirikkan Allah kerana sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang besar"<sup>135</sup>

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan zalim adalah syirik.<sup>136</sup>

ii. Firman Allah:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٢٦٠

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka beritahulah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) siksaan yang pedih"<sup>137</sup>

\*

Mujāhid meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas katanya; Apabila diturunkan ayat ini, umat Islam merasakan sesuatu yang besar dan berkata: Tidak bolehlah kita meninggalkan harta kita kepada anak-anak kita. 'Umar berkata: Saya akan melepaskan kamu dari bebanan ini, lalu beliau dengan diikuti oleh Thawbān menemui Rasulullah (s.a.w.) dan berkata: Wahai Nabi Allah! Sahabat-sahabatmu rasa terlalu berat dengan ayat ini. Rasulullah (s.a.w.) bersabda: " Sesungguhnya Allah tidak memfardukan zakat kecuali untuk mengelokkan apa yang ada dari harta kamu dan Dia memfardukan warisan dari harta yang kamu tinggal selepas kematian kamu". Lalu 'Umar bertakbir!<sup>138</sup>

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ

iii. Firman Allah:

فَإِمَّا مَنْ أُوفِيَ كِتَابَهُ فَلَا يَرْجِعُ عَنْ حِسَابٍ ۚ وَمَنْ أُولَئِكَ هُمُ الْمُسِيَّرُونَ ﴿٧﴾

"Maka sesiapa yang diberi menerima surat amalnya dengan tangan kanannya. Maka ia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan"<sup>139</sup>

'Aisyah r.a apabila mendengar sabda Rasulullah (s.a.w.) " Sesiapa yang panjang hisabannya, ia akan disiksa" timbul tanda tanya mengenai maksud ayat di atas. Beliau kemudiannya merujuk kepada Rasulullah (s.a.w.) lalu baginda (s.a.w.) bersabda kepadanya: Itulah pembentangan, sesungguhnya sesiapa yang dipayahkan hisabnya ia akan disiksa".<sup>140</sup>

c. Mengkhususkan ayat yang umum:

Banyak hukum-hukum yang terdapat dalam al-Qur'an datang dalam bentuk umum. Di mana Allah (S.W.T.) mahu mengeluarkannya dari bentuk umum tersebut. Di sini ḥadīth memainkan peranannya dengan mengkhususkan beberapa hukum tertentu dari bentuknya yang umum itu.

Contohnya:

i. Hukum Pesaka:

Al-Qur'an telah menetapkan bahagian yang diperolehi oleh setiap waris dari harta pesaka peninggalan seorang Muslim yang meninggal dunia.

Firman Allah:

يُوصِّيَكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْثَيْنِ  
فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً قَوْمٌ أَثْتَيْنِ فَلَهُنْ ثُلُثَا مَاتَرَكَ وَإِنْ كَانَ  
وَجِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ

"Allah mensyari'atkan bagimu tentang (pembahagian pesaka untuk) anak-anakmu iaitu: Bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan, dan jika anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari semua harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ia satu perdua harta itu"<sup>141</sup>

Inilah hukum umum mengenai pembahagian harta pesaka, di mana setiap orang Islam mempunyai hak mereka mengkhususkan hukum umum ini di mana ia tidak melibatkan beberapa kalangan tertentu.

1. Nabi-nabi.

Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

لَا نُورِثُ مَا تَرَكَنَا هُوَ صَدَقَةٌ

"Kami para Nabi tidak dipusakai, apa yang kami tinggal semuanya menjadi sedekah"<sup>142</sup>

## 2. Pembunuhan:

Seorang anak yang membunuh bapanya tidak layak untuk mewarisi harta peninggalan bapanya itu.

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

لَا يرثُ القاتل

"*Pembunuhan tidak mendapat apa-apa bahagian dari harta pesaka peninggalan orang yang dibunuhnya*"<sup>143</sup>

## 3. Kafir:

Seorang anak yang tidak beragama Islam tidak boleh menerima harta pesaka peninggalan bapanya yang beragama Islam, begitu jugalah jika sebaliknya.

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

لَا يرثُ المسلمُ الْكَافِرُ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

"Seseorang Muslim tidak boleh mempusakai harta seorang kafir, tidak juga seorang kafir dari harta seorang Muslim"<sup>144</sup>

3

ii. Perkahwinan:

Allah (S.W.T.) telah menyenaraikan wanita-wanita yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki dalam ayat 23 dan 24 dari surah An-Nisa' lalu diakhiri dengan FirmanNya:

وَأَحْلَّ لَكُم مَا وَرَأَتُمْ ذَلِكُمْ

"Dan dihalalkan bagi perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu"<sup>145</sup>

Ayat di atas menjelaskan selain dari wanita-wanita yang tersebut dalam kedua-dua ayat tersebut adalah halal dikahwini termasuk mengahwini seorang perempuan bersama-sama dengan ibu saudaranya sekaligus. Lalu hadith mengkhususkan umum ayat tersebut dengan sabda Rasulullah (s.a.w.).

«لَا يُجْمِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمِّهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِهَا».


Janganlah kamu himpukkan seorang perempuan itu dengan ibu saudaranya sebelah ibu atau bapa.<sup>146</sup>

d. Menghuraikan nas-nas al-Qur'an yang mujmal

\*

Terdapat nas-nas al-Qur'an yang datang dalam bentuk *mujmal* (rengkas) dan tidak jelas maksud sebenarnya. Nas-nas tersebut memerlukan penjelasan dan huraian dari ḥadīth. Al-Syāfi'iyy menyebut Allah (S.W.T.) memfardukan dengan KitabNya dan bagaimana ia dilaksanakan dijelaskan melalui lisan RasulNya.<sup>147</sup> Al-Marwāzī menjelaskan kesemua asas-asas kefarduan tidak diketahui tafsirannya dan tidak dilaksanakan tanpa terjemahan dan penjelasan Rasulullah (s.a.w.). Antaranya; solat, zakat, puasa, haji dan jihad.<sup>148</sup>

i. Firman Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman"<sup>149</sup>

Allah (S.W.T) telah memfardukan solat dalam ayat di atas, di mana ia mempunyai waktu-waktunya yang telah ditetapkan, jika dikerjakan bukan pada waktunya ia adalah tidak sah. Mengenai waktu solat ada diisyaratkan dalam ayat lain.

Firman Allah:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرِيقَ النَّهَارِ وَزُلْفَامَنَ الْيَلَلِ

"Dan dirikanlah solat itu pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan ketika yang berhampiran dengannya dari waktu malam"<sup>150</sup>

Dua bahagian siang, iaitu pagi dan petang, bermaksud solat Subuh dan 'Asar. Manakala waktu yang hampir dengannya diwaktu malam adalah solat Maghrib.

Firman Allah:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسِيقِ الْيَلَلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ

"Dirikanlah olehmu solat ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam dan (dirikanlah) solat Subuh"<sup>151</sup>

Ayat di atas bermaksud Ṣolat Dhohr yang dilakukan selepas tergelincir matahari ke sebelah Barat dan Ṣolat Isyā' yang dilakukan selepas cahaya siang hilang dengan hilang cahaya merah di ufuk barat. Dengan itu lengkaplah lima waktu ṣolat. Kesemuanya dirangkumkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam hadithnya.

Dari Sulāymān bin Burāydah dari bapanya dari Nabi (s.a.w.), bahawa seorang lelaki bertanya baginda mengenai waktu-waktu ṣolat. Sabda Rasulullah (s.a.w.); "Ṣolatlah bersama-sama kami dua hari ini". Maka ketika matahari sudah gelincir, beliau menyuruh Bilal adhan dan qamat untuk Solat Dhohr. Kemudian disuruhnya pula Bilal qamat untuk solat 'Aṣr, sedang matahari masih tinggi dan cahayanya masih terang. Kemudian disuruhnya Bilal qamat untuk maghrib setelah terbenam matahari, kemudian disuruhnya pula Bilal qamat untuk Isyā' iaitu ketika mega merah sudah hilang. Kemudian disuruhnya Bilal qamat untuk solat Fajar setelah terbitnya fajar. Pada hari kedua disuruhnya Bilal Adhān dan qamat untuk ṣolat Dhuhr agak lewat dari kelmarin, iaitu sehingga setelah hawa panasnya mula reda, setelah panasnya reda baharulah baginda ṣolat. Kemudian baginda solat 'Aṣr ketika matahari masih tinggi, tetapi agak lewat dari hari sebelumnya. Baginda ṣolat Maghrib sebelum hilang mega merah. Ṣolat Isyā' setelah sepertiga malam dan ṣolat fajar setelah langit agak terang. Kemudian baginda bertanya: "Kemanakah orang yang bertanya mengenai waktu ṣolat ? Seorang lelaki menjawab: Saya wahai Rasulullah ! Sabda baginda: "Waktu ṣolat kamu adalah seperti yang kamu lihat itu".<sup>152</sup>

Segala penditilan mengenainya di mana bilangan solat dan rakaat, rukun dan syarat, sunat dan makruh, bacaan dan perkara yang membatkalkannya serta cara menunaikannya bermula dari takbir hingga salam telah diterangkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam sabdanya:

وَصُلُوةٌ كَمَا رأيْتُمْ فِي أَصْلِيْ،

"Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat"<sup>153</sup>

Mengenai zakat pula Allah berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

"Ambillah sebahagian dari harta mereka sebagai sedekah zakat, supaya dengannya engkau bersihkan mereka dari dosa dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)"<sup>154</sup>

Perintah yang terdapat dalam ayat di atas berbentuk *mujmal* dan memerlukan penjelasan lanjut, tidak dijelaskan dalam ayat di atas secara terperinci mengenai zakat yang wajib dikeluarkan itu. Apakah harta yang wajib dikeluarkan zakat, kadar yang wajib dikeluarkan dan bilakah masa ia mesti dikeluarkan. Penjelasan lengkap hanya didapati dalam hadith Rasulullah (s.a.w.).

Hadith telah menjelaskan yang diwajibkan zakat itu adalah harta seperti emas dan perak, binatang ternakan termasuk unta, lembu, kerbau,

kambing dan biri-biri dan hasil pertanian seperti gandum, tamar, anggur dan lain-lain termasuk juga zakat perniagaan.

Penjelasan kepada ayat 103 dari surat al-Tawbah itu terdapat dalam banyak ḥadīth-ḥadīth Rasulullah (s.a.w.), antaranya:

لِيْس فِي أَقْلَم مِنْ عَشْرِينَ مِثْقَالًا مِنَ الْذَّهَبِ وَلَا أَقْلَم مِنْ مَائِتَى درهم صدقة

"*Tidak diwajibkan zakat bagi emas yang kurang dari 20 mithqal<sup>155</sup> dan perak yang kurang dari 200 dirham*"<sup>156</sup><sub>157</sub>

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

لِيْس فِيمَا دُونَ خَمْسَةَ أَوْسَقَ مِنَ التَّمَرِ صَدَقَةً وَلِيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةَ أَوْاقَ مِنَ الْوَرْقِ صَدَقَةً وَلِيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةَ ذُوْدَ مِنَ الْأَبْلِ صَدَقَةً

"*Tidak diwajibkan zakat bagi tamar yang kurang dari lima awsuk<sup>158</sup> dan wang dirham yang kurang dari lima awqiyat juga unta yang kurang dari lima ekor*"<sup>159</sup>

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم

يأمرنا أن نخرج الصدقة مما نعده للبيع

"Rasulullah (s.a.w.) memerintahkan kami mengeluarkan zakat bagi barang yang kami sediakan untuk dijual"<sup>160</sup>

٤

Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda kepada Mu'az:

لا تأخذوا الصدقة إلا من هذه الأربعة : الشعير والحنطة والزبيب والتمر

"Janganlah kamu mengambil zakat kecuali gandum, biji gandum, zabil dan tamar"<sup>161</sup>

Musa bin Talhah dari Mu'az dari Nabi (s.a.w.) sabdanya:

ليس في الخضروات زكاة

"Sayur-sayur tidak dikenakan zakat"<sup>162</sup>

Sabda Rasulullah (s.a.w.) :

فيما سقت السماء والعيون أو كان عثريا العشر وفيما سقى بالنضح

نصف العشر

*"Tanaman yang disiram oleh air hujan atau matair atau yang tumbuh sendiri, zakatnya ialah 1/10 dan tanaman yang tumbuh melalui siraman tenaga manusia maka zakatnya 1/2/10"<sup>163</sup>*

Begitu juga dengan haji, perintah mengenainya datang dalam bentuk *mujmal* tanpa penditilan.

Firman Allah:

وَلِلّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مِنْ أَسْطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

*"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Bāytullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya"*<sup>164</sup>

Ibadat Haji adalah wajib bagi mereka yang mampu berdasarkan ayat di atas, di mana cara mengerjakannya dijelas dengan sempurna dan lengkap oleh ḥadīth Rasulullah (s.a.w.) bermula dari iḥram, miqāt, talbiyah, wukuf, Ჰawaf, sa'iy, taħallul dan sebagainya, di mana dirumuskan dalam sabdanya:

خُذُوا عَنِي مَنَا سَكَنْتُمْ

*"Ambillah dariku ibadat haji kamu"*<sup>165</sup>

- e. Hadīth membataskan nas-nas al-Qur'ān yang mutlaq:

Terdapat hukum yang disebut oleh al-Qur'ān dalam bentuk mutlak, dengan itu hadīth telah berperanan membataskannya. Contohnya hukum yang terdapat dalam firmanNya:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطِعُوا  
أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبُوكُمْ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan kedua-duanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan (juga sebagai) hukuman pencegahan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana"<sup>166</sup>

Ada dua perkara yang berbentuk *mutlaq* dalam ayat di atas, iaitu pencuri dan tangan yang dikaitkan dengan hukuman yang terdapat dalam ayat tersebut. Kedua-duanya telah dibataskan oleh hadīth. Di mana Pencuri adalah *mutlak*, termasuk yang mencuri dalam jumlah yang banyak atau sedikit, lalu ia dibataskan oleh hadīth di mana pencuri yang dipotong tangannya adalah pencuri yang mencuri suatu jumlah yang tertentu, walaupun dalam menentukan kadarnya para ulama telah berselisih pendapat, ada yang menetapkan kadarnya adalah sesuku dinar atau lebih.

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

لَا تَقْطُعْ يَدَ السَّارِقِ إِلَّا فِي رَبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا

"Tidak boleh dipotong (tangan) seorang pencuri melainkan apabila ia mencuri sesuatu yang bernilai 1/4 (suku) dinar atau lebih"<sup>167</sup>

Perkataan tangan juga mutlak bentuknya, tanpa menyebut di mana tangan itu dipotong. Berkemungkinan potong disiku, atau di pergelangan tangan atau bahu. Lalu ia dijelaskan oleh Nabi (s.a.w.) dalam hadithnya yang diriwayatkan dari 'Amr bin Syu'āyb,<sup>168</sup> katanya:

أَتَى بِسَارِقٍ فَقْطَعْ يَدَهُ مِنْ مَفْصِلِ الْكَفِ

"Dibawa kehadapan Rasulullah (s.a.w.) seorang pencuri, maka dipotong tangannya di pergelangan tangan"<sup>169</sup>

Ibn Abbās berkata; Menjadi sunnah dalam memotong tangan pencuri adalah di pergelangan tangan.<sup>170</sup>

Begitu juga dengan hukum wasiat yang terdapat dalam firman Allah:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ هَـآ أَوْ دَيْنٍ عَيْرَ مُضَكَّـرٍ

"Sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan dan dibayar hutangnya, wasiat-wasiat yang tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris)"<sup>171</sup>

Wasiat yang disebut dalam ayat di atas, berbentuk mutlak tanpa menyebut kadar yang wajar diwasiatkan. Keadaan mutlak ini dibatalkan oleh Hadith Rasulullah (s.a.w) sebagaimana difahami dari jawapan baginda terhadap Sa'ad bin Abi Waqqas di mana beliau berkata: Wahai Rasulullah! Saya seorang yang berharta dan saya tidak mempunyai waris selain seorang anak perempuan sahaja. Apakah boleh saya bersedekah 2/3 harta saya? Jawab Rasulullah (s.a.w); Tidak! Beliau bertanya lagi: Bolehkah saya bersedekah separuh dari harta saya? Jawab Rasulullah: Tidak! Beliau bertanya: Bolehkah saya bersedekah 1/3 daripadanya. Jawab Rasulullah: Satu pertiga? Satu pertiga pun banyak!<sup>172</sup>

Selain itu dibataskan pula pihak yang boleh diwasiatkan iaitu dikalangan yang bukan waris. Sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِيْ حَقٍّ  
حَقًّا، فَلَا وَصِيَّةٌ لِوَارثٍ

"Sesungguhnya Allah telah memberikan kepada setiap yang berhak hak mereka masing-masing, oleh itu janganlah berwasiat kepada waris"<sup>173</sup>

Demikian juga perintah mengerjakan tawaf dalam firman Allah:

وَلَيَطَوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

*"Dan hendaklah tawāf akan Baytullah  
(Kaabah) yang tua sejarahnya itu"<sup>174</sup>*

Perintah ini mewajibkan tawāf secara mutlak, samada ia suci atau berhadath, lalu dibataskan oleh Rasulullah (s.a.w) dengan mensyaratkan orang yang bertawāf mestilah dalam keadaan suci.

Sabdanya:

الطواف صلاة ... إلا أن الله تعالى أحل فيه الكلام ، فمن تكلم فلا  
يتكلم إلا بخير

*"Tawāf itu adalah şolat....kecuali Allah Ta'ala menghalalkan padanya berkata-kata, maka sesiapa yang berkata-kata janganlah berkata kecuali yang baik"<sup>175</sup>*

#### F. Menerangkan mengenai *nāsikh* dan *mansūkh*:

Ini adalah mengikut pendapat yang membolehkan hadith menasakhkan al-Qur'an.<sup>176</sup> Contohnya ialah ḥadīth;

لَا وصيَّةٌ لوارثٍ

*"Tiada wasiat bagi penerima pesaka"*

Hadīth ini telah memansuhkan hukum yang terdapat dalam firman Allah:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ  
إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتَ إِن تَرَكْ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالَّدِينِ  
وَأَلَّا فَرِيقَيْنِ بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُنَّفِّيْنِ

"Kamu diwajibkan apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik, sebagai satu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa"<sup>177</sup>

Kesimpulannya, hubungan hadīth dengan al-Qur'ān itu dalam tiga bentuk iaitu menguat dan memantapkan apa yang sudah terdapat dalam al-Qur'ān, menjelas dan mentafsirkan kesamaran yang terdapat dalam al-Qur'ān dan menetapkan hukum yang belum disebut oleh al-Qur'ān.

## 2.2: KLASIFIKASI HADĪTH:

Di segi hakikatnya hadith terbahagi kepada tiga:<sup>178</sup>

## i. Hadīth qawlīy

Iaitu sabdaan dan kata-kata yang keluar dari mulut Nabi (s.a.w.) selain dari al-Qurān. Seperti sabdanya:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

"Sesungguhnya sesuatu amalan itu berdasarkan niat"<sup>179</sup>

Jenis ini merupakan yang paling banyak didapati. Semuanya merupakan perkataan dari Rasulullah (s.a.w.) yang ditunjukkan kepada manusia terutamanya kepada yang beriman dan menjelaskan apa yang diperlukan oleh mereka.

## ii. Hadīth fi'liy:

Iaitu apa yang datang dari Rasulullah (s.a.w.) yang diriwayatkan oleh sahabatnya dalam perkara perbuatan, tingkahlaku, perundungan dan sebagainya, seperti cara baginda (s.a.w.) beribadat, seperti ṣolat, haji dan lain-lain. Termasuk juga apa yang diberitahu oleh isterinya mengenai amalan dan perbuatan baginda seperti perbuatannya mencium isterinya sedangkan baginda berpuasa.<sup>180</sup>

### iii. Hadīth taqrīriy:

ialah perakuan Rasul (s.a.w.) samada secara terus terang, bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh sahabatnya atau secara diam dan tidak menampakkan tanda-tanda bantahan terhadap perbuatan tersebut.

Contohnya:

Ibn 'Umar meriwayatkan yang Rasulullah (s.a.w.) bersabda kepada kami semasa kepulangan kami dari Peperangan Ahzab; "Jangan sesiapapun di kalangan kamu bersolat 'Aṣar kecuali di perkampungan Bani Qurāydhah"<sup>181</sup>

Waktu 'Aṣar masuk semasa mereka dalam perjalanan, para sahabat yang melihat larangan itu dalam bentuknya yang asal mereka tidak bersolat kecuali setelah sampai di perkampungan Bani Qurāydhah, walaupun waktunya sudah loput. Setengah sahabat memahami yang larangan tersebut bertujuan untuk mendorong mereka supaya bersegera dan tidak berlengah, lalu mereka solat 'Aṣar dalam waktunya dan semasa dalam perjalanan. Setelah diberitahu kepada Rasulullah (s.a.w.), baginda memperakui tindakan yang diambil oleh kedua-dua golongan tersebut.

Contoh lain:

Perakuan baginda (s.a.w.) terhadap orang Habsyi yang memperlihatkan latihan perang di masjid,<sup>182</sup> perakuannya terhadap Aisyah r.a yang bermain dengan patung permainan,<sup>183</sup> perakuan baginda kepada Khalid bin al-Walid yang memakan Dab yang diletakkan bersama juadahnya<sup>184</sup> dan apa yang diriwayatkan oleh Abd Allah bin 'Umar, katanya: Kami berkata sedangkan Rasulullah (s.a.w.) masih hidup dan orang yang paling afdal selepas Nabinya adalah Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthmān, Rasul (s.a.w.) mendengarnya dan tidak membantah terhadap (kata-kata) kami itu.<sup>185</sup>

Di segi statusnya pula, ḥadīth terbahagi kepada beberapa bahagian dengan melihat kepada beberapa aspek yang telah digariskan oleh para *muḥadithin*. Di mana mereka telah melihat ḥadīth itu dari beberapa sudut, seperti jalan atau *turuq al-ḥadīth*, sudut kekuatan dan kelemahan hadith, kesudahan *sanad* satu-satu ḥadīth dan lain-lain. Dari sinilah lahirnya bahagian dan klasifikasi hadith.

Kajian ini tidak akan menyentuh sepenuhnya mengenai pembahagian ḥadīth ini, cuma akan memberi penekanan kepada aspek penilaian ḥadīth samada ia diterima atau ditolak yang merupakan pembahagian utama dalam pembahagian ḥadīth. Dalam kata lain, penulis akan memfokaskan kepada aspek kekuatan dan kelemahan ḥadīth itu sahaja.

## PEMBAHAGIAN UTAMA HADITH

Para *Muḥadithin* telah membahagi hadīth kepada berbagai-bagai jenis, dengan menggunakan berbagai istilah seperti bahagian, ilmu dan sebagainya. Setiap satu mempunyai status yang berbeda kerana wujudnya perbedaan keadaan perawi dan keadaan matan hadīth itu.<sup>186</sup> Menurut al-Hāzimiy,<sup>187</sup> ilmu hadīth itu merangkumi jenis-jenis yang banyak yang mencapai 100 jenis, setiap jenis pula merupakan ilmu yang berasingan yang kalau digunakan seluruh usianya belum tentu ia sampai kepenghujungnya.<sup>188</sup>

Ibn al-Ṣalāḥ dalam bukunya *Ulūm al-Hadīth* menyenaraikan sejumlah 65 jenis dengan menyebut jumlah tersebut adalah yang muktamad kerana ia berbentuk fleksibel kerana sifat dan keadaan perawi juga fleksibel. Ibn Kathir yang merengkaskan karya tersebut mendapati beberapa jenis yang disebut oleh Ibn al-Ṣalāḥ secara berasingan masih boleh disatukan antara satu jenis dengan jenis yang lain, lalu beliau telah membuat penyenaraian baru yang difikirkan sesuai menurut pandangannya.<sup>189</sup>

Pada dasarnya hadīth itu dibahagikan kepada dua bahagian sahaja iaitu hadīth yang diterima apabila ia memenuhi kriteria dan syarat-syarat penerimaan satu-satu hadīth, yang diistilahkan sebagai hadīth *sahīh* dan

hadīth yang ditolak apabila ia tidak memenuhi syarat-syarat itu yang dinamakan sebagai hadīth daīf.

Namun di segi metodologi di dapati perlu ada satu jenis lagi yang berada ditengah-tengah, di antara dua jenis tersebut. ini adalah keadaan perawi itu sendiri tidak sama tahap antara satu sama lain, terutamanya disegi *sakhsiyah* dan kekuatan ingatan mereka. Bertitik tolak dari keadaan inilah muncul kemudiannya satu jenis hadīth lagi, iaitu hadīth hasan.<sup>190</sup>

Walaupun hadīth hasan secara praktikalnya ia boleh dimasukkan kedalam salah satu dari dua jenis di atas. Boleh dimasukkan dalam hadīth sahīh, seperti yang disebut oleh al-Bukhārī dan Muslim sebagaimana yang dipetik oleh Al-Dhahabī atau termasuk dalam kategori hadīth daīf yang boleh juga beramat dengannya, bahkan menurut Ahmad ia lebih wajar diamalkan berbanding dengan *qīas*.<sup>191</sup>

Namun ramai yang lebih cenderung kepada pendapat kedua yang menyatakan hadīth hasan adalah berdiri sendiri di mana ia lebih tinggi kedudukannya dari hadīth daīf dan terkebawah sedikit dari hadīth sahīh.

Setelah melihat kriteria hadīth- hasan itu, penulis berpendapat ia wajar berdiri sendiri kerana pada hakikatnya ia bukanlah hadīth daīf seperti yang disebut dan bukan pula termasuk dalam hadīth sahīh kerana tidak memenuhi syarat-syarat hadīth sahīh.

## 2.2.1 HADITH-HADITH YANG DITERIMA

Hadīth-hadīth yang diterima, seperti yang telah disebut di atas, adalah hadīth-hadīth yang memenuhi syarat-syarat penerimaan sesebuah hadīth:

### 1. Berhubung sanad.

Yang dimaksudkan dengan berhubung sanad adalah setiap perawi menerima secara langsung dari perawi sebelumnya dari permulaan sanad hingga ke penghujungnya.<sup>192</sup> Ini adalah dengan menggunakan lafaz yang secara jelas menunjukkan seorang perawi yang *thiqah* mengambil dari perawi yang sebelumnya, seperti menggunakan perkataan: "sami'tu", "hadathana", "akhbaranā" dan "ambā'anā".

Contohnya:

Ibn Khuzaymah meriwayatkan dalam sahihnya:

Akhbaranā Abū Thāhir, thanā Abd al-Jabbar bin al-'Alā', thanā Sufyān, thanā Zuhriy, akhbaranā 'Ubbād bin Tamim dari bapa saudaranya Abdullah bin Zayd katanya: Saya bertanya Rasulullah (s.a.w.) mengenai seorang lelaki yang mendapat sesuatu<sup>193</sup> semasa ia sedang bersolat?

Rasulullah (s.a.w.) bersabda: "Jangan beredar (dari solat) sehingga terdengar suara atau didapati angin".<sup>194</sup>

Dengan adanya syarat ini secara langsung akan terkeluarlah ḥadīth-ḥadīth; *mursal*, *munqati'*, *mu'adal*, *mu'allāq*, *mudallas* dan lain-lain. Di mana kesemua ḥadīth-ḥadīth tersebut tidak memenuhi syarat ini.

## 2. Keadilan perawi:

Tidak terdapat keselarasan di kalangan ulama dalam memberikan definasi 'adil, sebagaimana tidak terdapat kesepakatan dalam menetapkan sifat-sifat yang diperlukan bagi menentukan keadilan seseorang perawi. Namun kebanyakan ulama menyebut perawi yang 'adil adalah yang beragama Islam, mukallaf, konsisten dalam melakukan seluruh tuntutan agama dan menjaga maru'ah. Walaupun ada lagi beberapa sifat lain yang diambilkira juga dalam menentukan keadilan seseorang perawi, seperti; bertaqwā, tidak melakukan dosa besar dan menjauhi (tidak selalu melakukan ) dosa kecil, tidak berbuat bid'ah dan lain-lain.<sup>195</sup>

Keadilan seseorang perawi boleh dithabitkan dengan perakuan sekurang-kurangnya seorang ulama yang dikenali dalam bidang kritikan perawi atau *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, walaupun Ibn al-Ṣalāḥ mensyaratkan perakuan dua orang. Ini adalah bagi mereka yang bukan masyhur di kalangan ulama ḥadīth.<sup>196</sup>

3. Ingatan yang sempurna (*dabit*).

Terdapat berbagai-bagai keterangan mengenai *Dhabit* di kalangan para *muhadithin*. Namun ia tidak terkeluar dari kekuatan hafalan seorang perawi mengenai apa yang didengarnya dengan menguasai, memahami dan mampu menyampaikannya hafalannya, bila-bila masa sahaja apabila dikehendakinya. Juga menjaga catatannya semenjak diterimanya sehingga ia disampaikan dan tidak memberikannya kepada orang yang tidak dapat menjaganya dengan baik.<sup>197</sup>

Dengan itu *dabit* terbahagi kepada dua jenis:

- i. *Dabit al-Sadr* iaitu *dabit* yang berdasarkan kepada kekuatan ingatan dan hafalan, di mana ia mengingati apa yang didengarnya, tidak terlupa dan boleh disampaikan apabila dikehendaki.
- ii. *Dabit al-Kitab* iaitu yang berdasarkan kepada catatan, buku atau teks. Di mana dia menjaga catatannya dan diperbetulkan sehingga ia dapat meriwayatkan berdasarkan kepada catatannya, tidak diberikan kepada yang tidak dapat menjaganya, bimbang kerana berlaku perubahan dan tokok tambah atau membiarkannya sehingga berlaku kerosakan.

*Dabit* seseorang itu dapat diketahui dengan perakuan para ulama dan dengan membandingkan riwayatnya dengan perawi-perawi yang dikenali kedabitan mereka seperti al-Zuhriy, Mālik, al-Syāfi'iy, Ahmad dan lain-lain, di mana jika riwayat perawi tersebut sentiasa bertepatan dengan riwayat mereka atau pada kebiasaannya, ia dikira mempunyai *dabit* yang sempurna.

#### 4. Tiada kejanggalan atau *syāz*.<sup>198</sup>

Di segi istilahnya, Al-Syāfi'iy berpendapat: Bukanlah *syāz* itu ḥadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang *thiqah* bersendirian sedangkan perawi-perawi lain yang juga *thiqah* tidak meriwayatkannya, bahkan *syāz* itu adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* bertentangan dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh ramai perawi yang lebih *thiqah* daripadanya.<sup>199</sup>

Ada di kalangan *muḥadithin* yang tidak sependapat dengan al-Syāfi'iy seperti yang disebutkan di atas, al-Hakīm al-Nāṣabūriy telah mendefinisikan *syāz* dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* bersendirian.<sup>200</sup> Abū Ya'lā al-Khaliliy pula menyebut yang ḥadīth *syāz* ialah ḥadīth yang hanya mempunyai hanya satu sanad sahaja. Namun kebanyakan *muḥadithin*, samada di kalangan mutaqaddimin<sup>201</sup> maupun semasa,<sup>202</sup> menerima definisi Syāfi'iy di atas. Malah *syāz* itu terdapat pada sanad dan matan.<sup>203</sup>

## 5. Tiada kecacatan 'illat

Di segi bahasa 'illat diertikan sebagai penyakit, kecacatan, keburukan atau salah baca. 'illat menurut muhadithin adalah sebab-sebab yang tersembunyi lagi sulit yang terdapat pada ḥadīth yang menjelaskan kesahihannya, kecacatan ini tidak kelihatan pada zahirnya.

Syāz dan 'illat merupakan dua perkara yang tidak mudah untuk dikesan kecuali mereka yang benar-benar berkeahlian sahaja. Malah ia merupakan salah satu cabang ilmu ḥadīth yang paling rumit dan komplikated seperti yang diperakui oleh Ibn Hajar<sup>204</sup> dan al-Sakhawiy. Malah al-Sakhawiy berkata: "Tidak ramai di kalangan ulama bercakap mengenainya kecuali segelintir yang benar-benar berkemampuan seperti 'Ali bin al-Madiniy, Ahmad al-Bukhāriy, Ya'kob bin Syābah, Abu Ḥatim, Abu Zur'ah dan lain-lain. Abū al-Raḥman bin al-Mahdiy mengatakan ia merupakan ilham."<sup>205</sup>

'illat seperti juga syaz terdapat pada sanad atau matan atau kedua-duanya sekali. Langkah yang perlu dilakukan untuk mengetahui 'illat yang terdapat pada ḥadīth adalah dengan mengumpulkan sanad-sanad, sesudah itu dibuat penilaian berdasarkan kepada pendapat ulama al-Jarḥ wa al-Ta'dīl dan ulama 'ilal al-ḥadīth. Dengan ini dapat diketahui adakah ḥadīth itu ada 'illat atau sebagainya.<sup>206</sup>

Inilah lima syarat bagi penerimaan sesebuah ḥadīth, dengan itu, mana-mana ḥadīth yang memenuhi syarat-syarat di atas, adalah termasuk dalam ḥadīth-hadīth yang di terima. Sebaliknya, ḥadīth-ḥadīth yang tidak terdapat syarat-syarat di atas, satu atau lebih, tarafnya sudah berubah, sedang penerimaannya pula terhenti kepada sejauhmana syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi. Namun syarat-syarat tersebut tidak sama statusnya, ada syarat yang boleh dikompromi, contohnya; kesempurnaan ingatan. Ḥadīth yang tidak memenuhi syarat ini masih dikira ḥadīth, walaupun statusnya sudah menurun. Ada pula yang tidak boleh dikompromi, seperti keadilan perawi. Syarat ini mesti wujud, tanpanya hadith tersebut akan ditolak. Bertitik tolak kepada keadaan inilah ulama hadith dari kalangan *mutaqaddimīn* membahagikan ḥadīth kepada dua sahaja iaitu samada *sahīh* atau *da'if*.<sup>207</sup>

## PEMBAHAGIAN HADITH YANG DITERIMA

Penulis lebih cenderung untuk mencantumkan pembahagian hadith yang melihat kepada aspek bilangan perawi<sup>208</sup> dan aspek kekuatan serta kelemahan hadith<sup>209</sup> menjadi satu, dengan catatan ḥadīth yang tidak memenuhi syarat-syarat penerimaan sesebuah ḥadīth adalah - di kategorikan ke dalam kelompok hadith yang ditolak.

Pembahagian sebegini telah pun dibuat oleh setengah muhadithin semasa<sup>210</sup> yang memasukkan ḥadīth mutawātir dan ḥadīth ahad ke dalam kategori ḥadīth ṣaḥīḥ dan menyebutnya semasa membicarakan mengenai ḥadīth ṣaḥīḥ. Dengan tidak menafikan ada setengah-setengah hadith yang berbentuk gunasama iaitu terdapat dalam kedua-dua keadaan; ṣaḥīḥ dan da'if.

Hadith Masyhūr sebagai contoh, ada yang ṣaḥīḥ dan ada juga yang da'if, begitu juga ḥadīth gharīb. Penulis apabila memasukkannya ke dalam kategori ḥadīth ṣaḥīḥ, dengan maksud ḥadīth tersebut adalah memenuhi syarat-syarat ḥadīth ṣaḥīḥ sahaja. Selainnya ia di kategorikan sebagai ḥadīth da'if.

## 2.2.1 JENIS-JENIS HADITH YANG DITERIMA

### 1. HADITH MUTAWĀTIR

Dari segi bahasanya ia bermaksud berurut-urutan. Adapun ḥadīth mutawātir menurut istilah muhadithin, setelah merujuk kepada beberapa definisi yang diberikan oleh mereka,<sup>211</sup> dapatlah dirumuskan sebagai ḥadīth ṣaḥīḥ yang diriwayatkan di setiap peringkat oleh sekumpulan ramai perawi

yang mustahil pada aqal dan adat, mereka bersepakat untuk berdusta dari awal sanad hingga ke akhirnya.<sup>212</sup>

\*

Dari definisi di atas, di dapati ḥadīth mutawātir itu mempunyai empat syarat:

- i. Diriwayatkan oleh jumlah yang ramai<sup>213</sup> para perawi, di mana jumlahnya tidak terbatas kerana membataskan bilangan perawi tidak memberi apa-apa makna.<sup>214</sup>
- ii. Bilangan perawi mencapai angka yang mustahil menurut adat dan kebiasaan mereka berbohong dan bersepakat untuk mengeluarkan satu-satu ḥadīth.
- iii. Jumlah perawi yang seimbang di segenap peringkat *tabaqāt*. Kurangnya jumlah perawi dalam mana-mana peringkat sekalipun akan menyebabkan ḥadīth itu tidak lagi bersifat mutawatir.
- iv. Setiap riwayat hendaklah berdasarkan kepada pengamatan pancaindera yang mencapai *al-ilm al-darūrī* atau *al-ilm al-yaqīn*, seperti para perawi menyebut: "sami'na" (kami mendengar), "ra'āyna" (kami melihat), bukan bersifat sangkaan atau *zān*.<sup>215</sup>

## Hukum ḥadīth Mutawātir

Hadīth mutawātir adalah ḥadīth-ḥadīth ṣaḥīḥ yang paling tinggi sekali kedudukannya. Para ulama berpendapat bahawa ḥadīth mutawātir mencapai tahap *ilm al-yaqīn*, di mana tidak ada ruang untuk mendustakannya, malah mengingkari ḥadīth mutawātir adalah kafir kerana ia thābit datangnya dari Rasulullah (s.a.w.) secara *qat'iy*. Mengingkarinya bererti mendustakan Rasulullah (s.a.w.). Malah ia tidak perlu lagi kepada kajian dan perbincangan.<sup>216</sup>

## Pembahagian Hadith Mutawātir

Hadith mutawātir terbahagi kepada dua:

### i. Mutawatir lafzy:

Iaitu ḥadīth yang diriwayatkan oleh semua perawi dengan lafaz dan gambaran yang sama disetiap peringkat.

Contoh hadith mutawatir lafzy:

من كذب على متعبداً فليتبوأ مقعده من النار

Hadīth ini telah diriwayatkan oleh 75 orang sahabat. Ada pendapat yang mengatakan lebih dari bilangan tersebut.<sup>217</sup>

Hadīth:

، نَصَرَ اللَّهُ امْرَأً مَعَ مَقَالِيٍ . . .

"Allah memuliakan seorang yang mendengar perkataanku"

Hadīth ini diriwayatkan oleh 30 orang sahabat.

Hadīth:

« مَنْ بَنَى لِلَّهِ مسجداً بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتاً فِي الْجَنَّةِ »

"Sesiapa yang membina semata-mata kerana Allah sebuah masjid, Allah Taala akan membina kepadanya sebuah rumah di Syurga"

Hadīth ini telah diriwayatkan oleh 20 orang sahabat.

Hadīth:

كل مسكن حرام

"*Setiap yang memabukkan itu adalah haram*"

Hadith ini telah diriwayatkan oleh 14 orang.<sup>218</sup>

ii. **Mutawātir ma'nawiy:**

Iaitu ḥadīth yang mutawātir di segi makna sahaja bukan pada lafaznya, dalam ertikata terdapat lafaz yang berbeda-beda tetapi maksudnya tetap sama.

Contohnya adalah ḥadīth mengangkat tangan semasa berdoa. Terdapat sekitar 100 ḥadīth yang menunjukkan yang Rasulullah (s.a.w.) mengangkat tangan dalam berbagai-bagai keadaan.

**KEWUJUDAN HADĪTH MUTAWĀTIR:**

Hadīth Mutawātir sememangnya wujud tetapi berbanding dengan ḥadīth Āḥād, bilangannya amat kecil apa lagi hadith mutawātir lafz iy.

Bilangannya amat sedikit, malah menurut Ibn al-Salāḥ, hampir tidak wujud dengan mengecualikan ḥadīth

من كتب على متعمداً فليتبواً مقعده من النار

"Sesiapa yang berdusta kepadaku secara sengaja, maka sediakanlah tempat duduknya dalam neraka"<sup>219 220</sup>

Namun setengah ulama menolak pendapat tersebut dengan memberi contoh-contoh ḥadīth mutawātir bagi membuktikan kewujudannya. Ibn Hajar dalam *Syarḥ al-Nukhbah*, *al-Suyūṭī* dalam *Al-Adur al-Mutanāthirah* dan *Qādi Iyād* dalam *al-Syifa'*. Contoh yang diberikan ialah ḥadīth bulan terbelah, menyapu khuf, Isrā' dan Mi'rāj, air mengalir dari celah jari Rasulullah (s.a.w.), makanan yang sedikit mencukupi untuk tentera yang ramai.<sup>221</sup>

#### HADITH MASYHŪR:

Pengertian etimologi:

Nama subjek dari ( شهرت الأمر ) termasyhur perkara itu apabila ia tersebar luas dan menonjol. Dinamakan demikian kerana ia begitu menonjol, ketara dan jelas sehingga begitu di kenali di kalangan orang ramai.<sup>222</sup>

Menurut terminologinya terdapat banyak definisi yang diberikan oleh para muhadithin dan ulama usūl.

Definisi pertama: Ibn al-Ṣalāḥ memetik definisi yang diberikan oleh Ibn Mandah al-Asbīhānīy, menurut beliau ḥadīth masyhūr adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh satu kumpulan perawi dari para imam yang diterima riwayat mereka.<sup>223</sup>

Definisi kedua: Setengah para muhadithin mendefinisikannya dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh lebih daripada dua orang perawi.<sup>224</sup>

Definisi ketiga: Ḥadīth yang diriwayatkan oleh tiga perawi atau lebih tetapi tidak mencapai status mutawātir.<sup>225</sup> Ini merupakan pendapat kebanyakan muhadithin. Perbedaan yang terdapat dalam definisi di atas hanyalah perbedaan ungkapan semata-mata sedangkan maksudnya tetap sama. Di mana para ulama sekata dalam menetapkan yang ḥadīth masyhūr itu diriwayatkan oleh tidak kurang dari tiga perawi di setiap peringkat.

Setengah ulama menyamakan di antara ḥadīth masyhūr ini dengan ḥadīth mustafid.<sup>226</sup> Walaupun ada yang membedakannya bahawa ḥadīth mustafid adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh sebilangan perawi di mana bahagian awal dan akhirnya adalah sama bilangannya<sup>227</sup> sedang ḥadīth masyhūr lebih umum dari itu.

## PEMBAHAGIAN ḥADĪTH MASYHŪR

### 1. Di segi nilai:

Hadīth masyhūr terbahagi kepada dua iaitu ṣaḥīḥ dan ḍa'īf. Tidak semestinya ḥadīth yang masyhūr itu ṣaḥīḥ nilainya, malah tidak termasuk syarat ṣaḥīhnya satu-satu ḥadīth itu adalah masyhūr, dengan itu ḥadīth masyhūr ada ṣaḥīḥ, ada yang ḥasan, ada yang ḍa'īf. Bahkan ada juga yang māudu' (palsu).

Al-Ḥākim ada menyebut: ḥadīth masyhūr bukanlah ḥadīth ṣaḥīḥ, berapa banyak ḥadīth yang masyhūr tidak terdapat dalam kitab-kitab ṣaḥīh.<sup>228</sup>

2. Di segi bidang:

Para muhadhithin tidak sekata dalam menentukan bidang-bidang hadith masyhur ini. Ibn al-Salāḥ, al-Nawawī, al-Ṭiraqī dan Ibn Hajar membahagikan kepada dua:

- i. Masyhur di kalangan ahli al-hadith dan lain-lain.
- ii. Masyhur di kalangan ahli al-hadith sahaja.

Namun kalau diteliti secara menyeluruh, hadith masyhur ini bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Masyhur di kalangan ahli al-hadith sahaja

Dalam kategori ini, hadith yang sering disebut sebagai contoh ialah hadith yang diriwayatkan dari Anas r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَنَتْ شَهْرًا بَعْدَ

الرِّكْوَعِ يَدْعُوا عَلَى رِعَلٍ وَذَكْوَانٍ

"Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w.) berqunut selama sebulan selepas ruku' mendoakan ke atas Ri'al dan Zakwan"<sup>229</sup>

Ramai perawi meriwayatkan hadith ini dari Anas, antaranya Anas bin Sirīn, Āsim al-Āḥwāl, Qatādah, Muḥammad bin Sirīn, Abu Qalābah, Isḥāk bin Abdullah bin Abi Talḥah, Thumāmah bin Abdullah bin Anas, Musā bin Anas dan Abd al-Azīz bin Suhayb.

Hadīth ini bukan sahaja diriwayatkan oleh Anas tetapi oleh ramai sahabat-sahabat yang lain seperti Khafaf bin Ima' al-Ghaffāriy dalam Muslim, Ibn 'Abbās dalam Abu Dāwūd dan Ahmad, Abu Hurārah menurut riwayat al-Dārimīy.

ii. **Masyhūr di kalangan ahl al-Hadīth dan bukan ahl-hadīth:**

Contohnya:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وِيدِهِ

"Seorang Muslim itu ialah yang selamat Muslim lain dari bencana lidah dan tangannya"<sup>230</sup>

iii. Masyhūr di kalangan bukan ahl al-Hadīth:

- a. Hadīth yang masyhūr di kalangan ulama fiqh:

أبغضن الحلال عند الله الطلاق

"Semurka-murka perkara halal di sisi Allah  
ialah perceraian"<sup>231</sup>

- b. Hadīth yang masyhūr di kalangan ulama Usūl fiqh:

رفع عن أمتي الخطأ والنسيان وما استكرهوا عليه

"Diangkat dari umatku mereka yang  
tersalah, terlupa dan yang dipaksakan ke  
atasnya"<sup>232</sup>

- c. Masyhūr di kalangan ulama tata bahasa:

« نعم العبد صهيب لو لم يخاف الله لم يعصه »

"Sebaik-baik hamba adalah Suhāyb,  
kalaupun ia tidak takutkan Allah, dia tidak  
menderhakaiNya"<sup>233</sup>

Menurut al-'Irāqiy, ḥadīth ini tiada asasnya dan tidak ditemui lafaz tersebut dalam mana-mana karya ḥadīth.<sup>234</sup>

d. Hadith yang masyhūr di kalangan awam:

الدال على الخير كناعنه

"Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan, baginya pahala sebagaimana yang melakukannya"<sup>235</sup>

العجلة من الشيطان

"Gopoh itu dari Syaitān"<sup>236</sup>

بخلاف أمني رحمة

"Perselisihan di kalangan umatku adalah rahmat"<sup>237</sup>

من عرف نفسه فقد عرف ربه

*"Sesiapa yang mengenal dirinya sesungguhnya ia mengenali Tuhan-Nya"*<sup>238</sup>

## HUKUM HADITH MASYHUR

Hadith masyhur yang memenuhi syarat-syarat penerimaan sebuah hadith, wajib diterima dan beramal dengannya dan kedudukannya mengatasi hadith 'aziz dan gharib apabila perawinya berada dalam status yang sama dari segi keadilan dan kedabitannya.<sup>239</sup>

Namun begitu mereka yang ingkar hadith masyhur tidak di hukum sebagai kafir. Kalangan ulama dalam madhab Abū Hanīfah menyebut kedudukan hadith masyhur adalah *ilm tama'ninah* iaitu ḥan yang hampir kepada yakin.

## HADITH SAHIH

### DEFINISI:

Terdapat berbagai definisi hadith Ṣaḥīḥ di kalangan muhadhithin, samada dari kalangan mutaqaddimin ataupun mutaākhirin, yang berbeda di segi ungkapan, namun membawa maksud yang sama.

Ibn al-Šalāḥ mentakrifkan ḥadīth ṣaḥīḥ sebagai "ḥadīth yang bersanad, di mana sanadnya bersambung dari riwayat perawi yang adil lagi ḏabit dari perawi yang adil lagi ḏabit hingga kepada kesudahannya, tanpa ada kejanggalan syāz atau kecacatan illat".<sup>240</sup>

Al-Nawawī telah meringkaskan definisi yang diberikan oleh Ibn al-Šalāḥ di atas dengan menyebut: "Hadīth ṣaḥīḥ adalah ḥadīth yang bersambung sanadnya dari riwayat perawi yang adil lagi ḏabit tanpa sebarang kecacatan dan kejanggalan".<sup>241</sup>

Ibn Kathir pula meditailkan lagi maksud "kesudahan" yang disebut oleh Ibn al-Šalāḥ, dimana menurut beliau:

"Hadīth ṣaḥīḥ adalah ḥadīth yang bersanad yang bersambung sanadnya dari riwayat perawi yang adil lagi ḏabit dari perawi yang adil lagi ḏabit sehingga berkesudahan kepada Rasulullah (s.a.w.), atau kesudahannya dari sahabat atau selainnya, tanpa terdapat syāz, atau tertolak, atau kecacatan yang ketara".<sup>242</sup>

Para muḥadithin yang datang sesudahnya seperti Ibn Hajar al-Asqalāniy (w.852H), Al-Suyūtiy (w.911H), al-Qāsimiy (w.1332H) juga mengemukakan definisi masing-masing, yang walaupun nampak berbeda

dengan definisi di atas dari segi redaksinya, namun maksudnya tidak terkeluar dari apa yang telah disebut oleh Ibn al-Salāḥ dan al-Nawawī di atas.

\*

Dari definisi yang disebut di atas, ḥadīth ṣaḥīḥ itu menpunyai lima syarat yang wajib ada bagi membolehkan ia tergolong dalam kategori ḥadīth yang ṣaḥīḥ.

Syarat-syarat tersebut ialah:

- i. *Sanad* yang muttaṣil (berhubung).

Yang dimaksudkan dengan berhubung sanad adalah setiap perawi mengambil ḥadīth yang diriwayatkannya secara langsung dari mereka yang sebelumnya, dari awal sanad hingga tah kesudahannya.<sup>243</sup>

Sanad yang berhubung itu dizahirkan melalui periwayatannya dengan menggunakan perkataan secara jelas menunjukkan beliau menerima ḥadīth tersebut seperti menggunakan ungkapan *sam'itu, haddathana, akhbaranā* dan seumpamanya.

ii. Perawi yang adil.

Perawi yang adil adalah perawi yang bersih dari unsur-unsur yang menyebabkan seseorang menjadi *fāsiq* dan perkara yang menjelaskan maruahnya, lurus perjalanan hidupnya (dipercayai keagamaannya dan dikenali benar percakapannya).<sup>244</sup>

Menurut al-Khaṭīb pula perawi yang adil adalah perawi yang menunaikan segala kefarduan, komited dalam mengerjakan apa yang di perintah, menahan diri dari yang di tegah, menjauhi keburukan yang menjatuhkan maruahnya, menjaga kebenaran dan kewajipan dalam tindakan dan *muamalatnya* dan mengawal perkataannya dari perkara yang mencemar agama dan maruah.<sup>245</sup>

Keadilan seorang perawi bolehlah dithabitkan dengan perakuan seorang ulama yang pakar dalam kajian mengenai keadaan perawi, atau seorang dari mereka menurut pendapat yang *rājiḥ*, walaupun Ibn al-Ṣalāḥ mensyaratkan perakuan dua orang.<sup>246</sup>

Ini adalah untuk kalangan perawi biasa dan tidak berlaku kepada mereka yang sudah terkenal dengan keadilan dan masyhūr dengan kethiqahan dan kehujahan mereka di kalangan *ahl al-'ilm*.<sup>247</sup>

iii. Kemantapan ingatan (*dābit*):

Seseorang perawi mestilah seorang yang *dābit* atau mempunyai ingatan yang mantap dan meriwayatkan seperti yang didengarnya apabila meriwayatkannya dan teliti dalam catatannya dan menjaganya dengan penuh cermat.

Beberapa perkara yang menjelaskan ingatan atau *dābit* seseorang ialah banyak kesalahan, termasuk dalam meriwayat sesuatu yang tidak didengarinya, cuai dan leka, ragu-ragu dan menyalahi perawi yang thiqah.

iv. Tiada *syāz*

Iaitu Hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang thiqah tidak bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih thiqah daripadanya.

v. Tiada *'illat*

Di mana hadith yang diriwayatkan tidak terdapat sebarang kecacatan yang tersirat yang boleh menjelaskan kesahihan hadith walaupun dari segi zahirnya kecacatan itu tidak ketara. Kecacatan pada hadith

merupakan perkara yang sangat rumit dan sukar diketahui kecuali oleh mereka yang benar-benar berkelayakan dalam bidang tersebut.

Berdasarkan kepada syarat-syarat di atas, Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb telah memberikan definisi beliau iaitu:

*"Hadith yang bersambung sanadnya oleh riwayat perawi yang thiqah dari perawi lain yang thiqah juga, dari awal hingga kesudahannya, tanpa sebarang syaz (kejanggalan) dan juga illat (kecacatan)"<sup>248</sup>*

## PEMBAHAGIAN HADITH SAHĪH

### 1. HADITH SAHĪH LI DHĀTIH

Hadith Sahih li Dhatih adalah hadith yang memenuhi syarat-syarat hadith sahīh yang telah disebutkan di atas.

## 2. HADITH SAHİH LI GHAYRIH

Iaitu ḥadīth ṣaḥīḥ yang tidak mencapai tahap tertinggi dalam setengah-setengah syaratnya. Contohnya ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang adil tetapi kurang mantap ingatannya. Dengan kekurangan tersebut ianya turun menjadi ḥasan *li dhātih*. Apabila terdapat riwayat yang lain yang menyokongnya dan memberi kekuatan kepada hadith tersebut, ia meningkat menjadi ṣaḥīḥ *li ghayrih*.

Dalam kata lain, ḥadīth ini ditingkatkan kedudukannya menjadi ṣaḥīḥ kerana adanya faktor luaran yang membantu dan meningkatkan kekuatannya. Kalau lah tidak kerana ada riwayat lain yang memberi kekuatan tambahan kepadanya ia merupakan ḥadīth ḥasan *li dhātih*.

Dengan itu Hadith Ṣaḥīḥ Li Ghayrih pada asalnya adalah ḥadīth ḥasan *li dhātih* yang meningkat tahap kekuatannya dengan terdapat riwayat dan jalan yang lain.

Contoh ḥadīth Ṣaḥīḥ Li Ghayrih seperti yang disebut oleh Ibn al-Ṣalāḥ adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Muḥammad bin Amr dari Abū Salāmah dari Abū Hurayrah bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

لولا أن أشق على أمتي لأمرتهم بالسلوك عند كل صلاة

"Kalaualah tidak kerana akan menyusahkan ke atas umatku nescaya saya akan memerintahkan mereka supaya bersugi setiap kali hendak bersolat"<sup>249</sup>

Muhammad bin 'Amr bin 'Alqamah terkenal dengan benar dan amanahnya tetapi bukan dari kalangan yang cermat sehingga setengah ulama mendaifkan beliau kerana hafazan beliau yang tidak konsisten, sedang ada pihak lain yang berpendapat beliau adalah thiqah kerana sifat benar beliau itu. Kekurangan yang terdapat pada beliau telah menyebabkan ḥadīth yang beliau riwayatkan di nilai sebagai ḥadīth ḥasan. Oleh kerana terdapat riwayat yang lain yang dapat menguatkannya, ia telah meningkat menjadi *sahīḥ li ghayrih*.

#### HUKUM HADĪTH SAHĪH:

Para ulama sepakat yang ḥadīth *sahīḥ* adalah wajib beramal dengannya. Ia juga merupakan salah satu dari hujjah syara' dan diterima pakai dalam menjelas dan menentukan hukum syara' mengenai halal dan haram dan untuk mentafsir al-Qur'an.

Walaupun begitu, kalangan ulama berselisih pendapat dalam menentukan apakah ḥadīth ṣaḥīḥ membawa makna qat'īy atau ḍanniyy. Jumhur ulama berpendapat ḥadīth ṣaḥīḥ masih berstatus ḍanniyy. Namun setengah ulama berpendapat dalil yang ṣaḥīḥ tetap bersifat qat'īy samada ia mutawātir atau āḥād.

Kesimpulannya, wajibnya beramal dengan ḥadīth ṣaḥīḥ secara mutlak adalah merupakan perkara yang tidak terdapat percanggahan di kalangan ulama.

### TINGKATAN HADITH ṢAḤĪḤ

Tahap ḥadīth ṣaḥīḥ adalah tidak sama kerana perawi yang meriwayatkan ḥadīth tersebut juga tidak sama keunggulan mereka, baik di segi kekuatan ingatan dan ketelitian masing-masing. Para ulama telah menyusun kedudukan ḥadīth ṣaḥīḥ berdasarkan kepada kekuatannya seperti berikut:

- i. Yang paling tinggi ialah ḥadīth yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam kitāb ṣaḥīḥ masing-masing.
- ii. Hadith yang dikeluarkan oleh al-Bukhārī bersendirian.

- iii. Hadīth yang dikeluarkan oleh Muslim bersendirian.
- iv. Hadīth ṣaḥīḥ mengikut syarat al-Bukhārī dan Muslim tetapi tidak dikeluarkan dalam kitāb ṣaḥīḥ masing-masing.
- v. Hadīth ṣaḥīḥ mengikut syarat al-Bukhārī tetapi tidak dikeluarkannya.
- vi. Hadīth ṣaḥīḥ mengikut syarat Muslim tetapi tidak dikeluarkan
- vii. Hadīth ṣaḥīḥ mengikut selain dari al-Bukhārī dan Muslim.<sup>250</sup> Seperti Ibn Khuzaymah dan Ibn Ḥibbān yang menurut Ibn Kathir kedua-duanya jauh lebih baik dari *al-Mustadrak* di mana sanad dan mataninya lebih bersih.<sup>251</sup>

### SANAD YANG PALING ṢAḤIḤ

Oleh kerana keadaan perawi tidak sama, maka tahap kesahihan mereka juga tidak sama. Para muhadithin tidak sependapat dalam menentukan sanad yang paling ṣaḥīḥ. Masing-masing ulama ada pilihan mereka sendiri dan mempunyai alasannya yang tersendiri pula.

Malah sanad yang paling *sahih* secara mutlak sebenarnya tidak ada, malah ia dinilai berdasarkan perspektif sahabat tertentu, negeri atau golongan tertentu.

Dipeturunkan dibawah ini beberapa contoh:

- i. Sanad yang paling *sahih* dari Ibn 'Umar sebagaimana yang dipilih oleh Ishāk bin Rahuyāh dan Ahmad adalah al-Zuhriy dari Salim dari bapanya.

Al-Bukhārī pula berkata: Sanad yang paling *sahih* adalah riwayat Mālik dari Nāfi' dari Ibn Umar yang ekorannya adalah Ahmad dari al-Syāfi'īy dari Mālik yang dikenali sebagai *silsilah al-dhahabiyah* (rangkaian emas).

- ii. Sanad yang paling *sahih* dari 'Aliy menurut Ibn al-Madīniy dan al-Fallās ialah Ibn Sirīn dari 'Ubāydah dari 'Aliy.
- iii. Dari Abd Allāh bin Mas'ūd menurut Ibn Ma'in adalah al-A'masy dari Ibrāhim dari Ālqamah dari Abd Allāh.

Di segi tempat pula:

- i. Penduduk Mekah: Sufyān bin 'Uyaynah dari Amr bin Dinar dari Jābir bin Abdullah.  
\*
- ii. Madinah: Mālik dari Nāfi' dari Ibn 'Umar.
- iii. Mesir: Al-Lāyth bin Sa'ad dari Yazid bin Abu Hubayb dari Abī al-Khayr dari 'Uqbah bin 'Āmir.
- iv. Sanad yang paling sahih di kalangan ahl al-Bayt adalah Zayd bin 'Aliy dari bapanya 'Aliy bin Husayn dari Husayn dari 'Aliy r.a.

## HADITH HASAN

Hadith Hasan adalah salah satu dari jenis hadith yang diterima pakai, memandangkan kedudukan di antara hadith sahih dan hadith daif, para muhadhithin tidak sekata dalam memberikan definisi hadith hasan. Malah Ibn Kathir berkata sukar untuk menjelaskannya.<sup>252</sup>

Para muhadhithin dari golongan mutaqaddimin tidak menyebut mengenai hadith hasan dalam kontek yang difahami oleh golongan

mutaakhirin. Qādī Hasan bin Abd al-Rahman al-Ramharmuziy (260-360H) dalam karyanya *Muḥaddith al-Fādil*, al-Ḥākim (321-405H), al-Khatīb (392-463H) dalam *al-Kifāyah* tidak memberikan definisi Hasan.

Sebelum Imam al-Tirmidhiy istilah ḥadīth ḥasan tidak dikenali sebagai salah satu dari jenis ḥadīth.

Walaupun ia telah digunakan sebelum itu, namun penggunaannya hanyalah dari sudut bahasa sahaja bukan berbentuk istilah. Ia pernah diguna dan disebut oleh al-Syāfi'iyy, Ahmad bin Ḥanbal, Abi Ḥatim al-Rāziy, al-Bukhāriy dan lain-lain.<sup>253</sup> Kadang-kadang digunakan untuk merujuk kepada ḥadīth saḥīh, ada juga untuk ḥadīth gharīb.<sup>254</sup>

Pemakaian istilah ḥasan sebagai salah satu dari jenis ḥadīth hanya dilakukan oleh para muhadithin dari kalangan mutaākhirin, di mana pendapat yang masyhūr menyebut tokoh yang pertama memberikan definisi ḥadīth Hasan adalah Imam al-Tirmidhiy.

Imam al-Tirmidhiy menyebut ḥadīth Hasan ialah:

"Hadīth yang tidak terdapat pada sanadnya perawi yang dituduh berdusta, bukannya ḥadīth ṣāḥīḥ dan diriwayatkan juga melalui jalan yang lain".<sup>255</sup>

Definisi ḥadīth Hasan yang disebut oleh al-Tirmidhiy ini bertepatan dengan ḥadīth *Hasan li ghayrih*.

Sebagai perbandingan, diperturunkan beberapa definisi ḥadīth Hasan yang diberikan oleh para muhadhithin selain al-Tirmidhiy.

Al-Khattābiy (219-388H): "Hadīth yang diketahui tempat ambilnya, terkenal perawinya, berlebar di sekitarnya ḥadīth-ḥadīth yang banyak, diterima oleh kebanyakan ulama dan dipakai oleh kalangan fuqaha"<sup>256</sup>

Difinisi ini telah mendapat reaksi yang menyeluruh dan tidak kurang juga mereka yang kontra dengannya dari kalangan ulama ḥadīth. Ternyata definisi yang diberikan oleh al-Khattabiy di atas gagal menjelaskan keadaan sebenar ḥadīth Hasan.

Malah tidak dapat membedakan di antara ḥadīth Hasan dengan ḥadīth ṣāḥīḥ kerana hadis ṣāḥīḥ juga diketahui tempat ambilnya, seolah-olah yang dimaksudkan ialah ḥadīth yang tidak mencapai darjat ṣāḥīḥ.

Ibn al-Salāḥ juga menyebut yang difinisi al-Tirmidhiy dan al-Khattabīy masih tidak dapat memisahkan di antara ṣahīh dan ḥasan. Lantas beliau telah memberikan pandangan beliau mengenai ḥadīth ḥasan. Katanya:

Hadīth ḥasan ada dua bahagian: Pertamanya ḥadīth yang tidak sunyi sanadnya dari perkara yang terlindung di mana tidak tercapai keahliannya, asal sahaja perawinya tidak termasuk dalam kalangan yang banyak kesalahan dalam apa yang diriwayatkannya, tidak dituduh berdusta, atau sebab-sebab lain yang menyebabkan beliau fasiq, di samping ia diriwayatkan melalui jalan yang lain.

Kedua: Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang terkenal dan benar lagi amanah, namun tidak sampai ke peringkat perawi ḥadīth ṣahīh kerana kekurangan di segi hafazan dan ketelitian.<sup>257</sup>

Dalam penjelasan diatas, ternyata beliau telah menyebut mengenai ḥadīth ḥasan li ghāyrih di permulaannya dan ḥasan li dhātih di bahagian kedua. Inilah juga yang disebut oleh al-Tirmidhiy.

Ibn al-Jawziy (510-597H): " Hadīth yang terdapat sedikit kelemahan serta andaian dan sesuai diamalkan".<sup>258</sup>

Tidak diragukan lagi, memang terdapat sedikit kelemahan iaitu kekurangan dalam hafazan tetapi perawi yang fasiq atau dituduh berdusta atau sanad yang terputus. Semuanya bukanlah andaian. Begitu juga tidak harus beramal dengan hadith yang terdapat *'illat*.

Ibn Hajar pula selepas sahaja beliau memberi definisi *hadīth saḥīh*, terus sahaja menyambungnya dengan *hadīth hasan* katanya: " Jika kurang di segi ingatannya ia adalah *hadīth hasan li dhātih* dan dengan terdapatnya banyak jalan riwayatnya ia akan menjadi *saḥīh*".<sup>259</sup>

Definisi yang diberikan oleh al-Hāfiẓ telah dapat membedakan di antara *hadīth hasan* dengan *hadīth saḥīh*. Berbanding dengan definisi yang diberikan oleh muḥadhithin yang lain, definisi yang diberikan oleh beliau adalah yang terbaik.<sup>260</sup>

Dengan itu dapatlah dirumuskan yang *hadīth hasan* adalah *hadīth* yang bersambung sanadnya dan diriwayatkan oleh perawi yang adil tetapi kurang mantap ingatannya dari riwayat perawi yang sama keadaannya hingga kesudahan sanad tanpa ada syaz dan terhindar dari *'illat*.<sup>261</sup>

Dinamakan hadith hasan kerana *husn al-d̄ an* (baik sangka) terhadap perawi yang meriwayatkan ḥadīth tersebut dengan ḥadīth yang diriwayatkannya.

## **PEMBAHAGIAN HADITH HASAN**

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

i. ***Hasan Li Dhātih:***

ialah ḥadīth yang memenuhi ciri-ciri yang tersebut dalam definisi yang disebut di atas.

ii. ***Hasan li Ghayrih:***

laitu ḥadīth yang perawinya tidak dapat dipastikan keadilannya dan tidak jelas kefasikannya atau tidak diketahui keadaan sebenarnya tetapi ia bukan dari kalangan yang pelupa dan tidak banyak pula kesalahannya, dia juga tidak dituduh berdusta di mana ia telah dikuatkan oleh riwayat yang lain.

Hadith *ḥasan li ghayrih* ini pada asalnya adalah hadith ḍa'if yang sebab keda'ifannya bukan kerana perawinya seorang fasik atau pendusta. Dengan adanya riwayat yang lain- satu atau lebih - dapat meningkatkan status ḍa'ifnya menjadi *ḥasan li ghayrih*.

Hadith-hadith ḍa'if yang boleh mencapai tahap hadith *ḥasan li ghayrih* apabila memenuhi syarat berikut:

- i. Hadith tersebut diriwayatkan melalui jalan lain- satu atau lebih - dimana kekuatannya adalah seumpamanya atau lebih kuat.
- ii. Sebab keda'ifannya adalah ingatan yang tidak mantap, sanadnya terputus atau perawinya tidak dikenali. Jika keda'ifannya disebabkan oleh kefasikan perawi atau berdusta, hadith tersebut tidak boleh ditingkatkan ketahap hadith *ḥasan li ghayrih* malah boleh menyebabkan hadith itu bertambah keda'ifannya.<sup>262</sup>

## HUKUM HADITH HASAN

Hadith *ḥasan* boleh dijadikan hujjah dan sandaran hukum hakam seperti hadith *sahih*. Namun kekuatannya tidaklah mencapai tahap

kekuatan ḥadīth ṣaḥīḥ kecuali di kalangan setengah muḥaddithīn yang berpendirian mudah seperti al-Ḥākim, Ibn Ḥabbān dan Ibn Khuzaimah, dimana mereka telah menyenaraikan ḥadīth ḥasan bersama ḥadīth ṣaḥīḥ. Walaupun mereka tetap memperakui yang kedua-keduanya tidak sama disudut kekuatan.

Al-Nawawī berpendapat: Hadith hasan sama seperti hadith sahih di segi berhujah dengannya, walaupun tidak sama di segi kekuatan.<sup>263</sup>

Kesimpulannya, ḥadīth ḥasan tetap diterima sebagai hujjah, sandaran hukum dan beramal dengannya oleh para fuqaha', kebanyakan muḥaddithīn dan usūliyyīn kerana telah diketahui kebenaran perawinya dan diriwayatkan secara teratur, sedikit kekurangan yang terdapat pada ingatan perawi tidaklah menyebabkan ia terkeluar dari kalangan mereka yang layak untuk menyampaikan apa yang beliau dengar.

Begitu juga dengan ḥadīth ḥasan li ghāyrih yang kelemahannya tidak begitu ketara telah dikuatkan dengan riwayat yang lain.

## TINGKATAN HADITH HASAN

Hadīth ḥasan juga sama seperti hadith ṣahīh, mempunyai tingkatannya yang tersendiri. Al-Dhahabī telah membahagikannya kepada dua tingkat, iaitu:

- a. Tingkat yang paling tinggi:

Hadīth ḥasan yang diriwayatkan oleh Bahz bin Ḥakim dari bapanya dan datuknya, Amr bin Syu'ib dari bapanya dan dari datuknya, Ibn Isḥāk dari al-Tāymiy dan seumpamanya, dari apa yang dikatakan ia adalah ṣahīh, iaitu tingkatan ṣahīh yang paling rendah.

- b. Hadīth yang terdapat perselisihan dalam menentukan di antara ḥasan atau da'iif, seperti hadith yang diriwayatkan oleh al-Hārith bin abd Allāh, 'Asim bin Dhamrah dan Hajjāj bin Arta'at.<sup>264</sup>

Contoh Hadīth ḥasan:

Al-Tirmidhī meriwayatkan dari 'Ali bin Hujr, *Haddathanā Hafs bin Ghiāth* dari Hajjāj bin 'Athiyyah dari Ibn 'Umar katanya: Saya bersolat

bersama Rasulullah (s.a.w) şolat Dhohr semasa dalam perjalanan dua rekaat dan selepasnya dua rekaat.<sup>265</sup>

\*

Al-Tirmidhiy berkata: Hadith ini adalah Hasan dan telah diriwayatkan dari 'Athiyyah dan Nāfi' dari Ibn 'Umar:

*Haddathanā* Muḥammad bin 'Abid al-Muharibiy, *haddathanā* Ali bin Hassim, dari Ibn Abi Layla dari 'Athiyyah dan Nāfi dari Ibn Umar katanya:

Saya berşolat bersama Nabi (s.a.w.) semasa bermukim dan dalam musafir, saya berşolat bersamanya semasa bermukim empat rekaat dan selepasnya dua rekaat dan saya berşolat bersamanya semasa dalam perjalanan şolat Dhohr dua rekaat dan diikuti dengan dua rekaat lagi..".

Dalam ḥadīth pertama diatas, terdapat perawinya Ḥajjāj bin Arthaāt yang menurut Ibn Hajar dalam *Taqrib al-Tahzib*: Benar tetapi banyak salah dan *tadlis*.<sup>266</sup> Terdapat juga pada sanad tersebut 'Athiyyah bin Sa'ad bin Junādah al-Awfā, yang latar belakangnya sama dengan Hajjāj, beliau seorang penganut Syī'ah tetapi kedua-duanya tidak dituduh berdusta. Dengan itu al-Tirmidhiy telah menghasangkan ḥadīth kedua-duanya kerana dikuatkan dengan riwayat yang lain iaitu riwayat Ibn Abi Laylā.<sup>267</sup>

## HADITH 'AZIZ:

Dari segi estimologinya perkataan 'aziz diambil dari kata (عزم) yang bermaksud sedikit dan nadir atau dari عزيز ('azza ya'azu) bersangkutan kuat dan menguasai.<sup>268</sup>

Dari segi terminologinya terdapat berbagai definisinya di kalangan muhaddithin.

Ibn Mandah berkata: Ḥadīth yang diriwayatkan dari seorang imam oleh dua atau tiga orang.<sup>269</sup>

Ita juga merupakan apa yang disebut oleh Ibn al-Ṣalāḥ, Ibn Daqīq al-'Eid, al-Irāqī dan lain-lain. Pendapat yang hampir sama dengan ini juga diutarakan oleh Ibn Kathīr, beliau berkata:

"Ada satu ḥadīth diriwayat secara bersendirian oleh seorang perawi, ia adalah ḥadīth Ghārīb. Sebaiknya dua orang atau tiga perawi meriwayatkannya dari seorang syeikh, dinamakan 'Azīz. Inilah juga yang dikatakan oleh al-Nawāwiyy dan al-Qāsimīy"<sup>270</sup>

Semuanya adalah bersumberkan kepada Ibn al-Salāḥ dari Ibn Mandah kerana mereka yang meringkaskan karya beliau kecuali al-Qāsimīy yang memetik pendapat beliau.

- ii. Ada juga di kalangan ulama yang tidak mengaitkan dengan riwayat dari para imam tetapi secara mutlak. Pendapat ini dipetik dari *Syarḥ al-Bāyqūniyyah*, juga dari al-Qāsimīy.<sup>271</sup>
- iii. Al-Ḥafiz Ibn Ḥajar dan yang sependapat dengannya menyebut hadith ‘Azīz adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh tidak kurang dari dua orang perawi dari dua perawi yang lain. Dinamakan demikian samada kerana kewujudannya adalah nadir atau ia dikuatkan dengan kewujudan riwayat yang lain.<sup>272</sup>

Menurut al-Sakhawīy, setengah kalangan dari golongan mutaākhirīn cenderung kepada pengertian yang disebut oleh al-Ḥafiz di atas.<sup>273</sup>

## BENTUK HADITH 'AZIZ:

Hadith 'Aziz mempunyai dua bentuk, salah satu darinya menurut Ibn Hibban tidak wujud, pendapat ini semacam diterima oleh al-Hafidh, hanya bentuk yang kedua sahaja yang wujud. Ini semua adalah difahami dari apa yang disebut oleh Ibn Hajar dalam *Nuzhat* dan ulasannya.

Bentuk pertama:

Riwayat dua orang perawi dari dua orang perawi dari awal sanad hingga ke penghujung sanad.

Bentuk kedua:

Tidak diriwayatkannya oleh kurang dari dua orang perawi dari dua orang perawi lain dari awal sanad hingga ke hujungnya. Di mana ia diriwayatkan oleh dua, kemudian diambil dari dua tadi, tiga atau lebih, kemudian kembali dua begitulah seterusnya, ini adalah hadith 'Aziz.<sup>274</sup>

Bentuk kedua inilah yang wujud seperti yang disebut oleh Ibn Hajar.

## HUKUM HADITH 'AZIZ

Sama seperti ḥadīth masyhūr, ḥadīth 'Aziz tidak semestinya ṣaḥīh. Malah ada ḥadīth 'Aziz yang ḥasan dan ada juga yang da'īf. Tidaklah menjadi syarat untuk menjadi ḥadīth ṣaḥīh, ia hendaklah 'Aziz, seperti setengah pendapat.<sup>275</sup>

Tidak semestinya setiap ḥadīth 'Aziz itu ṣaḥīh dan tidak setiap ḥadīth ṣaḥīh itu 'Aziz.

Hadīth 'Aziz yang memenuhi syarat penerimaan sebuah ḥadīth adalah wajib di terima dan beramat dengannya.

Contoh ḥadīth 'Aziz:

Hadīth yang selalu disebut sebagai contoh ḥadīth 'Aziz ini oleh para ulama adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Syāikhāyñ dari Anas dan al-Bukhāriy dari Abu Hurāyrah, Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

لَا يوْمَنْ أَحْدَكُمْ حَتَّى أَكُونْ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ وَالَّدَهُ وَوَلَدَهُ وَالنَّاسُ أَجْمَعُينَ

*"Tidak beriman seorang kamu sehingga diriku ini lebih dikasihi kepadanya dari bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya"*

5

Hadith ini telah diriwayatkan dari Anas oleh Qatādah dan Abd al-Azīz bin Suhayb. Diriwayatkan pula dari Qatādah oleh Syu'bah dan Sa'īd. Manakala Ismail bin 'Ulayyah dan Abd al-Wārith bin Sa'īd telah meriwayatkannya dari Abd al-'Azīz. Setelah itu hadith ini diriwayatkan dari perawi-perawi tersebut oleh sekumpulan perawi.<sup>276</sup>

## HADITH GHARIB

Dari segi optimologinya gharib bermaksud bersendirian atau jauh dari kaum kerabatnya.<sup>277</sup>

Dari segi terminologinya gharib adalah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi dalam seluruh sanadnya atau setengahnya.<sup>278</sup>

Kebanyakan ulama menamakan juga hadith gharib ini dengan hadith *al-Fard*, walaupun ada juga di kalangan mereka yang memisahkan di antara keduanya.

Ibn Hajar berkata: Gharib dan fard adalah sinonim baik di segi bahasa maupun istilah, kecuali ahli-ahli istilah memisahkan di antara keduanya dari sudut banyak atau sedikit pemakaianya.

Fard; Banyak digunakan bagi *fard mutlaq*, *gharib* pula digunakan untuk *fard nisbiy*.<sup>279</sup>

## PEMBAHAGIAN HADITH GHARIB ATAU FARD

Ulama telah membahagikannya kepada dua bahagian utama:

### i. *GHARIB MUTLAQ*:

Hadith yang didapati pada awal lapisan sanadnya seorang perawi sahaja. Perawi yang bersendirian itu diperingkat *asl al-sanad* adalah peringkat *tabi'in*. Jika perawi yang bersendirian itu sahabat, ianya tidaklah menjelaskan kedudukan sesuatu hadith kerana sahabat adalah adil.

Contoh      *Gharib Mutlaq*:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

Hadith:

*"Hanya sanya amalan itu berdasarkan niat"*

Hadīth ini diterima dari Rasulullah (s.a.w.) secara bersendirian oleh 'Umar bin al-Khaṭṭāb, lalu diriwayatkan dari beliau oleh 'Alqamah bin Waqqās bersendirian pula, diambil dari beliau oleh Muḥammad bin Ibrāhim al-Taymiy sahaja, kemudian diriwayat dari beliau oleh Yahya bin Sa'ad al-Ansari bersenfirian.

Jelasnya, hadīth ini diriwayatkan dari awal sanad hingga ke penghujungnya oleh seorang perawi sahaja.

ii. Gharīb Nisbiy:

Hadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi di pertengahan sanadnya. Di mana pada mulanya <sup>ia</sup>diriwayatkan oleh ramai perawi hanya di pertengahan sanad sahaja terdapat seorang sahaja perawi yang meriwayatkannya.

Contoh: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ مَكَةَ وَعَلَى رَأْسِهِ الْمَغْفِرَةِ

Hadīth yang diriwayatkan oleh Mālik dari al-Zuhriy dari Anas r.a. -

"*Bahawa Rasulullah (s.a.w.) memasuki Mekah diatas kepalanya ada penutup kepala*"<sup>280</sup>

§

Hadith ini diriwayatkan oleh Malik bersendirian dari al-Zuhriy.

Gharib nisbiy ini terbahagi pula beberapa bahagian yang penditilannya boleh dirujuk kepada buku-buku *ulūm al-hadīth*.

#### HUKUM HADITH GHARIB

Apabila perawi yang bersendirian meriwayatkan hadith itu thiqah, maka hadith yang diriwayatkannya itu adalah sahīh dan diterima. Jika perawi yang bersendirian itu tidak mencapai tahap ingatan yang sempurna, hadith yang diriwayatkan itu adalah hadith hasan. Sebaliknya jika tahapnya turun dari tahap kedua di atas dan tidak mempunyai sifat dābit, maka hadith tersebut adalah da'if dan tidak boleh dijadikan hujjah dan pegangan.

Dengan itu hadith gharib, sama seperti hadith 'Aziz dan masyhur, ada yang sahīh, ada yang hasan malah ada juga yang da'if, terhenti kepada keadaan perawi yang meriwayatkan hadith tersebut.

## 2.2.2 HADITH YANG DITOLAK:

Telah disebut di atas, secara umumnya para *muhadithin* telah membahagikan hadith kepada dua iaitu hadith *sahih* iaitu hadith yang diterima dan *da'if* iaitu hadith yang ditolak. Hadith yang diterima adalah hadith yang memenuhi syarat-syarat penerimaan sesebuah hadith, apabila ia tidak memenuhi syarat tersebut ia adalah hadith *da'if*.

### Difinisi hadith *da'if*

Al-Nawawi mentakrifkan hadith *da'if* sebagai "Hadith yang tidak mengumpulkan sifat hadith *sahih* dan juga sifat hadith *hasan*".<sup>281</sup>

Ibn Daqiq al-'Id: Hadith yang kurang dari darjat *hasan*.<sup>282</sup> Definisi ini boleh diterima kerana hadith yang tidak mengumpulkan sifat *hasan*, sudah tentu sifat hadith *sahih* lebih jauh lagi. Kalau ia kurang dari sifat-sifat hadith *Sahih*, seperti kurangnya kekuatan hafazan, ia bukannya hadith *da'if* tetapi hadith *hasan*.<sup>283</sup>

Dari definisi di atas, bolehlah dikatakan yang hadith *da'if* itu adalah hadith yang tidak memenuhi sifat-sifat hadith yang diterima.<sup>284</sup>

Tahap kelemahan:

Seperti juga ḥadīth ṣaḥīḥ yang tidak sama tahap kesahihanya, begitu jugalah keadaanya ḥadīth ḏa'īf, di mana tahap kedā'iſannya tidak sama dan berlebih kurang, terhenti kepada sejauhmana kelemahan yang terdapat pada ḥadīth tersebut, namun secara umumnya boleh dibahagikan kepada empat bahagian;

Pertama; ḥadīth māwdu' yang merupakan ḥadīth ḏa'īf yang paling buruk.

Kedua: ḥadīth ḏa'īf yang sangat lemah.

Ketiga: ḥadīth ḏa'īf sederhana.

Keempat: ḥadīth ḏa'īf yang boleh ditampung dengan ḥadīth ḏa'īf lain yang seumpamanya.

#### **SEBAB-SEBAB ḥADĪTH DA'ĪF:**

Satu-satu ḥadīth akan ditolak apabila terdapat sepuluh perkara berikut:

- i. Dusta.
- ii. Tuduhan berdusta.  
      <sup>285</sup>
- iii. Kesalahan yang teruk.
- iv. Cuai.
- v. Ragu-ragu.
- vi. Terdapat percanggahan.
- vii. Fasiq.
- viii. Jahil.
- ix. Bid'ah.
- x. Buruk hafazan.<sup>285</sup>

Unsur di atas apabila terdapat pada sanad dan matan ḥadīth boleh menyebabkan kelemahan pada struktur ḥadīth tersebut. Perawi yang terdapat unsur-unsur negatif di atas adalah perawi yang lemah ingatan dan hafazannya dan dipertikai keadilannya. Apabila terjadi pada matan ḥadīth pula boleh menyebabkan terdapatnya kejanggalan dan kecacatan.

Hadīth akan menjadi ḍa'if apabila terdapat salah satu daripada faktor berikut:<sup>286</sup>

- i. Terputus sanad.
- ii. Keadilan perawinya dipertikaikan.
- iii. Kelemahan ingatan dan hafalan perawi.  
      <sup>s</sup>
- iv. Terdapatnya *syaz* dan *illat*.

## HUKUM MERIWAYATKAN HADITH DA'IF

Hadith da'if berdasarkan kepada perawinya terbahagi kepada dua;

- i. Hadīth yang boleh diambil pengajaran.
- ii. Hadīth yang tersangat lemah yang tidak boleh dijadikan pengajaran. Dengan mengambil kira pendapat yang mengatakan hadīth yang tersangat lemah itu boleh menguatkan antara satu sama lain, di mana secara kumpulan boleh dijadikan *mutabā'ah*. Apabila diriwayatkan melalui jalan atau sahabat yang lain, sedangkan kedā'iannya tidaklah teruk, ia boleh ditingkatkan dan akan menjadi *ḥasan li ghayrih*.<sup>287</sup>

Hadīth yang termasuk dalam bahagian pertama diatas diriwayatkan melalui dua cara samada bersanad atau tidak bersanad. Hadīth yang

bersanad tadi terdapat dalam berbagai aspek; *fada'il al-a'mal*, *targhib wa tarhib*, kisah dan hukum hakam, dan 'aqidah.

Mengenai ḥadīth yang diriwayatkan mengenai *fada'il al-a'mal* dan seumpamanya. Kebanyakan ulama berpendapat harus meriwayatkannya walaupun tanpa menjelaskan keadaan ḥadīth tersebut.

Meriwayatkan ḥadīth ḏa'if merupakan perkara yang berasingan dengan beramal dengannya. Malah ḥadīth ḏa'if banyak terdapat dalam karya-karya ḥadīth terutama di kalangan yang tidak mementingkan kesahihān.<sup>288</sup>

Jika ḥadīth ḏa'if dilarang meriwayatnya nescaya akan tergendalalah sebahagian besar sunnah Rasulullah (s.a.w.). Malah Ibn Hajar menyebut dalam empat Kitāb Sunnan terutamanya Sunan Ibn Mājah, bahkan dalam beberapa *muṣannaf* seperti Abd al-Razaq, juga beberapa *musnad* didapati banyak terdapat ḥadīth ḏa'if terutama di kalangan pengarang yang tidak komitmen dengan ḥadīth-ḥadīth sahīh.<sup>289</sup> Pendapat yang sama disuarakan oleh Zakariyyā al-Ansārī dalam *Fath al-Bāqī Syarḥ Alfiāh al-Irāqīy*.<sup>290</sup>

Ramai di kalangan salaf, seperti yang disebut oleh At-Khatīb Baghdādī :

*"Tidak harus menerima ḥadīth-ḥadīth yang berkaitan dengan halal dan haram kecuali dari mereka yang bersih dari sebarang tuduhan, jauh dari sebarang sangkaan. Adapun ḥadīth-ḥadīth mengenai targhib wa tarhīb, mawā'id dan lain-lain boleh diterima dari semua kalangan ulama".<sup>291</sup>*

Sufyān al-Thawri berkata: Janganlah diambil ilmu ini dalam perkara halal dan haram kecuali dari tokoh-tokoh yang terkenal dengan ilmunya.<sup>292</sup>

Aḥmad ibn Ḥanbal pernah berkata;

Apabila kami meriwayatkan dari Rasulullah (s.a.w.) mengenai halal dan haram, sunnah dan hukum hakam, kami agak ketat pada (menilai) sanad dan apabila kami meriwayatkan dari Rasulullah (s.a.w.) mengenai *fada'il al-a'mal* dan sesuatu yang tidak berkaitan dengan hukum hakam, kami mudahkan mengenai sanadnya.<sup>293</sup>

Ibn Taymiyyah telah memberi penjelasan panjang lebar mengenai apa yang dikatakan oleh Aḥmad tersebut yang kesimpulannya ḥadīth tersebut diterima dalam perkara *fada'il* sahaja tidak selainnya.<sup>294</sup>

Begitu juga sikap para muhaddithin yang lain seperti Abu Zakariyya al-Anbarī, al-Bayhaqī, Sufyān ibn 'Uyāyanah, Yahya bin Ma'in, Ibn Mubārak dan lain-lain.<sup>295</sup>

Ibn al-Salāḥ berkata: *Ahl al-Hadīth* mengharuskan bersikap mudah mengenai sanad dan riwayat kecuali ḥadīth ḏa'īf dari kelompok *māwdu'* tanpa mengambil berat untuk menjelaskan keda'īfan kecuali dalam perkara mengenai sifat-sifat Allah, hukum syariat dari halal dan haram dan selainnya seperti *mawā'id*, kisah-kisah, *fada'il al-a'māl* dan semua bentuk *targhib wa tarhib* dan semua perkara yang tidak berkaitan dengan hukum dan 'aqidah.<sup>296</sup> Ini juga merupakan pendapat *al-Nawāwīy* dan *al-'Irāqīy*.<sup>297</sup>

Hadith-hadith yang tidak berkaitan dengan hukum dan 'aqidah dan tidak bersanad itu tidak boleh diriwayatkan dalam *sighah jazam* bahkan hendaklah diriwayatkan dalam *sighah tamrīd*; terutama apabila keadaannya tidak dijelaskan. Dalam meriwayatkan ḥadīth ḏa'īf, tidak boleh dengan menyebut sabda Rasulullah (s.a.w.) atau perkataan lain seumpamanya yang berbentuk *sighah jazam*, sebaliknya hendaklah menggunakan perkataan seperti *ruwiya* (رُوْيَا), *balaghana* (بَلَاغَة), *warada* (وَرَادٌ), *jaa'a* (جَاءَ) atau seumpamanya yang berbentuk *sighah tamrīd*.<sup>298</sup>

Berhati-hati dalam meriwayatkan ḥadīth da'īf ini amat dituntut, penjelasan mengenai kedudukannya adalah diperlukan tanpa mengira samada dalam perkara yang berkaitan dengan hukum dan aqidah atau yang selainnya. Inilah sikap yang ditunjukkan oleh para muhaddithīn seperti Ibn Khuzaimah,<sup>299</sup> al-Bayhaqī<sup>300</sup> dan lain-lain.

Syeikh Ahmad Syākir berkata:

*"Menjelaskan kedā'ifan hadīth da'īf adalah wajib dalam semua keadaan kerana meninggalkan penjelasan dan keterangan itu akan memberi ruang kepada sesiapa yang mendapatinya menyangka yang hadīth tersebut adalah ḥadīth saḥīh, apa lagi apabila yang memetiknya itu seorang ulama hadīth yang dirujuk pendapat dan pandangannya"<sup>301</sup>*

Penulis berpendapat apa yang ditegaskan oleh Ahmad Shākir adalah amat wajar dan munasabah, untuk menyelamatkan golongan awam dari terus menerus berpegang dengan hadīth-hadīth da'īf dalam kehidupan beragama mereka.

Al-Tirmidhiy menyebut tidak kurang di kalangan imam-imam yang meriwayatkan dari perawi yang da'īf lalu diperjelaskan mengenai kedudukan mereka.<sup>302</sup>

Apapun ḥadīth yang terlampau da'if, dengan jenisnya yang pelbagai, dari yang *māwḍ u'*, *matrūk* dan seumpamanya yang banyak terdapat dalam berbagai-bagi karya, yang kewujudannya disebabkan kepada berbagai faktor, menjadi tanggungjawab para ulama yang berautoriti menjelaskan kedudukannya yang sebenar.

Hadīth-hadīth yang tersangat lemah ini, tidak harus diriwayatkan tanpa disertakan penjelasan mengenai kedudukannya. Meriwayatkan ḥadīth tersebut tanpa penjelasan akan membawa kepada pendustaan terhadap Rasulullah (s.a.w.) yang risikonya amat berat.

Ini adalah berdasarkan kepada amaran Rasulullah (s.a.w.) dalam hadithnya:

من كذب على متعبداً فليتبرأ مقعده من النار

"*Sesiapa yang berdusta terhadapku dengan sengaja, maka sediakanlah tempatnya di dalam neraka*"<sup>303</sup>

'Uthmān r.a meriwayatkan dari Rasulullah (s.a.w.) di mana bagiada ada bersabda:

*Sesiapa yang mengatakan kepadaku apa yang tidak aku katakan, maka sediakanlah untuknya tempat di neraka.*<sup>304</sup>

5

Dengan itu kebanyakan para *muhaddithin* termasuk Ibn al-*Ṣalāḥ*,<sup>305</sup> al-Nawawi,<sup>306</sup> Ibn Hajar<sup>307</sup> dan lain-lain tidak mengharuskan meriwayatkan ḥadīth jenis ini tanpa sebarang penjelasan.

Malah al-Syafī'iy berkata: Apabila ḥadīth yang ada pada engkau itu dusta lalu kamu menyebutnya juga, maka engkau termasuk salah seorang dari pendusta.<sup>308</sup>

## BERAMAL DENGAN HADĪTH DA'IIF

Sudah menjadi kaedah umum dalam Islam, untuk mengerja atau meninggalkan sesuatu perkara memerlukan dalil samada dari Al-Qur'an atau keterangan yang sah datangnya dari Rasulullah (s.a.w.).

Dari penjelasan yang telah disebut sebelum ini, perkhabaran yang datang dari Rasulullah yang wajib diterima ada empat bahagian:

- i. *Mutawatir lafaz* dan makna.

- ii. Mutawatir makna tanpa *lafaz*:
- iii. Khabar yang masyhūr yang diterima dikalangan ummah.
- iv. *Khabar ḥādīt* yang diriwayatkan oleh perawi yang adil hingga ke penghujung sanad.

Selain dari empat di atas, ia adalah ḥadīth *da’if*, yang berbagai-bagai pula pembahagiannya dan tingkatannya.

Para ulama tidak sekata menentukan hukum beramal dengan ḥadīth *da’if* ini. Ada tiga pendapat ulama dalam masalah ini:

- i. **Tidak boleh beramal samasekali, samada dalam perkara hukum hakam, begitu juga dalam perkara fadā'il**

Ini adalah pendapat Yahya bin Ma'in (w.233H) seperti yang disebut oleh Ibn Sayyid al-Nas.<sup>309</sup> Zahirnya ia juga adalah pendapat al-Bukhārī dan Muslim seperti yang disebut oleh al-Qasimiy. Ia juga merupakan pendapat Abū Bakr bin ‘Arabiyy al-Mālikiy<sup>310</sup> dan Ibn Ḥazm<sup>311</sup> serta cenderung kepadanya Abu Syāmah al-Maqdisiy al-Syāfi‘iy dan al-Syāwkaniy.<sup>312</sup>

- ii. Boleh beramal dengan hadīth ḏa'īf dalam semua bidang apabila tidak ada ḥadīth yang lain dan ia tidak terlalu ḏa'īf:

Menurut al-Suyūṭī: Ini adalah pendapat Ahmad dan Abū Dāwūd.<sup>313</sup> Disandarkan juga kepada Abū Ḥanīfah.<sup>314</sup> Disebut juga, ia merupakan apa yang dilakukan oleh al-Nasā'ī dalam Sunannya, walaupun kebenarannya masih dipertikaikan memandangkan al-Nasā'ī merupakan seorang yang begitu ketat dalam menilai seseorang perawi.<sup>315</sup>

Aḥmad pernah berkata: ḥadīth ḏa'īf lebih saya sukai berbanding dengan pendapat individu.<sup>316</sup> Malah beliau juga mendahului ḥadīth ḏa'īf daripada qīas.<sup>317</sup>

Ibn Mandah ada memetik dari Abū Dāwūd di mana beliau menerima ḥadīth ḏa'īf dan baginya ia lebih kuat dari pendapat seseorang.<sup>318</sup>

Malah al-Syātibī berkata: Apa yang disebut oleh Ahmad dan kalangan yang sependapat dengan beliau di mana ḥadīth ḏa'īf mendahului qīas adalah diamalkan oleh jumhur orang Islam dan merupakan ijma' salaf.<sup>319</sup> Malah menurut al-Suyūṭī diamalkan juga dalam hukum hakam sebagai *ikhtiyāt*.<sup>320</sup>

Perlu juga disebut, *da'if* yang difahami oleh kalangan *mutaqqadimin* tidak sama dengan *da'if* yang difahami oleh *muta'akhirin* kerana kalangan *muhaddithin* sebelum al-Tirmidhiy tidak mengenali pembahagian hadith kecuali kepada *sahih* dan *da'if* sahaja. *Da'if* pula kepada *da'if* yang ditinggalkan dan tidak boleh dijadikan hujjah dan *da'if* *hasan*. Dengan itu *da'if* yang disebut oleh Ahmad adalah Hasan.<sup>321</sup>

Madhab ketiga: Harus beramal dengan hadith *da'if* dengan bersyarat:

Mereka yang berpegang dengan pendapat ini sepakat dengan pendapat pertama di mana tidak boleh beramal dengan hadith *da'if* dalam perkara 'aqidah dan hukum.

Sebaliknya tidak sepakat dengan golongan pertama, apabila mereka membolehkan baramal dalam perkara *fada'il a'mal*, pengajaran dan kisah.

Madhab ketiga ini terbahagi kepada dua:

- a. Harus beramal dengan hadith *da'if* dalam perkara *fada'il* dan akhlak yang mulia secara mutlak. Ini merupakan pendapat

kebanyakan ulama *muḥaddithin al-mutaqaddimin* seperti Ahmād, Ibnu Maḥdiyy, Ibnu al-Mubārak, Sufyān Thāwriyy, Sufyān bin ‘Uyyāynah, Abu Zakariyya al-Anbāriyy<sup>322</sup> dan al-Sakhawīy dari kalangan *mutaakhirin*.<sup>323</sup>

- b. Harus beramal dengan ḥadīth dā’if dalam perkara *fada’il* dengan beberapa syarat:

Syarat beramal dengan ḥadīth dā’if dalam perkara *fada’il* tidak diperincikan oleh para ulama sebelum Ibnu Ḥajar seperti Ibnu al-Ṣalāḥ dan al-Nawāwiyy, walaupun syarat tersebut sudah ada di kalangan *muḥaddithin*. Ibnu Ḥajar telah memperincikan syarat-syarat tersebut:

- i. ḥadīth tersebut tidak terlalu lemah.

Riwayat perawi yang berdusta dan dituduh berdusta, yang meriwayatkan ḥadīth secara bersendirian adalah tidak diterima begitu juga yang banyak kesilapannya. Syarat ini dikatakan telah sepakat para ulama seperti yang dipetik oleh Abu Sa’id al-‘Alā’iy.<sup>324</sup>

Perlu di sebut disini, ulama yang mengharuskan beramal dengan ḥadīth dā’if juga berpendapat tidak harus beramal dengan ḥadīth yang

terlalu lemah. Ternyata syarat ini bukanlah suatu yang asing, malah hampir sama dengan apa yang telah disebut oleh madhhab kedua di atas.

3

ii. Termasuk di bawah dasar umum yang diterima pakai.

Ini terjadi samada ḥadīth tersebut diriwayatkan melalui banyak jalan, tidak memadai hanya satu atau dua jalan sahaja, yang boleh menyokong ḥadīth yang daīf tersebut atau ia selari dengan semangat ḥadīth ṣāḥīḥ atau bertepatan dengan zahir al-Qur'ān.<sup>325</sup>

iii. Tidak beri'tiqad semasa beramal dengannya yang ḥadīth tersebut benar-benar bersumber dari Rasulullah (s.a.w.) malah ḥadīth tersebut diamalkan semata-mata sebagai *ikhtiyāt* (hati-hati) sahaja. Ini adalah untuk mengelakkan dari terjadinya menyandarkan sesuatu kepada Nabi perkara yang tidak disabdakan.

Menurut al-Suyū̄i, syarat ini disebut oleh 'Iz bin Abd al-Salām dan Ibn Daqīq al-'Eid sebelum Ibn Hajar, di mana Ibn Hajar memetik dari kedua-duanya.<sup>326</sup>

Antara yang berpegang dengan madhhab ini ialah Ibn Hajar dan Abu Ḥassan bin Qatṭān.<sup>327</sup>

Kalaulah yang dikehendaki dengan syarat kedua di atas, terdapatnya riwayat-riwayat lain yang menguatkan ḥadīth tersebut dan adanya syahid bagi ḥadīth yang lemah dalam al-Qur'an. Maka ḥadīth tersebut tidak lagi da'īf statusnya tetapi sudah menjadi *hassan li ghayrih* seperti yang telah di sebut dalam perbincangan di atas.

Dengan ini ternyata perselisihan di kalangan ulama hanyalah berbentuk lafzy sahaja, sedang hakikatnya adalah sama sahaja. Apalagi pembahagian ḥadīth di antara golongan mutaqaddimīn dan mutaākhirīn adalah tidak sama seperti yang telah disentuh dalam pembincangan sebelum ini.

Penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan pendapat yang paling selamat adalah dengan menolak dari beramal dengan ḥadīth da'īf, dalam semua bidang termasuk yang berkaitan dengan *targhib* dan *tarhib*. Rasional pendapat ini adalah munasabah kerana dalam bidang itu pun tidak memerlukan ḥadīth da'īf memandangkan terdapat begitu banyak ḥadīth-ḥadīth *sahīh* mengenai *targhib wa tarhib*, *fada'il* dan kemuliaan akhlak yang wajar dijadikan pegangan tanpa menggunakan ḥadīth-ḥadīth da'īf dalam perkara tersebut.

Beramal dengan ḥadīth yang diterima samada ṣaḥīḥ atau ḥasan adalah di tuntut dalam segala bidang termasuk perkara *fada'i* yang juga merupakan ajaran agama yang tidak kurang pentingnya.<sup>328</sup> Hanya dengan beramal dengan apa yang datangnya dari Rasulullah (s.a.w.) sahaja akan menyelamatkan seseorang dari terjebak ke dalam perangkap pendustaan terhadap Nabi (s.a.w.).<sup>329</sup>

## PEMBAHAGIAN ḤADĪTH DA'IF

Di segi bilangannya, ḥadīth da'if terbahagi kepada banyak jenis, Ibn Ḥibbān menyebut bilangannya mencapai 49 jenis. Al-'Irāqī pula menyebut 42 jenis. Ada pendapat yang menyebut 63 jenis, malah ada lagi pendapat lain yang menyebut jumlahnya adalah lebih dari itu.<sup>330</sup>

Para ulama telah menjelaskan dengan terperinci mengenai pembahagian ḥadīth da'if ini. Pembahagian itu adalah berkait dengan faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah ḥadīth itu menjadi da'if yang telah disebut di atas, kerana dari faktor tersebutlah lahirnya pembahagian ḥadīth da'if itu sendiri. Penjelasan lanjutnya adalah seperti berikut:

## JENIS-JENIS HADITH DA'IF DISEBABKAN TERPUTUSNYA SANAD

### i. Hadith al-Munqati'

*Munqati'* menurut estimologi bererti yang putus, yang tertahan atau yang kering.

Dari segi terminologinya pula, para *muhaddithin* tidak sependapat dalam memberi definisi hadith *munqati'*.

Ibn Abd al-Barr berkata: Bagi saya *munqati'* itu adalah setiap hadith yang tidak bersambung sanadnya samada disandarkan kepada Nabi (s.a.w.) atau selainnya. Difinisi ini disebut juga oleh kalangan fuqaha', al-Khatib al-Baghdadiy, Ibn al-Salah dan disebut juga oleh al-Nawawiy dalam *al-Taqrīb*.<sup>331</sup>

Menurut al-Bardijiyy pula hadith yang disandarkan kepada *tābi'iin*.

Al-Kayahirasiy: Seseorang perawi tanpa disertakan oleh sebarang sanad berkata yang Rasulullah (s.a.w.) bersabda.<sup>332</sup>

Kalangan *muta'ākhirin* pula menyebut, *hadīth munqati'* ini adalah riwayat daripada para sahabat oleh selain dari *tābi'iin*.

Ibn Hajar telah membezakannya dengan jenis-jenis yang lain, menurut beliau apabila gugur dari sanad dua perawi bukan berturut-turut umpamanya di dua tempat, maka ia adalah *hadīth munqati'*, begitu juga apabila gugur seorang atau lebih dari dua orang dengan syarat tidak berturut-turut.<sup>333</sup>

Contoh *hadīth munqati'*:

*Hadīth* riwayat Abū Dāwūd<sup>334</sup> dari Yūnus bin Yazīd dari Ibnu Syihāb bahawa 'Umar bin al-Khaṭṭāb berkata ketika beliau berada di atas minbar:

يَا يَهُوَ النَّاسُ : إِنَّ الرَّأْيَ إِنَّمَا كَانَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) مَصِيبَةً لِأَنَّ اللَّهَ كَانَ يَرِيهُ ،  
وَإِنَّمَا هُوَ مِنَ الظُّنُونِ وَالْتَّكَلْفِ .

*Hadīth* ini *munqati'* kerana Ibnu Syihāb tidak sempat bertemu dengan 'Umar.

Diriwayatkan oleh Abd al-Razzaq katanya: al-Thawriy ada menyebut dari Abi Ishāq dari Zayd bin Yuthā'ī dari Huzaifah katanya: Jika kamu menyerahkan urusan khilafah kepada Abū Bakr, nescaya kamu akan mendapatinya seorang yang kuat lagi beramanah.<sup>335</sup>

Para pengkritik mendapati ḥadīth di atas didapati terputus di dua tempat:

Pertama: Abd al-Razzak tidak mendengarnya dari al-Thawri, tetapi mendengarnya dari Abū Syaibah al-Jundiy.

Kedua: al-Thawriy pula tidak mendengarnya dari Abū Ishāk, sebaliknya ia mendengarnya dari Syurāyk dari Abū Ishāk.<sup>336</sup>

#### Hukum ḥadīth *Munqati'*:

Para ulama sepakat mengatakan ḥadīth ini adalah ḏa'if kerana sanadnya terputus, seorang atau dua orang perawi sedang orang dibuang itu tidak diketahui.

## 2. HADITH MUADAL

Dari segi estimologinya, *mu'adal* bererti terhalang, sempit, sulit atau sukar.

Iaitu hadith yang gugur dari sanadnya dua orang atau lebih berturut-turut.<sup>337</sup>

Oleh kerana perawi yang gugur dari sanad dua atau lebih menyebabkan sulit untuk mengenalinya. Hadith *mu'adal* ini lebih sulit dari hadith *munqa'i'* untuk dikesan kerana perawi yang gugur adalah dua orang atau lebih.

Al-Sakhawī berkata: ḥadīth-hadīth yang diriwayatkan disatu segi berbentuk *mu'adal*, di sudut yang lain pula *muttaṣil*. Al-Hākim al-Nāṣibūrī dan Nawāwī menyebut ḥadīth yang diriwayatkan oleh Mālik dalam al-Mūwaṭa' sebagai contoh. Di mana Mālik berkata: Telah sampai kepadaku dari Abū Hurayrah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

للملوك طعامه وكسوته بالمعروف

"Seorang sahaya itubaginya makanan dan pakaiannya dengan cara yang baik"<sup>338</sup>

Al-Sayūṭī berkata: Mālik telah meriwayatkan dengan sanad yang berhubung di luar al-Muwāṭa' iaitu dari Muhammad bin 'Ajlān dari bapanya dari Abū Ḥurārah, dīr mana dengannya kami mengetahui telah gugur dua orang perawi dalam sanad ḥadīth itu.<sup>339</sup>

Termasuk juga kelompok ḥadīth *mu'adal* ini, apabila seorang pengarang dari kalangan fuqahā' berkata: Rasulullah (s.a.w.) bersabda.<sup>340</sup>

Contoh hadith *mu'adal* ialah:

Hadith yang diriwayatkan oleh al-A'masy dari al-Syu'biy katanya:  
«يَقُولُ لِلرَّجُلِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ : عَمِلْتُ كَذَا وَكَذَا ! . فَيَقُولُ مَا عَمِلْتَهُ !  
فَيَخْتَمُ عَلَىٰ فِيهِ فَتَطْغَى جَوَارِحُهُ»

“Dikatakan kepada seorang lelaki pada hari qiyāmat, adakah kamu melakukan amalan begini, begini, Jawabnya: Tidak! Lalu dimeteraikan mulutnya dan bercakaplah anggotanya...”<sup>341</sup>

Al-A'masy tidak menyebut pada sanad ḥadīth ini sahabat dan juga Rasulullah (s.a.w.). Sebenarnya al-Syu'biy telah meriwayatkan ḥadīth ini dari Anas dari Rasulullah (s.a.w.) berdasarkan riwayat Fāyṣal bin Amr dengan sanad yang bersambung sebagaimana yang terdapat dalam Ṣahīḥ Muslim.<sup>342</sup>

Hukum Hadith *Mu'adal*:

Tidak syak lagi, hadith *mu'adal* termasuk dalam hadith *da'if* dengan sepakat para ulama, malah ia lebih buruk dari hadith *munqati'*.

### 3. HADITH MURSAL:

Dari segi eptimologinya, perkataan *mursal* diambil dari kata dasar *irsāl* iaitu sesuatu yang berbentuk mutlak tanpa sebarang sekatan.<sup>343</sup>

Hadith *mursal* ini, sanadnya berbentuk mutlak tanpa sebarang sekatan atau *qayd*. Perkataan *mursal* itu bermaksud yang diutus, yang dikirim atau yang dilepaskan. Ia disebut dalam firman Allah:

الَّذِي أَنْذَلْنَا اللَّهُ يَطِينُ عَلَى الْكُفَّارِ تَوْزِعُهُمْ أَذًى<sup>٨٣</sup>

"Tidakkah kamu lihat, bahwasanya Kami telah mengirimkan Syaitan-syaitan itu kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka berbuat maksiat bersungguh-sungguh"<sup>344</sup>

Dikatakan juga ia berasal dari ناقه مرسال iaitu cepat perjalanannya, seolah-olah orang yang melakukan *mursal* itu mahu segera lalu dibuang setengah sanad-sanadnya.<sup>345</sup>

Dari segi terminologinya terdapat berbagai-bagai definisi yang diberikan oleh para *muhaddithin*. Antaranya:

**Definisi pertama:** Hadith yang disandarkan oleh tabi'in kepada Rasulullah (s.a.w.) dari sabdaan atau perbuatan atau taqrir tanpa mengira tabi'in besar atau kecil, tanpa menyebut sahabat.

Ini merupakan definisi yang termasyhur menurut Ibn al-*Ṣalāḥ*, Ibn Daqīq al-*Id*, Al-*Iraqiy*, al-*Alā'iy*, Ibn Hajar, al-Sakhawiy dan lain.<sup>346</sup>

Ibn Hajar berkata: Gambarannya berkata tabi'in samada kecil atau besar: Sabda Rasulullah (s.a.w.) begini, atau baginda melakukan begini, atau dilakukan di hadapan baginda begini atau seumpamanya.<sup>347</sup>

**Definisi Kedua:** Hadith yang disandarkan oleh ṫabi'in besar kepada Nabi (s.a.w.).

Al-Ṭaybiy berkata: *Mursal* adalah apa yang dikatakan oleh tabi'in besar: Rasulullah berkata begini, melakukan begini.<sup>348</sup> Bentuk ini telah diijma' oleh ulama sebagai *mursal* sebagaimana yang diceritakan oleh Ibn al-Ṣalāḥ, al-Nawawiyy, al-Ṭaybiy dan lain-lain.<sup>349</sup>

Ulama uṣul fiqh dan para *fuqahā'* pula telah mendefinisikan secara lebih umum, di mana bagi mereka setiap ḥadīth yang tidak bersambung sanadnya adalah *mursal*. Menurut mereka *mursal* adalah apa yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang adil, yang tidak berkesempatan bertemu Nabi (s.a.w.) dengan berkata: Rasulullah (s.a.w.) bersabda.<sup>350</sup>

Definisi di atas telah merangkumkan ḥadīth *mursal*, ḥadīth *munqati'* dan *mu'adal*.

Al-Ḥakim dan Ibn al-Ṣalāḥ mengkhususkan hadith *mursal* ini dengan ṫabi'in sahaja, bahkan ini merupakan pendapat *jumhūr muhaddithin*. Menurut Ibn Kathīr, *jumhūr fuqahā'* dan ulama uṣul fiqh telah mengumumkan *mursal* itu kepada ṫabi'in dan bukan ṫabi'in malah merangkumi sesiapa sahaja selain sahabat.<sup>351</sup>

Ada pendapat yang mengatakan *mursal* hanyalah riwayat *tābi'iñ* besar *kibār al-tābi'iñ* sahaja seperti Saīd bin al-Musāyyab, Ubāyidillah bin al-Khiyār dan mengeluarkan riwayat *tābi'iñ* kecil. Ibn al-Šalāh berkata; Kata-kata al-Zuhriy Abi Hazim, Yahya bin Sa'īd dan seumpama mereka dari kalangan *sighār al-tābi'iñ*, menurut pendapat yang dipetik oleh Ibn Abd al-Bār, tidak dinamakan *mursal*.<sup>352</sup> Namun pendapat yang masyhur adalah menyamakan semua peringkat *tābi'iñ* dalam menamakan ḥadīth *mursal* ini.

Contoh ḥadīth *mursal*:

Malīk meriwayatkan dari Ibn Syihāb dari Sa'īd bin Musayyab bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda: "Sesiapa yang memakan dari pokok ini janganlah menghampiri masjid kami, menyakiti kami dengan bau bawang".<sup>353</sup>

Al-Syāfi'īy berkata: Akhbaranā Saīd dari Ibn Jurāij, katanya: Akhbaranā Ḥamīd al-A'rāj dari Mujāhid bahawa beliau berkata: Rasulullah (s.a.w.) menzahirkan ucapan talbiah *Labbāyk Allāhumma Labbāyk*.<sup>354</sup>

## MURSAL SAHABAT:

Ulama ḥadīth berpendapat apa yang diriwayatkan oleh *sighār al-sahābah* (sahabat yang kecil) seperti Ibn Abbās dan lain-lainnya dari perkara yang tidak didengar dari Rasulullah (s.a.w.) atau perkara yang tidak dilihatnya, bahkan dikira mursal juga, jika tidak disebut dari siapa ḥadīth tersebut diambil. Ia dikenali sebagai *Mursal Sahābi*.

Para muḥadhithin menggolongkan *mursal sahābi* ke dalam ḥadīth yang bersambung sanadnya kerana para sahabat adalah meriwayatkan hadīth yang didengar dari sahabat lain, mereka tidak meriwayatkan dari orang lain kecuali nadir, kesemua sahabat adalah adil, kegagalan untuk mengenalpasti siapakah sahabat itu sebenarnya tidaklah menjelaskan kesahihān ḥadīth yang diriwayatkan. Malah ia terdapat banyak dalam *Sahīh al-Bukhāri* dan *Muslim*.<sup>355</sup>

Malah al-Suyūṭī dalam *Tadrib al-Rawīy* menolak pendapat yang mengatakan riwayat ṭabi'in dari sahabat yang tidak disebut namanya bukannya ḥadīth *mursal*.<sup>356</sup>

Contoh *Mursal Sahabiy*: Sa'īd bin Jubāyr meriwayatkan dari Ibn Abbās r.a, katanya: Abū Lahab berkata kepada Rasulullah (s.a.w.):

Binasalah kamu! Apakah kerana ini kami dihimpunkan.<sup>357</sup>  
Lalu diturunkan:

تَبَّتْ يَدَيْ أَلِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۝ مَا أَغْنَى عَنْهُ مَالُهُ وَمَا  
كَسَبَ ۝ سَيَصْلَى نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ۝ وَأَمْرَاتُهُ  
حَمَالَةً الْحَطَبِ ۝ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِنْ مَسَلِيمٍ ۝

"Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah ia bersama ! Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat menolongnya. Ia akan menderita bakaran api neraka yang marak menjulang. Dan isterinya, seorang perempuan pemunggah kayu api. Dilehernya sejenis tali, dari tali yang dipintal"<sup>358</sup>

Ini adalah *mursal* kerana Ibn 'Abbas tidak menyaksikan peristiwa ini, malah beliau dilahirkan selepas peristiwa tersebut di perkampungan Abu Talib sebelum berlakunya peristiwa Hijrah tiga tahun, sedangkan ayat tersebut diturunkan mengenai Abu Lahab pada tahun ketiga selepas Nabi (s.a. w.) diutuskan sebelum kelahiran Ibn 'Abbas tujuh tahun.

Begini juga hadith 'Aisyah mengenai permulaan turunnya wahyu. Beliau tidak menyaksikan peristiwa tersebut, malah pada ketika itu Umm al-Mu'minin 'Aisyah belumpun dilahirkan lagi.

Ternyata 'Aisyah dan Ibn Abbás dan ḥadīth-hadīth seumpamanya tidak diambil dari Rasulullah (s.a.w.) tetapi sahabat yang meriwayat ḥadīth tersebut mendengarnya dari Rasulullah (s.a.w.) atau para sahabat lain memberitahu mereka dan jadilah ḥadīth tersebut *Mursal Sahābiy*.

### HUKUM MURSAL SAHĀBIY

Ibn Kathir ada memetik pendapat setengah ulama yang mengatakan penerimaan mursal sahabat merupakan *ijma'*, namun Ibn al-Athīr dengan menjadikan Abu Ishāk al-Isfirayni<sup>359</sup> sebagai landasan, berpendapat para ulama masih berselisih pendapat dalam perkara tersebut.<sup>360</sup>

### HUKUM MURSAL BUKAN SAHABIY

Terdapat banyak pendapat ulama mengenai ḥadīth mursal ini, malah sampai kepada sepuluh pendapat.<sup>361</sup> Namun yang masyhūr adalah tiga pendapat:

- i. ḥadīth mursal diterima sebagai hujjah.

Pendapat ini merupakan pegangan Abū Ḥanīfah, Mālik<sup>362</sup> dan pengikutnya, pendapat yang masyhur dari Aḥmad dari dua pendapatnya,<sup>363</sup> jumhūr Mu'tazilah, kesemua ulama Zaydiyyah kecuali Aḥmad bin Ḥassan al-Harūnī berpendapat bahawa ḥadīth mursal diterima sebagai hujjah.<sup>364</sup>

Ia juga merupakan pegangan Ibrāhīm al-Nukhā'iy,<sup>365</sup> Ḥammād bin Abī Sulāyman,<sup>366</sup> Abū Yūsuf, Muḥammad bin Ḥassan dan ulama-ulama Kufah selepas mereka. Malah ada di kalangan mereka berpendapat yang ḥadīth *mursal* lebih sahīh dari ḥadīth *muttaṣil* dan *al-musnad*.<sup>367</sup>

Ibn Jarīr berkata: Ijma' para tābi'īn semuanya dalam menerima ḥadīth mursal dan tidak terdapat seorangpun yang menolaknya, termasuk imam-imam selepas mereka sehingga permulaan tahun 200H.

Ibn Abd al-Bar berkata: Kemungkinan orang pertama yang menolaknya adalah al-Syāfi'iyy. Abū Dāwūd dalam risalahnya kepada penduduk Mekah telah menulis: "Adapun hadith-hadith *mursal* telah berhujjah dengannya ulama lampau seperti Sufyān al-Thāwriy, Mālik bin Anas dan al-Awzā'iyy, sehinggalah datangnya al-Syāfi'iyy lalu beliau memperkatakan mengenai (kehujahannya) dan diikuti oleh Aḥmad Ibn Ḥanbal dan lain-lain".<sup>368</sup> Malah ada di kalangan mereka yang agak

keterlaluan apabila mengatakan ḥadīth *mursal* lebih kuat dari ḥadīth *al-musnad*.<sup>369</sup>

\*

Antara dalil pendapat yang menerima berhujjah dengan ḥadīth *mursal*<sup>370</sup> ialah perawi yang *thiqah* tidak akan meriwayatkan ḥadīth kecuali dari perawi yang *thiqah* sepertinya, pada zahirnya mereka menerima ḥadīth dari para sahabat yang memang disepakati keadilan mereka. Oleh kerana kecacatan perawi sukar dikesan, maka zahirnya diterima kerana kebiasaan perawi di kurun tersebut adalah benar dan adil berdasarkan perakuan Rasulullah (s.a.w.):

«خَيْرُ النَّاسِ قَرْبَنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَهُنِّمْ»

"Sebaik-baik manusia adalah kurunku,  
kemudiannya mereka yang berikutnya..."<sup>371</sup>

ii. *Jumhur muhadithin* sebagaimana yang disebut oleh al-Nawawīy, al-Syāfi'īy dan kebanyakan fuqaha' dan ulama usul fiqh berpendapat tidak boleh berhujjah sama sekali dengan hadith *mursal*.

Menurut Ibn al-Šalāh pendapat yang menolak dari berhujjah dengan hadith *mursal* dan menghukumnya dengan *da'if* merupakan pendapat yang

Al-Syāfi'i<sup>376</sup> dan setengah-setengah ulama menerima ḥadīth mursal sebagai hujjah dengan bersyarat.

i. Syarat perawi:

Perawi yang meriwayatkan ḥadīth *mursal* hendaklah memenuhi syarat berikut:

a. Tidak pernah meriwayatkan ḥadīth dari perawi yang tidak diterima riwayatnya samada kerana tidak diketahui latar belakangnya atau kerana kecacatan.

b. Tidak bersalahan riwayatnya dengan perawi yang *thiqah*.

c. Terdiri dari *kibar al-tabi'iin* kerana biasanya mereka meriwayatkan ḥadīth dari para sahabat.

ii. ḥadīth *mursal* itu untuk mempastikan kesahihan tempat ambilnya dan boleh diterima hendaklah mempunyai pembantu atau penguatnya sendiri iaitu:

- i. Hadīth tersebut diriwayatkan juga dari jalan lain oleh penghafaz yang amanah dengan bersanad sehingga Rasulullah (s.a.w.) dan tidak bercanggah antara satu sama lain.

Apabila terdapat percanggahan akan merosak dan menjelaskan ḥadīth yang diriwayatkannya dan menyebabkan ḥadīth itu tidak dapat diterima.

- ii. Terdapat ḥadīth *mursal* yang lain yang sama maksud dengannya yang diterima dari jalan yang lain.
- iii. Hadīth tersebut bertepatan atau disokong dengan pendapat sahabat dan fatwa kebanyakan ulama.
- iv. Apabila perawi ḥadīth *mursal* menyebut tempat ambilnya, menamakan perawi yang *thiqah* dan amanah.

Apabila ḥadīth *mursal* tersebut memenuhi syarat-syarat, ini menunjukkan pelbagai tempat keluar ḥadīth tersebut adalah sah dan boleh berhujjah dengannya.<sup>377</sup>

Malah *mursal* Sa'īd bin Musayyab dikatakan sebagai ḥadīth *mursal* yang paling sah kerana Sa'īd adalah anak seorang sahabat, di mana ayahnya Musayyab bin Huzn yang termasuk salah seorang yang ikut serta dalam *Bai'at al-Syajarat* dan *Bai'at al-Ridwan*. Sa'īd sendiri sempat menemui sahabat-sahabat besar seperti 'Umar, 'Uthmān, 'Alī, Ṭalhah, Zubayr dan sahabat lain yang termasuk dalam sepuluh sahabat yang dijanjikan oleh Rasulullah (s.a.w.) dengan syurga. Tidak ada kalangan tābi'īn yang sempat bertemu dan mendengar ḥadīth dari mereka kecuali Sa'īd dan Qāyṣ bin Abu Hazin sahaja.

Yahya bin Ma'in pernah berkata: *Mursal* Sa'īd bin Musayyab adalah yang paling sah.<sup>382</sup>

#### 4. ḤADĪTH MU'ALLAQ:

Menurut etimologinya, perkataan *mu'allaq* itu diambil dari perkataan 'allqa, *ta'līq* bererti yang digantung. al-Nawāwīy berkata: seolah-olah diambil dari *ta'līq al-jidār* (gantung di dinding).<sup>383</sup>

Wanita yang *mu'allaqah* ialah wanita yang digantung tidak bertali.

Dinamakan begitu kerana sanadnya berhubung di peringkat atas yakni sahabat sahaja tetapi terputus di bahagian bawah, jadilah ia seperti sesuatu yang dipotong dari tanah dan tergantung di dinding atau seumpamanya.<sup>384</sup>

Menurut terminologinya pula ḥadīth *mu'allaq* ialah ḥadīth yang dibuang seorang perawi atau lebih dipermulaan sanadnya secara berturut-turut.

Hadith *Mu'alaq* terdapat dalam dua bentuk:

- i. Yang dibuang kesemua sanadnya lalu dikatakan: Sabda Rasulullah (s.a.w.).
- ii. Yang dibuang sanadnya kecuali sahabat lalu dikatakan, Ibn 'Abbas berkata: Sabda Rasulullah (s.a.w) kecuali *tābi'i* dan dikatakan Sa'id bin Musayyab berkata; sabda Rasulullah (s.a.w.).<sup>385</sup>

Istilah ini mula digunakan di kalangan *mutaqaddimin* oleh Abū al-Hassan Ali bin 'Umar al-Dārqutnī (w.385H) dan Abū Abdullah al-Humāyidī

(w.480H) dalam karyanya *al-Jam' Bayn al-Sahihayn*.<sup>386</sup> Kemudian al-Nawawi dalam pengantar *Syarh Sahih Muslim*.<sup>387</sup>

Contoh:

Al-Bukhari dalam pengantar bab mengenai paha menyebut: Abu Musa berkata:

خطی رسول الله (ص) حین دخل عثمان

*"Rasulullah (s.a.w) menutup dua paha apabila 'Uthman masuk"*<sup>388</sup>

Hadith ini adalah *mu'allaq* kerana al-Bukhari telah membuang kesemua sanadnya kecuali sahabat iaitu Abu Musa al-Asy'ariy.

Hukum hadith *mu'allaq*:

Ia termasuk dalam hadith *da'if* dan tidak boleh dijadikan hujjah kerana sanadnya putus dan perawi yang dibuang itu tidak dikenali. Status *da'if* itu berterusan sehingga dapat dibuktikan yang sanadnya bersambung.

*Mu'allaq* dalam *Şahîh al-Bukhâriy* dan *Muslim*:

Hadîth *mu'allaq* yang disebut dalam *Şahîh al-Bukhâriy* dan *Muslim* mempunyai hukumnya yang tersendiri. Ini adalah kerana kedua-dua tokoh tersebut terkenal dengan cermat dan wara' dan kedua-duanya tidak menyebut dalam kitab masing-masing kecuali hadîth yang *sahîh*.

Para ulama menyimpulkan hadîth *mu'allaq* apabila diriwayatkan dengan *sighah jazam* seperti *qâlâ*, *zakara*, *hakâ* ia dihukum *sahîh*. Sebaliknya apabila diriwayatkan dengan *sighah tamîd* seperti *qîlâ*, *zukira*, *hukiya* tidak boleh dihukum *sahîh*. Mungkin ia *sahîh*, *hasan* atau *da'if*.<sup>389</sup>

Al-Bukhâriy banyak meriwayatkan hadîth *mu'allaq* dalam *Şahîhnya*, antara sebabnya ialah untuk merengkaskannya atau beliau tidak mendengar hadîth tersebut, atau beliau mendengarnya tetapi terdapat keraguan dalam pendengarannya dari gurunya itu, atau beliau mendengar dari gurunya secara *muzâkarah*, atau hadîth tersebut tidak memenuhi kriteria yang telah beliau tetapkan akan tetapi *sahîh* mengikut ukuran ulama lain.<sup>390</sup>

Hadîth *mu'allaq* yang disebut oleh beliau, ada dalam *sighah jazam* dan ada juga dalam *sighah tamîd* dan tedapat dalam dua bentuk:

- a. Disebut sebuah ḥadīth dalam bentuk *mu'allaq* setelah disebut secara bersama di tempat lain dalam ṣahīhnya. Disebutkan dengan *sighah tamārid*<sup>391</sup> untuk merengkaskannya atau disebut dalam bentuk makna sahaja. ḥadīth sebegini tidak dipertikaikan lagi kesahīhannya.
- b. ḥadīth *mu'allaq* yang tidak disebut secara *māwsūl* di tempat lain, tidak pula diriwayatkan dengan *sighah jazam*, sebaliknya diriwayatkan dalam *sighah tamārid*.

*Hadīth mu'allaq* yang diriwayatkan dengan *sighah jazam* adalah ṣahīh dinisbahkan kepada perawi yang diriwayatkan daripadanya sebaliknya perawi-perawi lain yang terdapat dalam sanad hendaklah diperiksa dan dipastikan terlebih dahulu.<sup>391</sup>

Apabila diriwayatkan dengan *sighah tamārid*. Menurut Ibn Hajar: Ada yang ṣahīh, ada yang ḥasan dan ada juga yang ḏa'if, tetapi tidak terlalu ḏa'if kerana terdapat dalam kitab yang mengutamakan kesahīhan ḥadīth.

Diperturunkan dibawah ini beberapa contoh *ḥadīth mu'allaq* yang diriwayatkan dengan *sighah tamārid*:

1. Disebutkan dari Abd Allāh bin al-Sā'ib di mana Rasulullah (s.a.w.) membaca Surah al-Mu'minūn semasa Solat Subuh...<sup>392</sup>

Hadith ini *sahīh* mengikut syarat al-Bukhārī dan disebut dalam *Sahīhnya* dengan sanad yang *māwsūl*, sedang al-Bukhārī tidak menyebut secara *māwsūl* dalam *Sahīh* tetapi disebut didalam *Tarikhnya*, begitu juga al-Nasā'ī menyebut secara *māwsūl* dalam *al-Sunan*.

2. Disebut dari Uthmān bin 'Affān Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«إِذَا بَعْثَتْ فَكِلْ»

"Apabila kamu menjual hendaklah kamu timbang..."<sup>393</sup>

Hadith ini diriwayatkan juga oleh al-Dāraqutnī dengan sanad yang bersambung di mana terdapat dalam sanadnya Munqiz Māwīlā Ibn Surāqah yang tidak di kenali. Namun hadīth tersebut diriwayatkan oleh Ahmad, Ibn Majah, al-Bazzār dari 'Uthmān. Dengan adanya riwayat lain yang menjadi *syāhid* kepada riwayat di atas, maka hadīth tersebut adalah hasan.

3. Disebutkan yang Rasulullah (s.a.w.) menyelesaikan hutang (si mati) sebelum melaksanakan wasiatnya.

Ibn Ḥajar berkata: Aḥmad, al-Tirmidhiy dan selainnya meriwayatkan dari Ḥārith al-A'war dari Ali (K.W.J.) katanya: Muḥammad (s.a.w.) memutuskan bahawa hutang sebelum wasiat, kamu pula membaca wasiat sebelum hutang".<sup>394</sup> Ini adalah lafaz Aḥmad, sanadnya da'iif tetapi al-Tirmidhiy berkata: Diamalkan di kalangan ahli ilmu.

Adapun *mu'allaq da'iif* tanpa sokongan amat sedikit dalam Sahih al-Bukhāriy, malah beliau memberikan komen beliau setelah menyebutnya, seperti apa yang diriwayatkan dari Abū Hurāyrah:

لَا ينطوِي الامام فِي مَكَانِهِ

"*Imam janganlah bersoflat taṭawwu' di tempatnya*"

Disebut kemudiannya ḥadīth tersebut tidak sahīh.<sup>395</sup>

Hadīth *mu'allaq* ini amat sedikit sekali dalam Ṣaḥīḥ Muslim. Al-Suyūtiy menyebut satu dalam kitab Tayammum iaitu ḥadīth Abū Juḥaym bin al-Ḥarith bin al-Ṣimmaḥ.<sup>396</sup> dan dua lagi dalam kitab Hudud dan Bu'yūt.

14 Hadith lagi diriwayat dalam bentuk *mu'allaq* tetapi diriwayat pula secara *muttaṣil*.<sup>397</sup>

#### Hukum *hadith mu'allaq*:

Ia termasuk dalam *hadith da'if* dan tidak diterima kerana sanadnya terputus dan tidak dikenali keadaannya, keadaan tersebut berkekalan sehingga terbukti ia diriwayatkan secara *mawsūl* dengan kajian dan penyelidikan.

#### 5. *Hadith mudallas*:

Dari segi etimologinya, *mudallas* berasal dari objek dari perkataan *tadlis*. Ia bermaksud perbuatan penjual menyembunyikan kecacatan yang terdapat pada barang yang dijual kepada pembeli. Diambil dari kata dasar *dals* yang bermaksud bercampur aduk di antara terang dan gelap.<sup>398</sup>

Dari segi terminologinya, *Mudallas* adalah *hadith* yang disembunyikan ke'aiban yang terdapat pada sanad oleh perawi tertentu dengan menzahirkan kebaikannya. Perawi yang melakukan perbuatan ini

dinamakan *mudallis*, seolah-olah perawi tersebut menggelapkan perkara sebenar ḥadīth tersebut dengan menyembunyikan keaibannya dan menjadi *mudallas*.<sup>399</sup>

¶

Jenis-jenis *Tadlis*:

i. *Tadlis Isnād*:

Perawi yang meriwayatkan ḥadīth yang tidak didengarnya secara langsung daripada seorang guru yang sezaman dengannya samada dia bertemu atau tidak, dengan menggunakan lafaz yang meragukan seolah-olah didengar daripadanya.

Contohnya:

Ali bin Khasram berkata: Saya berada bersama Sufyān bin 'Uyaynah katanya: Al-Zuhriy berkata begini, lalu dikatakan kepadanya: Adakah kamu mendengar ini darinya? katanya: ḥadīth tersebut disampaikan kepadaku oleh Abd al-Razzak dari Ma'mar dari beliau.<sup>400</sup>

Para ulama mencela perbuatan *tadlis* ini dan berkata: "Tadlis adalah saudara dusta".<sup>401</sup>

ii. *Tadlis Syuyukh:*

Iaitu perawi meriwayatkan ḥadīth dari seorang guru dengan menyebut sifat atau gelaran yang tidak terkenal bagi guru tersebut untuk menyembunyikan kelemahan guru berkenaan.<sup>402</sup>

Contohnya:

Al-Khatīb berkata: *akhbaranā* Abu Sa'īd Muḥammad bin Musā al-Sayrafiy katanya: *thanā* Abū al-Abbās Muḥammad bin Yaakob al-Yaakob al-`Aṣham, katanya: *thanā* Abd Allāh bin Ahmad bin Hanbal, katanya: *thanā* bapa saya, katanya disampaikan kepada saya bahawa Athiyyah telah menemui Al-Kalbiy, dimana gelarannya adalah Abu Sa'īd, lalu berkata: Abu Sa'īd. Husyaim telah meriwayatkan ḥadīth 'Athiyyah.

Al-Khatīb berkata: Al-Kalbiy digelar Abu al-Nadar tetapi 'Athiyyah telah menukarnya supaya orang akan menyangka yang beliau meriwayatkan dari Abū Sa'īd al-Khudriy tafsir yang diterima dari al-Kalbiy tadi.<sup>403</sup>

Abū Bakr bin Mujahid al-Muqliy berkata: *Haddathānā* Abū Allāh bin Abī Abī Allāh. Gurunya yang dimaksudkan ialah Abū Bakr bin Abū Dāwūd al-Sijistāniy. Gelarannya yang terkenal adalah Abū Dāwūd bukannya Abū Abd Allāh.<sup>404</sup>

iii. *Tadlīs Taswiyah:*

Al-'Irāqiy menyebutnya sebagai jenis *tadlīs* yang ketiga, sedang Ibn Ḥajar memasukkannya sebagai salah satu dari jenis *tadlīs Isnād*.<sup>405</sup>

Iaitu perawi menggugurkan perawi ḏa'if yang terletak antara dua perawi *thiqah* yang *ṭhabīt* pertemuan antara kedua-duanya.

Baqiyyah bin Al-Walid bin Muslim adalah di antara perawi yang terkenal kerana amalan *tadlīs* ini.<sup>406</sup>

Contohnya:

Ibn Abī Ḥatim al-Rāzī berkata: Saya mendengar bapa saya menyebut hadīth yang diriwayatkan dari Ishāk bin Rahawayh dan Baqiyyah, *haddathānī* Abū Wahb al-Asadiy dari Nāfi' dari Ibn 'Umar: "Jangan kamu

memuji akan keislaman seseorang sehingga diketahui simpulan pendapatnya".

\*

Hadīth ini diriwayatkan oleh Ubāyiddillah bin Amr dari Ishāk bin Abi Farwah dari Nāfi' dari Ibn Umar dari Rasulullah (s.a.w.). Ubāyiddillah bin Amr, gelaran beliau ialah Abu Wahb dari Bani Asad, beliau adalah *thiqah*, gelaran itu digunakan oleh Baqiyah dan dinisbahkan kepada Bani Asad. Apabila Ishak bin Abi Farwah, yang da'if itu digugurkan tidak ramai ramai yang sedar mengenainya dan terus menyebut Nāfi', seorang perawi yang terkenal *thiqah*.<sup>407</sup>

Al-Walīd bin Muslim juga apabila meriwayatkan dari Awzā'iyy telah mengugurkan guru-guru beliau yang da'if dan hanya menyebut yang *thiqah* sahaja, dengan alasan Awzā'iyy terlalu baik untuk meriwayatkan dari perawi yang sedemikian.<sup>408</sup> Adapun jenis *tadlīs*<sup>409</sup> yang lain seperti *tadlīs 'atf*, *tadlīs qat'*, *tadlīs sukūt* dan *tadlīs tauriah* adalah termasuk dalam dua jenis yang disebut di atas.

## HUKUM TADLIS:

Perbuatan *tadlis* ini amat tidak digemari oleh para ulama dan mencelanya. Al-Syāfi'īy, Syu'bah, Ḥammād bin Zāyd dan Abd Allāh bin al-Mubārak adalah antara mereka yang mencela perbuatan tersebut.

Al-Syu'bah bin Hajjāj pernah berkata: "Tadlis adalah saudara dusta". Malah beliau juga berkata: "Tadlis dalam ḥadīth lebih buruk dari zina, jatuh dari langit itu lebih saya suka daripada bertadlis".<sup>409</sup>

Para ulama juga menyifatkan yang *Tadlis Taswiah* merupakan perbuatan *tadlis* yang paling buruk. Al-`Irāqiy pernah berkata: "Sesiapa yang sengaja melakukannya menjelaskan riwayatnya.

Setengah para *muḥaddithin* menolak riwayat perawi *mudallis* secara mutlak, samada ia menerangkan pendengarannya atau tidak. Namun pendapat yang sah adalah perlukan penditilan, apabila perawi yang *mudallis* meriwayatkan dengan *lafad* yang *muhtamal* dan tidak menjelaskan pendengaran, maka hukumnya adalah seperti hukum ḥadīth mursal dan jenis-jenisnya. Apabila diriwayatkan dengan *lafad* yang jelas menunjukkan penyambungan sanad seperti; *sami'tu*, *haddathānā*, *akhbaranā* dan seumpamanya, ianya diterima dan dijadikan hujjah.<sup>410</sup>

Mengenai perawi yang terdapat dalam *Sahīh al-Bukhārī* dan *Muslim* yang dipercayai melakukan tindakan *tadlīs* seperti Sufyān al-Thawriy, Sufyan bin 'Uyaynah, Ḥusyaim, Ḥassan al-Baṣriy, Qatādah, Abd al-Razzaq dan lain-lain. Para ulama telah menjelaskan tindakan yang mereka lakukan bukanlah satu pendustaan tetapi kerana keraguan mereka sahaja dan apa yang mereka riwayatkan dipastikan pendengarannya. *Al-Bukhārī* dan *Muslim* menerima riwayat mereka kerana terdapat *syāhid* pada riwayat yang lain.<sup>411</sup>

Adapun Sufyan bin 'Uyaynah, walaupun melakukan *tadlīs* tetapi dari mereka yang *thiqah* bukannya *da'if* dan diperjelaskan pula pendengarannya.<sup>412</sup>

## 2. HADITH DA'IF KERANA PERAWI DIPERTIKAIKAN

Ada dua perkara yang apabila seseorang perawi itu dipertikaikan mengenainya akan menjaskankan nilai dan kedudukan sesuatu ḥadīth.

## i. KEADILAN PERAWI

Keṣaḥiḥan sesebuah ḥadīth akan terjejas apabila keadilan seseorang perawi itu dipertikaikan. Dua perkara yang menjelaskan keadilan seorang perawi adalah berdusta dan tuduhan berdusta di mana apabila terdapat dua perkara ini, sesebuah ḥadīth itu akan tertolak dan tidak boleh dijadikan hujjah lagi.

Hadīth-hadīth yang termasuk dibawah kategori ini ialah:

### 1. ḤADĪTH MAWDŪ'

Menurut estimologinya ia berasal dari perkataan ( وضع , perkataan *mawdū'* adalah nama subjek dan mempunyai beberapa pengertian, antaranya menggaris, mereka, menganggur dan melekat.<sup>413</sup>

Menurut terminologi pula ḥadīth *mawdū'* adalah ḥadīth yang direka atau diada-adakan terhadap Rasulullah (s.a.w.).<sup>414</sup>

Sebenarnya ia bukanlah ḥadīth tetapi dinamakan demikian sebagai sindiran terhadap penciptanya yang mengatakan ia adalah ḥadīth.

Hadīth *mawdū'* adalah seburuk-buruk hadīth *da'if*. Tidak harus meriwayatkannya kecuali dengan disertakan penjelasan mengenai pendustaan dan pembohongannya. Sesiapa yang mengatakan yang ia adalah hadīth sedangkan ia mengetahui yang itu adalah semata-mata pembohongan terhadap Rasulullah (s.a.w.), ternyata ia telah bersekongkol dengan pembohongan terhadap Rasulullah (s.a.w.). Pihak yang terlibat telah diberikan amaran keras oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam sabdanya:

من كتب على متعمداً فليتبوأ مقعده من النار

"*Sesiapa yang sengaja berdusta kepadaku,  
maka sediakanlah tempat tinggalnya di  
dalam neraka*"<sup>415</sup>

Ibn al-Šalāh berkata: " Sesungguhnya hadīth *mawdū'* adalah seburuk-buruk hadīth-hadīth *da'if*, dan tidak halal diriwayatkan bagi seseorang yang mengetahui keadaannya dalam apa bentuk sekalipun kecuali dengan disertakan penjelasan dan keterangan mengenai kepalsuannya.<sup>416</sup>

Ada beberapa faktor yang menyebabkan lahirnya hadīth *mawdū'*:

## 1. Angkara kalangan penyeleweng dalam agama

Kalangan sarjana Islam menggunakan istilah Zindik<sup>417</sup> bagi merujuk kepada golongan tersebut. Al-Sakhawiy berkata golongan ini adalah golongan yang menzahirkan Islam tetapi menyembunyikan kekufturan atau tidak berpegang dengan ajaran agama, mereka melakukan ini untuk merengan-rengangkan agama dan berselindung dengannya dari orang ramai.<sup>418</sup>

Golongan ini telah menggunakan ḥadīth untuk memporakperandakan Islam, memecahbelahkan umatnya dan memasukkan penyelewengan dalam syariatnya.

Namun tindakan jahat mereka dapat dikesan, walaupun setelah berjaya sedikit sebanyak membekalkan kepada masyarakat umat Islam ḥadīth-ḥadīth palsu yang telah mereka rekacipta. Ini dibuktikan dari pengakuan mereka sendiri.

Abd al-Karīm bin Abū al-Awja', sebelum dibunuh oleh Muhammad bin Sulāyman bin Ali, Amir Baṣrah semasa pemerintahan Khalifah al-Mahdiyah telah mengaku merekacipta empat ribu ḥadīth yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.<sup>419</sup>

Al-Mahdiy pula berkata: Telah mengaku di hadapan saya seorang zindik yang beliau telah merekacipta empat ratus ḥadīth yang berlegar di kalangan orang ramai.<sup>420</sup>

Di antara mereka adalah Ḥarith al-Kazzāb<sup>421</sup>, Muḥammad bin Sa'īd al-Maslūb<sup>422</sup>, Mughirah bin Sa'īd al-Kūfi<sup>423</sup>. Termasuk Abd al-Karīm bin Abu al-Awja' yang disebut di atas.

Hammād bin Zayd<sup>424</sup> berkata: Golongan zindik telah mereka-reka empat belas ribu ḥadīth.<sup>425</sup>

Ibn Lahi'ah berkata: Saya masuk untuk menemui seorang syeikh di mana beliau sedang menangis lalu saya bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu menangis? jawābnya: Saya memalsukan empat ratus ḥadīth dan telah tersebar di kalangan orang ramai, saya tidak tahu apakah yang patut saya buat.<sup>426</sup>

Berdasarkan kepada pengakuan mereka sendiri, mereka telah mencipta ḥadīth-ḥadīth palsu dan menyebarkannya sejumlah yang besar palsu ke tengah-tengah masyarakat. Jelaslah menunjukkan bahawa

mereka secara terancang telah melakukan kerja jahat ini untuk mengelirukan umat Islam.

\*

## 2. Memenangkan pegangan dan kepercayaan yang dianuti

Rasulullah (s.a.w.) sentiasa menggalakkan umat Islam sentiasa bersatu tanpa sebarang sengketa baik semasa hayat baginda atau selepas ketiadaannya. Namun sesuatu itu tidak sentiasa indah. Fitnah dan perpecahan di kalangan umat Islam berlaku juga, malah sampai ke peringkat yang serius setelah berlakunya peristiwa pembunuhan Khalifah 'Uthmān bin 'Affān. Sehingga berlakunya perang saudara di dua medan perang iaitu Perang al-Jamal dan al-Siffin.

Semakin jauh manusia dari zaman kenabian maka semakin banyaklah perpecahan dan perselisihan. Ini terbukti apabila didapati era para sahabat (r.a.) adalah zaman yang paling sedikit berlakunya fitnah berbanding dengan masa selepasnya.

Perpecahan dan perselisihan ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu:

- i. Perselisihan politik.

Perselisihan ini fokusnya adalah masalah khilafah pemerintahan dan siapakah yang lebih layak menjawatnya. Dari sini lahirnya golongan Syi'ah,<sup>427</sup> Khawārij<sup>428</sup> di samping golongan Ahl al-Sunnah yang sudah sedia ada.

Golongan Syi'ah sebagai contohnya, bagi mempertahankan pegangan mereka, telah mencipta ḥadīth-ḥadīth bagi menonjolkan kelebihan *Ahl al-Bayt* terutama 'Ali (k.w.j) dan keturunannya, di samping ḥadīth-ḥadīth yang menunjukkan Abū Bakr dan Umar telah menyakiti 'Ali sekeluarga.

Contohnya:

وصيٰ وموضع سرى وخليقى فی أهلى وخير من

.....

أخلف بعدي على

"Waṣiku, tempat rahsiaku, khalifahku bagi keluarga dan sebaik-baik orang yang ku tinggalkan selepasku adalah 'Ali"<sup>429</sup>

Pihak yang satu lagi pula menjawabnya dengan ḥadīth-ḥadīth yang mengangkat kedudukan Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, seperti:

ما في الجنة شجرة إلا مكتوب على كل ورقة منها لا إله إلا الله محمد

رسول الله ، أبو بكر الصديق وعمر الفاروق وعثمان ذو النورين

٤

"Tidak terdapat satu pokok pun dalam Syurga kecuali tertulis di setiap helai daunnya *Lā'ilāha illallāh Muḥammad Rasūl Allāh, Abu Bakr al-Šiddiq, 'Umar al-Farūq dan 'Uthmān Dhū al-Nurāyn*"<sup>430</sup>

Golongan yang fanatik dengan Muāwiyah dan Umawiyyin pula mencipta hadith mereka sendiri, seperti:

الأمناء عند الله ثلاثة أنا وجبريل ومعاوية

"Yang paling amanah ada tiga: Aku, Jibril dan Mu'awiyah"<sup>431</sup>

ii. Perselisihan 'aqidah dan fiqh:

Berpunca dari perbedaan pendapat dalam beberapa permasalahan sifat dan nama Allah, mengenai kerasulan, kitab, kebangkitan dari Hari Qiamat, Qada' dan Qadar dan lain-lain lagi. Lahir kemudian beberapa *madhāhib al-Mutakalimīn* seperti *Qadariyyah, Murji'ah, Jahmiyyah, Mu'tazilah, Musyabihhat* di samping *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Tanpa menafikan yang kedua faktor ini ada timbal baliknya kerana setiap golongan politik ada pegangan aqidahnya.

\*

Di tambah pula di permulaan Kurun Kedua Hijrah perselisihan di sekitar permasalahan furū' di dalam fiqh yang memunculkan kemudiannya beberapa madhhab fiqh. Didorong oleh sentimen mahu memenangkan madhhab pegangan masing-masing, juga untuk menonjolkan keistimewaan imam-imam ikutan mereka, maka timbullah ḥadīth-ḥadīth palsu bagi tujuan tersebut.

Contoh ḥadīth-ḥadīth palsu yang dicipta untuk memenangi madhhab anutan tertentu:

من رفع يديه في الركوع فلا صلاة له

وَمَنْ لَمْ يَرْفَعْ يَدَيْهِ فِي الرُّكُوعِ فَلَا صَلَاةٌ لَّهُ  
"Sesiapa yang mengangkat tangannya semasa solat" dalam riwayat lain: "Semasa takbir" maka tiadalah baginya solat"<sup>432</sup>

Begitu juga ḥadīth:

إِذَا كَانَ فِي النُّوْبِ قَدْرُ دِرْهَمٍ مِّنَ الدَّمِ غُسِّلَ وَأُعِيدَتِ الصَّلَاةُ

"Apabila terdapat pada pakaian darah sebesar wang satu dirham hendaklah dibasuh dan diulangi solatnya"<sup>433</sup>

Hadīth-hadīth palsu yang menonjolkan keistimewaan imam ikutan mereka dan untuk merendah-rendahkan imam-imam saingannya:

سيكون في أمتي رجل يقال له أبو حنيفة وهو سراج أمتي

"Dan akan lahir di kalangan umatku lelaki yang dikatakan Abū Ḥanifah beliau adalah pelita umatku"<sup>434</sup>

يكون في أمتي رجل يقال له محمد بن إدريس ، أضدر على أمتي من إبليس

"Akan lahir dari umatku seorang lelaki yang dikatakan baginya Muḥammad bin Idris, lebih bahaya bagi umatku dari Iblis"<sup>435</sup>

Keadaan ini tidak terhenti setakat itu sahaja, pihak lawan juga tidak berdiam diri dan menonton sahaja tanpa ada tindak balas, sebaliknya mereka juga mencipta hadīth-hadīth palsu bagi menjawab serangan yang ditujukan kepada mereka.

Ekoran dari fanatik kepada madhhab tadi, adalah fanatik kepada qabilah, bangsa dan warna kulit di mana terdapat juga hadith-hadith palsu mengenai kelebihan bahasa 'Arab, Farsi dan sebagainya. Di samping hadīth-hadīth palsu mengenai kelebihan sesuatu tempat dan mencela tempat-tempat tertentu.<sup>436</sup>

3. Kecenderungan untuk mengajak kepada kebaikan dan *targhib wa tarhib* dalam keadaan jahil

Golongan *zuhhād* dan ahli ibadat dalam mendorong dan merangsang orang ramai supaya mendekatkan diri mereka kepada Allah dan beribadat kepadaNya telah mencipta hadīth-hadīth palsu bagi tujuan tersebut. Berbekal dengan tujuan mereka yang baik tetapi kerana kejahanan mereka mengenai ajaran agama atau kecuaian mereka dan mengikuti kemahuan sendiri, mereka telah mencipta hadīth-hadīth palsu tersebut.



Ini termasuklah hadīth-hadīth mengenai kelebihan dan keistimewaan surah-surah al-Qur'an, ibadat seperti solat pada sempena tertentu seperti malam 'Asyura' dan siangnya,<sup>437</sup> malam pertama bulan Rejab,<sup>438</sup> malam Nisf Sya'bān,<sup>439</sup> malam 'Eid al-Fitr dan siangnya<sup>440</sup> dan lain-lain lagi.

Di samping itu terdapat juga ḥadīth-ḥadīth palsu yang dicipta bagi mendorong manusia supaya mengerjakan taat dan zuhud, juga berakhlik dengan akhlak yang baik dan amalan-amalan yang terpuji.

Ibn 'Adiy ada meriwayatkan katanya: Aku mendengar Abu Abdullah al-Nahwandi berkata: Saya berkata kepada pesuruh al-Khalil<sup>441</sup> Inikah ḥadīth-ḥadīth kamu sebut mengenai *al-riqāq*? Beliau menjawab: Aku menciptanya untuk melembutkan dengannya hati-hati orang awam.<sup>442</sup>

Abi 'Ismah Nūh bin Abī Maryam, Maysarah bin Abd Rabbuh adalah di antara mereka yang terlibat dalam mencipta hadith-hadith palsu mengenai kelebihan-kelebihan al-Qur'ān. Nuh apabila ditanya mengenai hadith yang dikatakan diriwayat oleh Maṭīk dari 'Akrimah dari Ibn Abbās mengenai *fada'il*, *Al-Qur'ān*, surah demi surah, sedangkan murid-murid 'Akrimah tidak meriwayatkannya, beliau berkata:

*"Saya melihat orang ramai meninggalkan al-Qur'ān dan tertumpu kepada fiqh Abū Hanifah dan Maghāziy Ibn Ishāk, lalu saya ciptalah ḥadīth tersebut"*<sup>443</sup>

Begitu juga Maysarah apabila ditanya dari mana datangnya hadith sesiapa yang membaca sekian, lalu mendapat pahala sekian? Beliau menjawab: "Saya menciptanya untuk mendorong orang membacanya".<sup>444</sup>

\*

#### 4. Kecenderungan terhadap kepentingan dunia wi

Kecenderungan dan tamak untuk memperolehi keseronokan dunia dan kemewahannya juga adalah di antara pendorong yang melahirkan hadith-hadith palsu.

Ini adalah dengan beberapa cara iaitu:

- i. Mendekati kalangan yang berkuasa dengan mengharapkan sesuatu daripadanya.

\* \* \*

Berpunca dari kelemahan iman dan jiwa, telah menyebabkan terdapatnya individu-individu yang mengambil kesempatan berdampingan dengan pihak yang berkuasa dengan tujuan untuk mendapat sesuatu samada ganjaran material, kedudukan yang baik dan seumpamanya. Mereka sanggup menjual akhirat mereka kerana mengharapkan dunia.

Contohnya: Ghiath bin Ibrāhim al-Nukha'iy yang sanggup berdusta terhadap Rasulullah (s.a.w.) dengan menokok tambah hadith Rasulullah (s.a.w.) kerana mengharapkan ganjaran dari Khalifah al-Mahdiy.

Hadith Rasulullah (s.a.w.):

لَا سِبْقَ إِلَّا فِي حَافِرٍ أَوْ نَصْلٍ

*"Tidak boleh diadakan pertandingan kecuali unta, kuda atau anak panah"*

Ghiath telah merubahnya kepada:

لَا سِبْقَ إِلَّا فِي حَافِرٍ أَوْ نَصْلٍ أَوْ جَنَاحٍ

*"Tidak boleh diadakan pertandingan melainkan memanah, unta kuda atau melaga burung"*

Beliau telah menambahkan melagakan burung kerana beliau mengetahui yang Khalifah al-Mahdi seorang penggemar perlagaan burung. Al-Mahdiy telah memerintahkan supaya diberikan kepada Ghiath sebanyak 10 ribu tetapi setelah beliau mengetahui yang Ghiath berdusta, beliau telah

menempelak Ghiath dan memerintahkan supaya burung tersebut disembelih.<sup>445</sup>

\*

ii. Pencerita (*qassas*) dan penceramah (*wā'idz*):

Golongan pencerita dan penceramah juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Mereka mengharapkan ganjaran duniaawi dari orang ramai yang menghadiri majlis mereka. Semakin ramai yang hadir bererti semakin bertambahlah kutipan yang mereka terima.

Tujuan mereka tidak lain kecuali untuk mendapat keuntungan keduniaan. Justeru itu, mereka sanggup berdusta atas nama Rasulullah (s.a.w.) dengan mencipta ḥadīth-ḥadīth palsu dalam berbagai bentuk demi menarik perhatian ramai, samada berbentuk cerita, hikayat yang merupakan dongeng dan khurafat. Walaupun kepalsuannya sudah nyata, namun mereka dengan beraninya mempertahankannya dengan alasan-alasan yang diada-adakan.

Contoh yang sangat jelas adalah apa yang berlaku kepada Imam Ahmad bin Ḥanbal dan Yaḥya bin Ma'īn, dua tokoh *muḥadhibin* yang terkenal. Kedua-duanya telah bersolat di Masjid Raṣafah, sebaik solat

selesai seorang lelaki telah bangun bagi menyampaikan pengajarannya dan berkata:

"*Haddathana* Ahmad bin Hanbal dan Yahya bin Ma'in, katanya *haddathana* Abd al-Razzaq, katanya: *anba'anā* Ma'mar dari Qatādah dari Anas katanya: Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

من قال لا إله إلا الله خلق الله من كل كلمة طيراً منقاره من ذهب ،

وريشه من مرجان ...

"*Sesiapa yang berkata: Lā Ilā ha IllalLāh, akan dicipta bagi setiap patah perkataan yang disebut seekor burung, paruhnya dibuat dari emas dan bulunya dari berlian...*"

Pengajaran tersebut berlarutan sehingga kadar 20 helai kertas. Menyebabkan Ahmad dan Yahya saling berpandangan antara satu sama lain dan Yahya bertanya: Adakah kamu yang menyampaikan hadith tersebut, Ahmad menjawab: Demi Allah! Belum pernah saya mendengarnya kecuali sekejap tadi. Lalu mereka berdua diam sehingga lelaki tersebut selesai menyampaikan pengajarannya dan mengambil pemberian dari hadirin dan menunggu selebihnya. Setelah itu kedua-duanya menghampiri lelaki tersebut dan Yahya bertanya: Siapakah yang menyampaikan hadith tersebut? Jawabnya: Ahmad bin Hanbal dan Yahya bin Ma'in. Yahya menerangkan: Saya adalah Yahya dan ini adalah

Ahmad bin Hanbal ! Kami tidak pernah mendengar ḥadīth sedemikian dari Rasulullah (s.a.w.) sama sekali....lelaki tersebut berkata: Baharu sekarang aku mengetahui yang Yaḥyā bin Ma'īn adalah seorang yang bodoh. Yaḥyā bertanya lagi: Bagaimana kamu mengetahui yang saya ini bodoh ? Jawabnya: Macamlah tidak ada dalam dunia ini Yaḥyā dan Ahmad selain dari kamu berdua, saya menulis dari 17 orang Ahmad Hanbal selain dari lelaki ini.<sup>446</sup>

- iii. Melariskan barang dagangan dan memuji atau mencela sesuatu pekerjaan.

Ini satu lagi faktor duniawi yang mendorong sesorang mencipta ḥadīth-hadīth palsu. Demi malariskan jualannya, mereka sanggup berbuat demikian dengan mencipta hadith yang menunjukkan kebaikan barang tersebut.

Muhammad bin Hajjāj al-Lakhāmiy mencipta ḥadīth yang menunjukkan keistimewaan sejenis bubur, dengan meriwayatkan satu hadith yang kononnya diriwayatkan dari Huzayfah, di mana Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

أَطْعَمْنَى جَبْرِيلُ الْهَرِيْسَةَ لَا شَدَّ بِهَا ظَهَرٌ لِقِيَامِ اللَّيْلِ

"Jibril telah memberikan saya bubur harisah untuk menguatkan dengannya belakang saya untuk mengerjakan qiam al-Layl"<sup>447</sup>

Satu lagi adalah ḥadīth yang dikatakan diriwayatkan dari Mu'az katanva:

قال: يا رسول الله هل أتيت من الجنة بطعم؟ قال : نعم ، أتىت بالهريسة فأكلتها فزادت في قوّة أربعين ، وفي نكاح اربعين . قال : فكان

معاذ لا يعمل طعاما إلا بدأ بالهريسة

"Saya bertanya: Wahai Rasulullah! Adakah didatangkan kepada tuan makanan Syurga? Jawab baginda: Ya! Saya didatangkan dengan bubur harisah lalu saya memakannya maka bertambah kekuatan saya dengan kekuatan 40 orang dan dalam perkahwinan saya (persetubuhan) dengan 40 kali perkahwinan (hubungan jantina). Katanya: Muaz tidak akan menyediakan makanan kecuali dimulakan dengan harisah"<sup>448</sup>

Hannād bin Ibrāhim al-Nasafī pula mencipta ḥadīth mengenai kelebihan tembakai.<sup>449</sup> Sebagaimana kita akan menemui ḥadīth-ḥadīth yang dicipta mengenai kelabihan terung,<sup>450</sup> dan beberapa jenis buah-buahan seperti delima,<sup>451</sup> anggor,<sup>452</sup> dan lain-lain. Tidak terkecuali kelebihan setengah-setengah pekerjaan seperti jahitan, berbekam dan lain-lain.

- iv. Mematahkan hujah lawan dan menguatkan alasan sendiri dalam debat atau diskusi:

\*

Ada di kalangan yang mendakwa berilmu, telah dengan berani sekali dalam mencipta ḥadīth-ḥadīth palsu semata-mata untuk mempertahankan pendapatnya. Ini berlaku dalam majlis ilmu yang berbentuk debat dan seumpamanya, di mana ketika itu juga mereka mencipta ḥadīth-ḥadīth tersebut bagi mempertahankan pandangan dan pendapatnya.

- v. Kepentingan peribadi

Muhammad bin Abd al- Mālik al-Anṣāriy seorang yang cacat penglihatannya telah mencipta satu ḥadīth demi kepentingan pribadinya dengan menonjolkan kelebihan memandu orang buta. Katanya:

من قاد أعمى أربعين خطوة وجبت له الجنة

*"Sesiapa yang memandu seorang buta sejauh 40 langkah, Allah akan memperuntukan kepadanya Syurga"*<sup>453</sup>

Begitu juga Sa'ad bin Tariq al-Iskaf telah merekacipta satu ḥadīth, apabila didapati anaknya yang pulang dari tempat belajar dalam keadaan menangis dan mengadu dipukul oleh gurunya. Lalu beliau berkata: Demi Allah! Saya akan menghina mereka, *haddathānī* Akrimah dari Ibn 'Abbās, katanya Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَعْلُومٌ صِبَيْانُكُمْ شَرٌّ أَرْكُمْ ، أَقْلِيمُ رَحْمَةِ الْيَتَمِ وَأَغْلَظُهُمْ عَلَى الْمُسْكِنِ

*"Guru-guru anak-anak kamu adalah sejahat-jahat orang di kalangan kamu, amat sedikit sifat kasih sayang terhadap anak yatim dan paling kasar terhadap orang-orang miskin"*<sup>454</sup>

Nāfi' bin al-Harith Dāwūd al-A'mā seorang buta peminta sedekah telah mencipta satu ḥadīth yang menjelaskan kelebihan orang kaya yang bersedekah, yang menurutnya akan dikurniakan makanan yang mengenyangkan di dunia.<sup>455</sup>

## HUKUM MERIWAYATKAN ḤADĪTH MAWDŪ'

Perawi yang meriwayatkan ḥadīth *mawdū'* ini tidak terlepas dari dua keadaan iaitu tidak mengetahui yang ḥadīth yang diriwayatkan tersebut

adalah ḥadīth *mawdū'* atau meriwayatkannya sedangkan beliau mengetahui yang ḥadīth tersebut adalah ḥadīth palsu.

\*

Dalam keadaan pertama, perawi tersebut tidak dikira berdosa kerana jahil dengan keadaan itu walaupun dikira cuai kerana gagal mengkaji dan meneliti keadaan sebenar ḥadīth yang diriwayatkannya.

Sebaliknya meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth tersebut dan sedar dan mengetahui yang ḥadīth tersebut adalah palsu tetapi meriwayatkan juga untuk menerangkan kepalsuannya, para ulama sepakat dalam mengharuskan periwayatannya untuk kepentingan umat, mengelak serta menghindarkan mereka dari bahaya hadith palsu tersebut.

Apabila meriwayatkan ḥadīth palsu dalam keadaan tahu akan kepalsuannya, diriwayatkan juga bukan dengan tujuan untuk menerangkan keadaannya yang sebenar, para ulama mengharamkan dari meriwayatkannya dalam apa keadaan dan bidang sekalipun samada 'aqidah, syari'at, *fada'il* dan sebagainya. Malah perawi tersebut dikira telah bersubahat dan berkongsi dosanya dengan pencipta ḥadīth palsu tersebut. Berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w.):

من حَدَثَ عَنِ الْحَدِيثِ يُرَى أَنَّهُ كَذَبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ

*"Sesiapa yang menyampaikan dariku hadith yang pada sangkaannya adalah dusta maka ia termasuk dalam kalangan pendusta"*<sup>456</sup>

Al-Nawāiy berkata: Haram meriwayatkan ḥadīth *mawdū'* bagi mereka yang mengetahui atau berat pada sangkaannya yang ḥadīth tersebut adalah palsu. Sesiapa yang meriwayatkannya tanpa penjelasan maka ia termasuk ke dalam ancaman Rasulullah (s.a.w.) tersebut.<sup>457</sup>

Pengharaman berbohong terhadap Rasulullah (s.a.w.) adalah menyeluruh, tanpa membedakan samada dalam perkara yang berkaitan dengan hukum hakam atau tidak berbentuk hukum hakam seperti *targhib* dan *tarhīb* atau *mawa'id* dan lain-lain. Semuanya diharamkan secara ijma', dan termasuk dalam dosa besar yang utama yang paling tercela.<sup>458</sup>

Al-Khatīb pula berpendapat: Wajib bagi para *muḥadithin* supaya tidak meriwayatkan sebarang khabar-khabar ciptaan dan ḥadīth-ḥadīth yang batil lagi palsu, sesiapa sahaja yang melakukan demikian baginya dosa yang jelas dan termasuk dalam gerombolan pendusta sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah (s.a.w.).<sup>459</sup> Ia juga merupakan pendapat Qādi Iyād, Abū Ja'far al-Thahawī dan al-Hakim. Ia diperkuatkan pula oleh al-Suyutiyy.<sup>460</sup>

## HUKUM BERAMAL DENGAN HADITH MAWDŪ'

Telah disebut sebelum ini samasa perbicaraan mengenai ḥadīth daīf, dimana ḥadīth daīf yang tidak terdapat sokongan, statusnya tetap daīf dan tidak boleh beramal dengannya. Dengan itu secara tersiratnya, ḥadīth *mawdū'* lebih utama dan wajar untuk tidak beramal dengannya.

Kalau meriwayatkannya pun sudah *ijma'* ulama melarangkannya, apa lagi untuk diterima pakai dan beramal dengannya. Malah terdapat keterangan yang jelas yang mengharamkan beramal dengan ḥadīth *mawdū'*.

Zāyid bin Aslam berkata: Sesiapa yang beramal dengan khabar yang sahih kepalusannya maka dia adalah khadam Syaitan.<sup>461</sup>

## 2. ḤADĪTH MATRŪK

Di segi bahasanya ia adalah nama objek dari perkataan ترک "Turuk". Orang Arab menamakan kulit telur yang ditinggalkan setelah anaknya menetas dengan التریکة (*al tarīkah*) yakni peninggalan yang tiada lagi faedah.

Di segi istilah *matrūk* adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang *da'if* secara bersendirian, di mana sebab ke*da'if*annya adalah tuduhan berdusta dalam periwayatan ḥadīth, atau ketara kefasikannya dalam perkataan, perbuatan atau banyak terlupa atau cuai.<sup>462</sup>

Ada juga ulama yang mentakrifkannya dengan ḥadīth yang terdapat pada sanadnya perawi yang dituduh berdusta.<sup>463</sup>

Dinamakan sesuatu ḥadīth tersebut dengan ḥadīth *matrūk* apabila memenuhi dua syarat berikut:

- i. ḥadīth tidak diriwayat kecuali melalui *turuq* beliau sendiri.
- ii. Ia bertentangan pula dengan *qawa'id al-ma'lūmah* menurut syarak.<sup>464</sup>

Pendustaan seseorang perawi boleh diketahui dari pendustaan beliau dalam percakapan biasa, tetapi tidak ketara pembohongannya dalam ḥadīth Nabi.<sup>465</sup>

Contoh ḥadīth *matrūk*:

Hadīth yang diriwayatkan oleh Amr bin Syamr al-Ju'fīy al-Kufiy al-Syī'īy dari Jabir dari Abī al-Tu'fāyil dari 'Ali dan 'Ammar, keduanya berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْتَنِي فِي النَّجْرِ وَيَكْبُرُ يَوْمَ عُزْفَةٍ مِّنْ صَلَاةِ الْغَدَاءِ

وَيَقْطَعُ صَلَاةَ الْعَصْرِ آخِرَ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ .

"Rasulullah (s.a.w.) membaca qunut semasa solat subuh dan bertakbir pada hari 'Arafah dari sembahyang subuh dan berhenti pada Solat 'Ashar di Hari Tasyriq yang terakhir"

Menurut al-Nasā'īy, al-Darqutnīy dan lain-lain, Amr bin Syamr adalah *matrūk al-hadīth* dan tidak boleh diterima hadithnya.<sup>466</sup>

Contoh-contoh lain yang disebut oleh ulama adalah ḥadīth Ṣadqah bin Musā al-Daqiqiy dari Furqad al-Sāmījīy dari Murrah al-Tayyib dari Abū Bakr dan ḥadīth Al-Jarūd bin Yazid al-Naysaburiy.<sup>467</sup>

## HUKUM HADĪTH MATRŪK

Hadīth *matrūk* adalah ḥadīth yang tersangat lemah di mana ia tidak mungkin dapat di sokong oleh ḥadīth yang lain. Kedudukannya lebih buruk dari ḥadīth *munkar*, *al-Mu'al*, *al-Mudraj*, *al-Maqlūb* dan *al-Muttharib*.

## **ii. KELEMAHAN INGATAN PERAWI:**

Faktor ingatan seseorang perawi sangat penting dalam menentukan kekuatan sesebuah ḥadīth. Apabila ingatan seseorang perawi itu dipertikaikan, ia boleh menyebabkan sesebuah ḥadīth itu ditolak.

Ada beberapa jenis ḥadīth yang ditolak kerana faktor di atas. Iaitu:

### **1. HADITH MUNKAR**

Munkar adalah nama objek dari perkataan مُنْكَر yang bermaksud enggan atau engkar. Lawannya adalah ma'rūf (مَرْفُوف).

Di segi terminologinya, para mūhadhithin tidak sependapat dalam memberi definisinya. Menurut Maḥmūd Ṭahhān, ada dua definisi yang paling menonjol, iaitu:

i. ḥadīth yang terdapat pada sanadnya perawi yang teruk kesalahannya atau banyak pula kecuaiannya atau sangat ketara kefasikannya.

- ii. Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang da'if yang menyalahi ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqat*.<sup>468</sup>
- iii. Hadīth *Fard* yang bercanggah dengan riwayat perawi yang *thiqah*.

Definisi pertama disebut oleh Ibn Hajar dan disandarkan kepada orang lain dan definisi kedua juga disebut oleh beliau dan merupakan definisi pilihan beliau.<sup>469</sup>

Jelas dari definisi di atas, ḥadīth *munkar* itu mensyaratkan perawinya da'if dan terdapat percanggahan dengan riwayat perawi yang *thiqah*. Dari segi terdapatnya percanggahan, ḥadīth *munkar* sama dengan ḥadīth *syāz*, hanya status perawi sahaja yang membedakan di antara keduanya, di mana perawi hadith *syāz* diterima sedangkan perawi hadith *munkar* tidak boleh diterima kerana ciri-ciri kelemahan yang terdapat padanya.

Hadīth *munkar* bukanlah *syāz* sebagai seerti (sinonim) ternyata tidak tepat. Kemungkinan Ibn al-Ṣalāḥ melihat dari sudut *tafarrud* kedua-dua ḥadīth sahaja lalu menyamakan diantara keduanya. Sedang kekuatan perawi di antara kedua-dua ḥadīth adalah tidak sama, perawi dalam ḥadīth

Syāz adalah *thiqah* sedangkan perawi ḥadīth *munkar* adalah ḍa'īf. Tanpa menafikan yang pada kedua-duanya terdapat elemen percanggahan.<sup>470</sup>

Justeru itu, Ibn Hajar telah mensifatkan kalangan yang menyamakan di antara ḥadīth *munkar* dengan ḥadīth syāz sebagai cuai.<sup>471</sup>

Contoh ḥadīth *munkar*:

1. ḥadīth riwayat Abū Zukāyr Yaḥyā bin Muḥammad bin Qays dari Hishām bin ‘Urwah dari bapanya dari ‘Aisyah yang meriwayat secara marfu':

كُلُوا الْبَلْحَ بِالْتَّمَرِ فَإِنْ أَبْنَ آدَمَ إِذَا أَكَلَهُ غَضَبَ الشَّيْطَانَ

"Makanlah balah bersama tamar kerana anak adam apabila memakannya dimarahi Syaitan"

Al-Nasa'īy berkata: ḥadīth ini adalah ḥadīth *munkar* kerana Abū Zukāyr bersendirian meriwayatkannya dalam *Mutaba'at*.<sup>472</sup>

2. ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abi Ḥātim dari Ḥabīb bin Ḥabīb al-Zayyāt dari Abū Iṣhāk dari al-‘Aizar bin Ḥarīth dari Ibnu ‘Abbas dari Nabi (s.a.w.) sabdanya:

من أقام الصلاة وآتى الزكاة وحج البيت وصام وفَرِي الضييف دخل الجنة

"Sesiapa yang mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan Haji di Baytullah, berpuasa dan memuliakan tetamu akan masuk Syurga"

Menurut Abū Ḥātim, ḥadīth ini adalah ḥadīth munkar kerana perawi-perawi lain yang *thiqah* meriwayatkannya dari Abū Iṣhāk secara *mawquf*.<sup>473</sup>

## HUKUM HADITH MUNKAR

Hadīth munkar adalah termasuk dalam kategori ḥadīth yang amat da’if (ضعف جداً) ia tidak boleh dijadikan hujjah sama sekali keda’ifannya berpunca dari perawi yang fāsiq, kesilapan yang berat atau sangat cuai.

## 2. HADITH MUDRAJ:

Dari segi bahasanya, *mudraj* adalah nama objek bagi "مُدْرَج", yang bermaksud; :"Memasukkan sesuatu dalam sesuatu yang lain".

Dari segi istilahnya *mudraj* adalah ḥadīth yang terdapat padanya tambahan yang bukan dari hadith tersebut. *Idraj* ini berlaku pada matan dan sanad.

Wujudnya tambahan ini diketahui apabila dipadankan dengan riwayat lain, disebut oleh perawinya, dinyatakan oleh para ulama yang berautoriti atau pun perkara tersebut tidak munasabah disebut oleh Rasulullah (s.a.w.).

Ia terjadi apabila perawi yang meriwayatkan sesuatu hadith memasukkan kata-katanya sendiri ke dalam ḥadīth Rasulullah (s.a.w.), di mana orang yang mendengarnya merasakan perkataan itu adalah sabdaan Rasulullah (s.a.w.). Tambahan tersebut terdapat samada di awal, pertengahan atau di hujung hadith.

#### *Mudraj Matan:*

Termasuknya tambahan-tambahan ini adalah kerana faktor-faktor berikut:

- a. Keterangan perawi mengenai hukum hakam, ulasan dan kesimpulan beliau terhadap ḥadīth Rasulullah (s.a.w.), atau penjelasan beliau bagi perkataan-perkataan yang sukar difahami, telah difahami oleh orang yang mendengar ḥadīth itu sebagai sabda Rasulullah (s.a.w.). Penjelasan terhadap ḥadīth adalah harus dengan syarat dinyatakan apa yang disebut itu bukanlah hadith Rasulullah (s.a.w.).
  
- b. Tambahan ini boleh juga terjadi kerana faktor ingatan perawi yang kurang mantap atau beliau tersalah dalam mendengar dan memetik ḥadīth tersebut. Termasuk secara tersalah dan tidak sengaja adalah dimaafkan tetapi riwayat seseorang boleh ditolak apabila terlalu banyak kesalahannya.
  
- c. Memasukkan tambahan itu secara sengaja. Para ulama mengharamkan secara ijma' menokok tambah sabdaan Rasulullah (s.a.w.) secara sengaja di mana ia termasuk dalam berdusta terhadap Rasulullah (s.a.w.)

Contoh-contoh ḥadīth *mudraj*:

- i. *Idraj* di awal matan:

Hadīth yang diriwayatkan oleh al-Khatīb melalui Abī Quṭn dan Subabah dari Syu'bah dari Muḥammad bin Ziyād dari Abū Hurayrah katanya: Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

أَسْبِغُوا الْوَضْوَءَ وَلَا يَلْعَبُوا مِنَ النَّارِ

"Sempurnakanlah wudu' dan celakalah bagi tumit-tumit (yang tidak dibasuh dengan sempurna) dimakan api neraka"<sup>474</sup>

أَسْبِغُوا الْوَضْوَءَ

Perkataan " " adalah kata-kata Abu Hurayrah seperti yang jelas dari riwayat al-Bukhārī. Abū Qatān Amr bin al-Hāytham dan Syubabah bin Suwār ragu-ragu dalam riwayatnya dari Syu'bah dari Muḥammad bin Ziyād dari Abū Hurayrah dengan sanad tersebut. Hadīth yang sama diriwayatkan juga dari Ādām dari Syu'bah tanpa menyebut perkataan tersebut. Dengan itu dapat di kenal pasti perkataan tersebut adalah tambahan atau *idraj*.

ii. *Idraj* di pertengahan matan:

Al-Dārqutniy meriwayatkan dari Abd al-Ḥamid bin Ja'afar dari Hisyām bin 'Urwah dari bapanya dari Baṣrah binti Safwān, katanya: Saya mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

من مس ذكره أو أثبيه أو رفغيه فليتوضاً

"Sesiapa yang menyentuh kemaluannya atau biji kemaluannya atau pangkal pahanya hendaklah ia berwudū"

Al-Darqutniy berkata: Abd al-Hamid ragu-ragu semasa menyebut "الأشبين" dan "الراغب" lalu dimasukkannya seperti yang terdapat dalam riwayat Basrah. Sebenarnya ia adalah dari perkataan 'Urwah bukannya perkataan Rasulullah (s.a.w.).<sup>475</sup>

iii. *Idraj di hujung matan:*

Contohnya adalah riwayat Abū Dāwūd dalam Sunan:<sup>476</sup> Hadith riwayat Zuhayr bin Mu'awiyah dari Hasan bin al-Hurr dari Al-Qasim bin Mukhaymirah, katanya: 'Alqamah memegang tangan saya dan memberitahu saya yang Abd Allāh bin Mas'ud memegang tangannya dan Rasulullah (s.a.w.) memegang tangan Abd Allāh dan mengajarnya *tasyahhud* dalam solat, lalu disebutkan doa seperti yang disebut dalam riwayat al-A'masy. Lalu berkata:

إذا قلت هذا أو قضيت هذا فقد قضيت صلاتك

إِذَا قَلْتَ هَذَا أَوْ قَضَيْتَ هَذَا ...

Apa yang disebut adalah dari perkataan ibn Mas'ud dan bukannya dari perkataan Rasulullah (s.a.w.) di mana terdapat riwayat dari perawi yang *thiqat* yang tidak terdapat tambahan tersebut. Di samping terdapat juga riwayat yang mengasingkan sabda Rasulullah (s.a.w.) dengan kata-kata ibn Mas'ud tersebut.

#### HUKUM MUDRAJ MATAN:

Para ulama bersepakat bahawa memasukkan sebarang tambahan ke atas ḥadīth Rasulullah (s.a.w.) secara sengaja adalah haram. Menyandarkan perkataan orang lain kepada Rasulullah (s.a.w.) adalah satu penipuan dan tidak terlepas dari amaran Rasulullah (s.a.w.).

Ibn Sam'āniy berkata:

أَنْتَ أَنْتَ

"*Sesiapa yang melakukan tambahan secara sengaja, telah gugur keadilannya, sesiapa yang menyelewengkan perkataan dari tempatnya ia telah berdusta*"<sup>477</sup>

Namun ulama ada menyebut perkataan dengan tujuan menambahkan lagi manfaatnya seperti perjelasan perkataan yang sukar difahami atau menerangkan hukum yang terangkum dalam hadith Rasulullah (s.a.w.). Seperti yang dilakukan oleh Zuhriy dengan menyebut "يَحْذِرُ مَا صَنَعُوا" وَهُوَ التَّعْبُدٌ<sup>476</sup>, Aisyah r.a menyebut 'لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى إِنْخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَاءِهِمْ مَسَاجِدٍ' selepas meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w.):

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى إِنْخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَاءِهِمْ مَسَاجِدٍ

"Laknat Allah ke atas kalangan Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kubur para nabi-nabi mereka masjid"<sup>478</sup>

Ahmad Syakir berpendapat:

"Adapun tambahan bagi menjelaskan sesuatu dari makna hadith, para ulama memberikan sedikit kelonggaran. Yang paling baik perawi menjelaskan tambahan beliau itu. Begitu juga apabila ia berlaku secara tidak sengaja dan tambahan tersebut hanya sedikit sahaja. Sebaliknya apabila tambahan itu banyak, ia boleh menjelaskan kedudukan perawi dan dipertikaikan ingatan dan kecermatannya"<sup>479</sup>

## Mudraj sanad

Al-Nawawi menyebut ada dua jenis *mudraj sanad* ini iaitu:

- i. Perawi mempunyai dua matan hadith dari dua sanad yang berbeda, tetapi telah diriwayatkan dengan salah satu dari dua sanad tersebut.

Al-Sayuti berkata: Perawi meriwayatkan salah satu dari dua hadith itu dengan sanad yang tersendiri dengan menambah matan yang satu lagi.<sup>480</sup>

Termasuk juga dalam kategori ini, perawi yang mendengar sebahagian hadith dari gurunya, sedang separuh lagi diterima dari gurunya melalui perantaran lalu diriwayatkan secara lengkap dengan membuang perantaraan tersebut.<sup>481</sup>

Contohnya:

Hadith yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Abi Maryam dari Malik dari Zuhri dari Anas bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:<sup>482</sup>

لَا تَبْغِضُوا وَلَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا تَنافِسُوا

Menurut al-Sayuti<sup>483</sup>: "وَلَا تَنافِسُوا" adalah tambahan yang dilakukan oleh Ibnu Abi Maryam dari satu hadith lain yang diriwayatkan oleh Malik dari Abi al-Zinad dari al-Araj dari Abu Hurayrah dari Rasulullah (s.a.w.)

إِيَّاكُمْ وَالظُّنُونُ فَإِنَّ الظُّنُونَ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ وَلَا تَجْسِسُوا وَلَا تَحَاسِدُوا

Hadith ini diriwayatkan juga oleh al-Bukhariy, Muslim dan lain-lain.<sup>484</sup>

- ii. Seorang perawi mengambil ḥadīth dari beberapa kalangan yang tidak sepakat dalam meriwayatkannya tetapi perawi tersebut meriwayat ḥadīth tersebut secara sepakat.

Contohnya:

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy melalui Ibn Mahdi dari Sufyan al-Thauriy dari Waṣil al-Ahdāb, Mansūr dan al-A'masy dari Abū Wa'il dari Amr bin Syurahbil dari Ibn 'Abbas r.a katanya: Saya bertanya

Rasulullah (s.a.w.): Wahai Rasulullah (s.a.w.) ! Apakah dosa yang paling besar ? Sabdanya:

أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نَدَا وَهُوَ خَلَقَكَ

*"Kamu menjadikan bagi Allah itu saingan sedangkan Dialah yang menjadikan kamu"*<sup>485</sup>

Riwayat Wāṣil di atas tambahan ke atas riwayat Mānṣūr dan al-A'masy kerana Wāṣil meriwayatkannya dari Abu Wa'il dari Abdullah tanpa menyebut Amr. Begitulah yang diriwayatkan oleh Syu'bah dan Mahdiy bin Maymun, Ma'līk bin Mighwāl dan Sa'id bin Masruk dari Wāṣil sebagaimana yang disebut oleh al-Khatib.

سَبَقَ

Penjelasan kedua-dua sanad tersebut telah dilakukan oleh Yahya bin Sa'id al-Qatṭān dalam riwayatnya dari Sufyān dengan mengasingkan kedua-duanya.<sup>486</sup>

## HUKUM MUDRAJ SANAD

Memasukkan tambahan dalam sanad tanpa sedar atau tersalah adalah dimaafkan, sebaliknya jika dilakukan dengan sengaja termasuk dalam berdusta yang boleh mengugurkan keadilan perawi dan berhadapan dengan ancaman Rasulullah (s.a.w.).

### 3. HADITH MAQLUB:

Di segi bahasa ia adalah nama objek dari kata kerja " ﴿لَبِّ﴾ " yang bermaksud sesuatu yang dibalikkan, atau diputar balikkan atau dipalingkan dari bentuk asal.

Di segi istilah, para *muhadithin* tidak sekata dalam memberi definisi hadith *maqlub*. Kesimpulannya, hadith *maqlub* adalah hadith yang terdapat perubahan pada sanad atau matannya, dengan di dahulukan atau di kemudiankan atau pertukaran.<sup>487</sup>

#### i. Pertukaran pada sanad:

- a. Terjadi dengan menyebut nama dengan mendahuluikan yang kemudian. Seperti menyebut: Ka'ab bin Murrah sebagai ganti Murrah bin Ka'ab.  
\*  
b. Satu ḥadīth yang terkenal dengan perawi tertentu atau sanadnya tersendiri, kemudian seorang perawi yang da'if dengan sengaja menukarkannya dengan perawi atau sanadnya yang lain, dengan tujuan menarik minat para muhādithīn kerana keadaannya yang gharīb.

Umpamanya ḥadīth yang dikenali dari Salim bin Abdullah ditukarkan kepada Nāfi', atau dari Mālik ditukarkan kepada 'Ubāyiddillāh bin Amr.

Contohnya:

Hadīth yang diriwayatkan oleh Hammād bin Amr al-Nusaybiy - seorang pencipta ḥadīth palsu - dari A'masy dari Abū Ṣāliḥ dari Abu Hurāyrah secara *marfu*:

إِذَا لَقِيْتُمُ الْمُشْرِكِينَ فِي طَرِيقٍ فَلَا تَبْدِعُوهُمْ بِالسَّلَامِ

*"Apabila kamu bertemu dengan Musyrikin  
dijalanan jangan mulakan mereka dengan  
salam"*

Hadīth ini adalah hadīth *maqlūb*. Sanadnya telah ditukar oleh Hammād dengan menyebutnya dari A'masy, sedangkan yang diketahui sebagaimana yang di sebut dalam Ṣaḥīḥ Muslim dari Sahl bin Abu Salleh dari bapanya dari Abu Hurayrah.<sup>488</sup>

- c. Seorang perawi menukar matan satu ḥadīth kepada sanad yang lain sedang sanadnya yang sebenar ditukar pula kepada matan yang lain. Dengan tujuan untuk menguji atau selainnya.

Contohnya: Apa yang dilakukan oleh ulama Baghdaḍ kepada Imam al-Bukhāri dengan menukarkan 100 ḥadīth untuk menguji kekuatan hafazannya. Kesemuanya disusun semula oleh beliau sebagaimana keadaan sebelum ia ditukar.<sup>489</sup>

- b. Pertukaran matan:

Perrtukaran matan ini terjadi apabila perkataan yang terdapat pada matan tidak diletakkan pada tempatnya, sebaliknya ditukarkan ketempat yang lain.

\*

Contohnya:

Hadith riwayat Muslim mengenai tujuh golongan yang berada dibawah bayangan 'Aras Allah pada Hari Qiamat nanti, di mana terdapat dalam riwayat tersebut:

ورجل تصدق بصدقه أخفاها ، حتى لا تعلم يمينه ما تنفق شماليه

"Seorang lelaki yang bersedekah dengan suatu sedekah lalu disembunyikannya, sehingga tidak diketahui tangan kanannya apa yang dibelanjakan oleh tangan kirinya"

Seorang perawi telah menukarkannya, sedangkan riwayat yang sahih terdapat dalam *Sahīḥ al-Bukhārī* dan *Sahīḥ Muslim* dalam satu riwayat yang lain.

حتى لا تعلم شماليه ما تنفق يمينه

"Sehingga tidak diketahui tangan kirinya apa yang diinfaq oleh tangan kanannya"<sup>490</sup>

## HUKUM HADITH MAQLUB:

Hadith *maqlub* adalah termasuk dalam kelompok hadith *da'if* yang ditolak. Para *muhadhithin* berpendapat tidak harus menukar-nukarkan hadith dengan tujuan supaya hadith tersebut dikategorikan sebagai hadith *gharib* atau untuk menempel sanad yang kuat kepada matan yang *da'if*. Perbuatan tersebut adalah mengubah hadith dan ia merupakan amalan golongan yang melakukan pemalsuan ke atas hadith Rasulullah (s.a.w.).

Apabila pertukaran itu berlaku kerana kecuaian perawi atau kerana terlupa, ia boleh memyebabkan hadith itu *da'if* kerana faktor kelemahan ingatan perawi terutama jika ia berlaku terlalu kerap.

Namun begitu, menukar-nukarkan hadith dengan tujuan untuk ujian adalah diharuskan bagi memantapkan ingatan kalangan *muhadhithin*, dengan syarat kedudukan hadith yang sebenar hendaklah diterangkan sebelum majlis bersurai.

#### 4. HADÍTH MUT̄ARIB:

Di segi bahasanya ia adalah nama objek dari perkataan "الاضطراب" iaitu porak peranda dan rosak sistemnya, asalnya adalah "اضطراب الموج" (kocakan ombak) dinamakan demikian kerana pergerakannya yang banyak dan memukul antara satu sama lain.<sup>491</sup>

Menurut terminologi pula ia adalah ḥadīth yang diriwayatkan secara yang berbeza, pada sanad atau matan, sama di segi kekuatan dan tidak boleh ditarjihkan.

Dari definisi di atas, sesuatu ḥadīth dikira ḥadīth *Mut̄arib* bila terdapat dua syarat iaitu:

- i. Terdapat perselisihan periyawatan yang tidak boleh diserasikan.
- ii. Hadīth-hadīth yang bertentangan itu sama di segi kekuatannya, di mana tidak boleh ditarjihkan salah satu di antaranya.

Apabila ḥadīth yang bertentangan itu boleh ditarjihkan, ia tidak dikira ḥadīth *mutṭarib*, di mana ḥadīth yang ditarjih akan diterima, atau diamalkan kesemuanya jika ia boleh diselaraskan.

Pertentangan atau *ittirab* itu terjadi pada sanad ḥadīth dan matannya, namun begitu yang banyak berlaku ialah pertentangan pada sanad.

Keadaan ini boleh terjadi pada ḥadīth yang diriwayat oleh seorang perawi atau satu kumpulan perawi yang meriwayatkan hadīth.

Keadaan pertama terjadi apabila beliau meriwayatkan sesuatu hadīth dari berbagai saluran atau wajah, sedang keadaan kedua terjadi apabila setiap perawi meriwayatkan dari saluran mereka masing-masing. Punca berlakunya percanggahan tersebut adalah ingatan kurang mantap.

Contoh-contoh:

*Mutṭarib* pada sanad: ḥadīth Abū Bakr r.a di mana beliau berkata:  
Wahai Rasulullah ! Saya melihat tuan beruban. Sabda baginda:

شیبیتی هود و أخواتها

*"Hud dan saudara-saudaranya yang menyebabkan saya beruban"*<sup>492</sup>

Beliau meriwayatkan dengan lafaz: " " katanya:  
Hadith Gharib. Hadith ini diriwayatkan juga oleh al-Tabrānī dalam Mu'jam al-Kabir.

Al-Darqutnī berkata: Hadīth ini adalah *muttrarib* kerana ia diriwayatkan hanya melalui Abū Ishaq, perselisihan terjadi dalam sepuluh bentuk, ada yang meriwayatkannya secara *mursal*, ada pula yang meriwayatnya secara *mawsūl*, setengah perawi memasukkannya dalam Musnad Abu Bakr, ada yang memasukkan dalam Musnad Sa'ad, ada pula yang memasukkan dalam Musnad 'Aisyah. Semua perawinya *thiqat* dan tidak boleh ditarjihkan.

*Mutarrib matan:*

Hadīth yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy dari Syurāyk, dari Abū Ḥamzah, dari Syu'bīy, dari Fatimah binti Qays r.a katanya: Rasulullah (s.a.w.) ditanya mengenai zakat lalu sabdanya:

لَيْسَ فِي الْمَالِ حَقٌّ سُوَى الزَّكَاةِ

Ibn Majah pula meriwayatkan dalam bentuk:

أَنْ فِي الْمَالِ لَحْقًا سُوْىِ الزَّكَاةِ

Al-'Iraqiy berkata: Ini adalah *ittirab* yang tidak mungkin dita'wilkan.

## 5. HADITH MUSAHHAF

*Musah̄haf* pada bahasanya adalah nama objek dari **لتصحيف** iaitu salah pada lembaran di mana setengah-setengah perkataan terdapat kesilapan atau kesalahan berpunca dari kesalahan membaca pada lambaran tertulis.

Menurut terminologinya ialah mengubah perkataan yang terdapat pada ḥadīth kepada yang lain dari yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqat* samada perkataan atau makna.<sup>493</sup>

Ita merupakan satu ilmu yang memerlukan kepada ketelitian bagi menyingkap kesalahan yang terdapat pada ḥadīth.

Hadīth *Musahḥaf* ini, dengan melihat dari beberapa sudut terbahagi kepada beberapa bahagian:

- \*
- i. Aspek kedudukannya:

Ia terbagi dua iaitu:

- i. *Taṣḥīf* pada sanad:

Contohnya:

Hadīth Syu'bah dari "العوام بن مزاجم" di mana Ibn Ma'in telah mentaṣḥifkannya kepada "العوام بن مزاجم".

- ii. *Taṣḥīf* pada Matan:

Contohnya:

Hadīth Zayd bin Thabit bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda: "احتجر في المسجد" telah ditaṣḥifkan oleh Ibn Lahi'ah kepada "المسجد".

- ii. Aspek sebab Kemunculan:

- i. *Tashīf Baṣar* (penglihatan): Berpunca dari penglihatan pembaca kerana tulisan yang tidak baik atau tanpa titik bagi setengah perkataan telah berlaku salah baca.

Contohnya:

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

من صام رمضان وأتبعه سنا من شوال ...

Hadith ini telah *ditaṣḥifkan* oleh Abū Bakr al-Šawli, dengan katanya:

من صام رمضان وأتبعه شيئاً من

Ditaaḥifkan "سنا" kepada ". شيئاً من".

- ii. *Tashīf Sama'* (pendengaran):

Ini berpunca dari faktor pendengaran seorang perawi, samada pendengaran yang kurang baik atau ia mendengar dari jauh, berlaku *tashīf* ini terutama pada perkataan yang sama laras bahasanya.

عاصم الأحرار " Contohnya; ḥadīth yang diriwayatkan dari " وَاصْلَ الْأَحَدَبْ ' ditashīfkan kepada '

III. Aspek perkataan atau makna:

i. *Tashīf* pada perkataan:

Jenis inilah yang paling banyak berlaku, seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh yang diberikan di atas.

ii. *Tashīf* pada makna:

Perawi yang meriwayatkan ḥadīth mengekalkan perkataan tanpa mentashīfannya tetapi memberi ulasan dan tafsiran yang menunjukkan ia memahami makna ḥadīth tersebut tidak seperti maksudnya yang sebenar.

Contohnya:

Abī Muṣā Al-‘Anaziy berkata:

نَحْنُ قَوْمٌ لَنَا شَرْفٌ ، نَحْنُ مِنْ عَزَّةٍ ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

*"Kami adalah satu kaum yang mempunyai kehormatan, Kami dari 'Anazah, di mana Rasulullah (s.a.w.) berdoa kepada kami."*

Ulasan di atas adalah merupakan fahaman beliau kepada hadith Rasulullah (s.a.w.):

« أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ

Beliau menyangka yang Rasulullah (s.a.w.) berdoa kepada kabilahnya, dengan merujuk kepada perkataan 'Anazah yang terdapat pada ḥadīth tersebut, sedangkan yang dimaksudkan dengan 'anzah itu adalah kayu yang diletakkan di hadapan orang yang sedang solat, sebagai sempadan yang menghalang orang lain melintasi dihadapannya.

---

## Nota Hujung

<sup>1</sup>Muhammad 'Ajāj al-Khatīb, *Uṣūl al-Hadīth wa Muṣṭalahuhu*, (Beirut: Dar al-Fikr al-Hadith, 1967/1386), hal. 35.

<sup>2</sup>Surah al-Hadid, 57: 19.

<sup>3</sup>Surah Ali-'Imrān, 3: 179.

<sup>4</sup>Surah al-Nisā', 4: 171.

<sup>5</sup>Surah al-Nur, 24: 62.

<sup>6</sup>Surah al-Nisā', 4: 136.

<sup>7</sup>Surah al-A'rāf, 7: 158.

<sup>8</sup>Surah al-Tagħabun, 64: 8.

<sup>9</sup>Beliau ialah Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'iyy, Imam yang terkenal, salah seorang daripada imam empat, dilahirkan di Ghazzah di Palestin, kemudian ibunya merantau ke Mekah, seorang yang pintar dan menonjol pada mulanya dalam Sastera dan Linguistik, kemudian dalam Hadith dan Fiqh. Banyak menghasilkan karya, antaranya yang terkenal *al-'Uum* dan *al-Risālah*, meninggal di Mesir, pada tahun 204H. Lihat: Tārīkh Baghdād, 2/56; al-Wafayāt, 4/163-169 Sifah al-Ṣafwah, 2/140; al-Hiliyah, 9/163-164.

<sup>10</sup>Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'iyy, *al-Risalah*, hal. 75. perenggan 239-240.

<sup>11</sup>Malik dalam *al-Muwatta'*, 2: 776; Muslim, 1; 382 dan 4: 1748.

<sup>12</sup>Al-Syāfi'iyy, *op.cit.*, hal. 76.

<sup>13</sup>Surah Al-Nisā' 4: 64.

<sup>14</sup>Surah Ali-'Imrān, 4: 132.

<sup>15</sup>Surah al-Mā'idah, 5: 92.

<sup>16</sup>Surah al-Anfal, 8: 20.

<sup>17</sup>Surah al-Nur, 24: 54.

<sup>18</sup>Surah Ali-'Imran, 3: 32.

<sup>19</sup>Surah al-Ahzab, 33: 36.

---

<sup>20</sup>Abū Ḥabīb Muṭawalli Ḥammādah, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makānatuhu fi al-Tasyri'*, Kahirah: Dar al-Qawmiyyah, hal. 58.

<sup>21</sup>Abū Ishaq Ibrāhīm bin Muṣā al-Syātibī, seorang ulama ternama dalam madhab Mālikī, terkenal dalam bidang hadith, tafsīr, fiqh dan usul fiqh serta linguistik. Beliau meninggal pada 790H. Banyak meninggalkan karya, yang paling masyhur ialah *al-Itisām* dan *al-Muwafaqat*. Lihat: Abd al-Muta'āl al-Sya'iediy, *Al-Mujāddidin fi al-Islam*, hal. 305-312.

<sup>22</sup>Abū Ishaq Ibrāhīm al-Syātibī, *Al-Muwafaqat*, (Kahirah: Matba'ah Muhammad Ali Subayh), 4: 10.

<sup>23</sup>Surah al-Nisa', 4: 65.

<sup>24</sup>Surah al-Nur, 24: 63.

<sup>25</sup>Surah al-Nur, 24: 62.

<sup>26</sup>Surah Ali-'Imrān, 3: 31.

<sup>27</sup>Surah al-Nisa', 4: 80.

<sup>28</sup>Surah al-Hasyr: 59: 9.

<sup>29</sup>Abū al-Fidā' Isma'il bin Kathir al-Damisyiqiy, *Tafsīr al-Qur'an al-Azīm*, (Kahirah: 'Isā al-Bābiy al-Halabiy), 1: 120; Ibn Abī al-'Iz al-Hanafiy, *Syarḥ Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: al-Maktab al-Islāmiy, 139H), hal. 70-71.

<sup>30</sup>Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Itisām, bab iqtida' bi Sunan Rasulullah (s.a.w.), 8: 138.

<sup>31</sup>Al-Bukhārī 8:, Muslim hadīth no: 2283, hal. 140.

<sup>32</sup>Al-Syātibī, *op.cit*, 4: 10.

<sup>33</sup>Muhammad bin Abū Bakr bin Ayyūb bin Sa'ad al-Zar'iyy al-Damisyiqiy, Abu Abd Allāh, Syams al-Dīn, dilahirkan pada 691H dan meninggal pada 751H. Seorang tokoh dalam berbagai bidang, antaranya fiqh, hadith, usūl al-fiqh, nahu dan sastera. Berguru dengan Ibn Taymiyyah dan dipenjarakan bersama-sama di Penjara Qal'ah, beliau banyak menghasilkan karya, antara yang terkenal, *A'lām al-Muwāqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn, Zād al-Ma'ād fi Hady Khāyr al-'Ibād, Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siāsah al-Syar'iyyah*. Lihat: Ibn Kathir, *Bidayah wa al-Nihayah*, 14: 234; Ibn Hajar, *Al-Durar al-Kāminah*, 3: 400-403, Ibn al-'Imad, *Syadhzarāt al-Dahb*, 6: 168.

---

<sup>34</sup>Ibn Qayyim al-Jawziyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ*, Misr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā), 1: 58.

<sup>35</sup>Abū al-'Alā' Abd al-Raḥman al-Mubārakfūriy, *Muqaddimah Tuhfah al-Ahwadhiy*, (Madinah al-Munawwarah: Muḥammad Abd-al-Muhsyn al-Kutbiy), hal. 21.

<sup>36</sup>*Ibid*, hal. 22; Lihat juga, Ibn Kathīr, *op.cit*, 1: 528; Al-Qādī 'Iyādh, *Al-Syifa' bi Ta'rīf Huqūq al-Muṣṭafā*, (Mekah: Dar al-Bāz, 1399H), 2: 6.

<sup>37</sup>Yusoff bin Abd Allāh bin Muḥammad bin Abd al-Bar al-Qurtubiyy, Abū Amr, seorang tokoh hadīth yang terkenal, beliau juga seorang faqih, sejarawan dan sasterawan. Dilahirkan pada 368H di Cordova dan meninggal pada 463H di Shātibah. Abū Walīd al-Bājī berkata: Saya tidak temui di Andalus, orang yang setanding dengannya dalam bidang hadīth. Lihat: Ibn Khalikan, *Wafayat al-A'yān*, 7: 66-72.; Ibn al-'Imād, *Syadharat al-Dhahb*, 3:314.

<sup>38</sup>Ibn Abd al-Barr, 2: 189.

<sup>39</sup>Surah An-Nisā' 4: 59.

<sup>40</sup>Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Khalid al-Tabariy, Abū Muḥammad, seorang imam mujtahid, pengarang kepada kitab tafsir, ḥadīth, fiqh, sejarah dan lain-lain. Dilahirkan di Amal Tibristan pada 224H dan meninggal di Baghdād pada 310H. Lihat: Al-Khaṭīb Baghdādiy, *Tārīkh Baghdaḍā*, 2: 162., Ibn Khalikan, *Wafayāt al-A'yān*, 4: 191-192; Al-Dawūdiy, *Tabaqāt al-Mufassirin*, 2: 110-118; Ibn al-'Imad, *Shadharat al-Dahb*, 2: 160.

<sup>41</sup>Al-Tabariy, *op.cit*, 4: 150; Lihat juga Muṣṭafā al-Sibā'iy, *Al-Sunnah wa Makānatuhā fi al-Tasyri' Islāmiy*, (Beirut Al-Maktab al-Islamiy, 1985), hal. 55.

<sup>42</sup>Surah Asy Syurā, 42: 10.

<sup>43</sup>Ali bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazm al-Zāhirīy, Abū Muḥammad, ulama besar di Sepanjol di zamannya, dilahirkan pada 384H dan meninggal tahun 456H. Banyak meninggalkan karya, antara yang terkenal ialah *al-Iḥkām fi Usūl al-Aḥkām*, *al-Muhallā bi al-Athār fi Syarḥ al-Majalla bi Intishar*, *al-Faṣl fi al-Milāl wa al-Nihāyāt*. Lihat: Ibn Khalikān, *Wafayāt al-A'yān*, 3: 325-330, Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihāyah*, 12: 91 dan Ibn Hajar, *Lisan al-Midhan*, 4: 198.

<sup>44</sup>Ali bin Aḥmad Ibn Ḥazm al-Andalusiy, *Al-Iḥkām fi Usūl al-Aḥkām*, (Kahirah: Maṭba'ah al-Khanji, 1345H), 1: 250.

<sup>45</sup>*Ibid*.

---

<sup>46</sup>Surah al-A'rāf, 7: 157.

<sup>47</sup>Surah al-Aḥzāb, 33: 21.

<sup>48</sup>Surah al-Aḥzāb, 33: 34.

<sup>49</sup>Malik, *op.cit*, kitab al-qadar, 2: 899.

<sup>50</sup>Irbad bin Sāriah al-Silmīy, digelar sebagai Abū Nujāyh, salah seorang dari penghuni Ṣifāh, kemudian menetap di Sham dan wafat di sana pada tahun 75H. Lihat Ibn Abd al-Barr, *al-Isti'āb*, 3: 1234-1239; Ibn al-Athir al-Jazrī, *Usd al-Għabah*, 3: 516-517.

<sup>51</sup>Al-Tirmidhiy, 5: 34. Hadith ini diriwayat juga oleh Ahmad, 1: 437; Abu Dawūd, 5: 14; Ibn Mājah, muqqadimah, hal. 84-86; dan Ibn Hibbān, 4: 200.

<sup>52</sup>Al-Bukhāriy, *op.cit*, 13: 214.

<sup>53</sup>Abu Dāwūd, 4: 200; al-Tirmidhiy, 5: 38; Ibn Mājah, Muqaddimah, 1: 6.

<sup>54</sup>Al-Syāfi'iyy, *op.cit*, 13: 214.

<sup>55</sup>Hammād @ Ahmad bin Ibrāhīm Khitāb al-Bustiy- dinisbahkan kepada Bust sebuah bandar di wilayah Kabul - Abu Sulayman, tunggak ilmu di zamannya, seorang hafiz dan faqih yang ulung, meninggal pada 388H. Antara karya beliau yang terkenal: *Ma'ālim al-Sunan*, *Gharib al-Hadīth* dan *Islah Ghalāt al-Muḥādithīn*. Lihat: Al-Yāfi'iyy, *op.cit*, 2: 435; Ibn al-'Imad, *op.cit*, 3: 127-128.

<sup>56</sup>Al-Qurtubiy, *op.cit*, 1/38.

<sup>57</sup>*Mawārid al-Damān*, hal. 47 dengan lafaz yang hampir sama. Ibn Abd al-Barr meriwayatkan dengan lafaz: Allah merahmati seorang yang mendengar perkataanku, lalu memberitahu orang lain sebagaimana yang di dengar dan berapa ramai orang yang disampaikan lebih mengerti dari orang yang mendengar. Lihat Ibn Abd al-Bar, *op.cit*, hal. 1/40.

<sup>58</sup>Al-Syāfi'iyy, *op.cit*, hal. 402-403.

<sup>59</sup>Aḥmad bin Husain bin Ali, Abū Bakr, Seorang ulama di zamannya, salah seorang imam dalam ḥadīth. Beliau juga seorang faqih dan mendalam ilmunya dalam uṣūl fiqh. Dilahirkan pada 384H dan wafat pada 458H. Antara karyanya yang terkenal: *Sunan al-Kubrā*, *Dala'il al-Nubuwah* dan *al-Mabsut*.

<sup>60</sup>Al-Suyutiyy, *Miftah al-Jannah fi al-Ihtijaj bi al-Sunnah*. (Madinah al-Munawwarah; Jāmi'ah al-Islamiyyah, 1399H) hal. 8-9.

---

<sup>61</sup>Mustafā Sibā'iy, *op.cit*, hal. 276; al-Salafiy, *op.cit*, hal. 19-26; Siddiq Abd al-Azim Abū al-Hassan, *op.cit*, hal. 36; Yusuff al-Qaradawiy, *Kayf Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, (USA: Hyrinden, Virginia; Maahad al-Alamiy li al-Fikr al-Islamiy, 1990), hal. 23.

<sup>62</sup>Malik, *Al-Muwatta'*, hal. 317-318, Abū Dāwūd, 3: 121-122, 3: 283-284; Abu Bakr Ahmad bin Ali al-Marwaziy, *Musnad Abi Bakr al-Siddiq*, Damsyik: Al-Maktab al-Islamiy, 1393), hal. 157-158; Al-'Asqalāniy, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 8: 346-347.

<sup>63</sup>Ahmad dalam *al-Musnad*, 1: 197, 213.

<sup>64</sup>*Ibid*, 1: 378.

<sup>65</sup>*Ibid*, 2: 103.

<sup>66</sup>*Ibid*, 2: 52.

<sup>67</sup>*Ibid*, 2: 21.

<sup>68</sup>*Ibid*, 8: 68; 77.

<sup>69</sup>Ibn Abd al-Bar, *op.cit*, 563.

<sup>70</sup>Surah al-Najm, 53: 3-4.

<sup>71</sup>Abd al-Rahman bin Abū Bakr Muhammadiy, Jalāl al-Dīn, dilahirkan pada 849H dan meninggal pada 911H, Tokoh ulama yang terkenal dalam berbagai bidang ilmu seperti tafsir, hadīth, fiqh, usūl fiqh, bahasa dan sejarah. Banyak menghasilkan karya, antaranya: *Al-Asbah wa Naṣā'ir fi al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, *Tadrib al-Rāwīy*, *Tanwīr al-Hawālik* dan lain-lain. Lihat Ibn Ḥajar, *Al-Dhā'u' al-Lāmi'*, 4: 65, *Ibn al-'Imad*, *op.cit*, 8: 51; *Al-Syaukāniy*, *Al-Badr al-Thāli'*, 1: 328-335.

<sup>72</sup>Abd al-Rahman bin Abū Bakr al-Suyuti, *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, (Misr: Mustafā al-Halabiy, 1370H), 1: 153.

<sup>73</sup>Ibn Ḥazm, *op.cit*, 1: 97.

